



MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2013





**MAKLUM BALAS KERAJAAN
TERHADAP LAPORAN TAHUNAN
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA 2013**

MUKADIMAH

Selaras dengan fungsi dan kuasa yang termaktub dalam Seksyen 4(1) dan Seksyen 21(1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597], Laporan Tahunan SUHAKAM 2013 yang meliputi pelbagai isu hak asasi manusia telah disediakan dan telah dikemukakan kepada Parlimen semasa Mesyuarat Pertama Parlimen pada 8 April 2014. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) bertanggungjawab meneliti kesemua isu-isu hak asasi manusia yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan tersebut dan menyelaras maklum balas daripada pelbagai agensi Kerajaan yang berkaitan dengan isu-isu tersebut secara spesifik.

Maklum balas yang disediakan ini merangkumi maklum balas-maklum balas yang diperolehi dari kementerian/jabatan/agensi yang terbabit secara langsung dengan isu-isu yang dibangkitkan. Maklum balas daripada pihak kementerian/jabatan/agensi Kerajaan antaranya menerangkan tentang pendekatan atau kaedah serta usaha pelaksanaan dan penyelesaian yang telah diambil terhadap isu-isu hak asasi manusia yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2013 tersebut.

Penyediaan buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2013 ini dengan jelas menunjukkan bahawa Kerajaan secara berterusan sentiasa memberi penekanan dan mengambil berat terhadap kepentingan hak asasi manusia semua lapisan masyarakat di negara ini. Hasil daripada komitmen dan kerjasama daripada kementerian/jabatan/agensi Kerajaan terbabit, maklum balas-maklum balas berkaitan yang telah diterima setakat Julai 2014 telah diselaraskan dan dimasukkan dalam Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2013. Semoga dengan terhasilnya maklum balas ini, isu-isu yang dibangkitkan telah diberi penjelasan sewajarnya.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

<i>i</i>	<i>MUKADIMAH</i>
1-16	ISU-ISU UTAMA
17-38	BAB 1 – LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM
39-95	BAB 2 – LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI
97-137	BAB 3 – LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR
139-146	BAB 4 – LAPORAN PEJABAT SABAH
147-165	BAB 5 – LAPORAN PEJABAT SARAWAK
167-176	SENARAI SINGKATAN



**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

ISU-ISU UTAMA

ISU-ISU UTAMA

MUKA SURAT

- | | |
|----|---|
| 3 | 2. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 |
| 3 | 3. Tritis Antarabangsa |
| 4 | 4. Hak Kepada Pendidikan Bagi Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran |
| 6 | 5. Hak Warga Emas |
| 9 | 8. Pilihan Raya Umum Ke-13 |
| 12 | 9. Tempat Tahanan |
| 14 | 10. Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli Di Malaysia (Laporan NI) |
| 14 | 11. Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) |
| 15 | 12. Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) |
| 16 | 13. Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012 |

2. AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999

Fungsi dan kuasa Suruhanjaya sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Nasional perlu diperkukuhkan. Suruhanjaya telah mengemukakan sembilan syor seperti berikut:

- *Mengukuhkan proses pemilihan Anggota Suruhanjaya;*
- *Melantik Anggota Suruhanjaya sepenuh masa dan/atau separuh masa;*
- *Menambahkan tempoh masa lantikan Anggota Suruhanjaya;*
- *Membolehkan Suruhanjaya menjalankan lawatan mengejut dari semasa ke semasa ke tempat tahanan;*
- *Membolehkan Suruhanjaya menjalankan mediasi;*
- *Memformalkan proses konsultasi Kerajaan bersama Suruhanjaya dalam penggubalan dan pindaan undang-undang;*
- *Memastikan pemberian dana tahunan yang mencukupi kepada Suruhanjaya menerusi Parlimen;*
- *Membolehkan Suruhanjaya memainkan peranan sebagai amicus curiae dalam kes mahkamah yang membabitkan pencabulan hak asasi manusia; dan*
- *Memastikan Laporan Tahunan Suruhanjaya dibahaskan di Parlimen.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan amat menghargai peranan yang dimainkan oleh SUHAKAM dalam memastikan hak-hak asasi manusia di Malaysia terus terpelihara. Bagi membolehkan SUHAKAM dapat memainkan peranan ini dengan lebih berkesan, Kerajaan melalui Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama dan berkongsi maklumat dengan SUHAKAM. Sejak penubuhan SUHAKAM Kerajaan telah beberapa kali mengambil langkah untuk memperkukuhkan lagi proses pemilihan ahli SUHAKAM termasuk yang melibatkan pindaan kepada Akta SUHAKAM 1999 iaitu melalui Akta A1353 dan Akta A1357. Kerajaan adalah terbuka untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan dan bersedia mempertimbangkan sebarang cadangan bagi memperkukuhkan lagi fungsi dan peranan SUHAKAM.

3. TRITI ANTARABANGSA

Suruhanjaya merujuk kepada komitmen Kerajaan yang dibuat semasa kitaran pertama UPR pada tahun 2009, bahawa ia akan mengambil langkah untuk menyertai empat triti - iaitu ICESCR, ICCPR, ICERD dan Konvensyen

Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT). Suruhanjaya menggesa agar Kerajaan mempercepat usahanya menerusi Jawatankuasa Tetap antara Agensi mengenai Hak Asasi Manusia yang telah ditubuhkan untuk mengkaji isu berkaitan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan meletakkan kepentingan ke atas elemen-elemen yang terkandung di dalam instrumen-instrumen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia di dalam mencapai objektif memelihara dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia. Sehubungan dengan itu, langkah-langkah proaktif terus diambil untuk mengusahakan kesertaan Malaysia kepada instrumen-instrumen yang berkaitan.

Pada masa ini, Kerajaan sedang memuktamadkan kajian yang dilakukan ke atas Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial, dan Kebudayaan (*International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights – ICESCR*). Kerajaan berpandangan bahawa kesertaan kepada mana-mana instrumen antarabangsa tidak seharusnya dilaksanakan secara tergesa-gesa tanpa menyempurnakan proses penelitian menyeluruh terhadap instrumen-instrumen tersebut.

Kerajaan ingin memastikan bahawa manfaat daripada kesertaan Malaysia kepada instrumen-instrumen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia yang berkaitan dapat diaplikasikan sepenuhnya di Malaysia dan supaya peruntukan-peruntukan instrumen berkenaan dapat dilaksanakan menerusi rangka perundangan negara. Undang-undang sedia ada di negara ini juga perlu disemak untuk memastikan sebarang percanggahan dengan peruntukan instrumen berkenaan dapat diatasi.

4. HAK KEPADA PENDIDIKAN BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN

Walaupun Malaysia telah meratifikasi CRC dan CRPD, Suruhanjaya mendapati bahawa terdapat sebilangan besar Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran (CWLD) masih lagi tercicir daripada mendapatkan pendidikan rendah. Beberapa kelemahan telah dikenalpasti di sesetengah sekolah kendalian Kerajaan dari segi ruang pembelajaran, kekurangan latihan dan peralatan untuk guru pendidikan khas, kekeliruan guru terhadap Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan kekurangan kemudahan bagi meningkatkan pembangunan fizikal dan emosi CWLD. Susulan daripada

forum mengenai Hak kepada Pendidikan bagi CWLD yang telah diadakan di tiga kawasan, beberapa isu telah diutarakan iaitu:

- Terdapat kekeliruan dalam kriteria kemasukan bagi program pendidikan khas, terutama sekali peranan agensi Kerajaan lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seharusnya menghebahkan kepada orang ramai mengenai kriteria kemasukan tersebut dan memperbaiki kerjasama antara agensi.*
- Program pencegahan awal harus dipertingkatkan bagi memastikan kelancaran integrasi CWLD ke dalam program pendidikan arus perdana.*
- Kerajaan perlu mempertingkatkan kemudahan di sekolah khas untuk memastikan ianya memenuhi keperluan CWLD, dan mendapatkan penaja korporat untuk bantuan sekiranya perlu.*
- Bilangan sekolah yang menawarkan program pendidikan khas perlu ditambah terutamanya di kawasan pedalaman memandangkan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti tidak mempunyai fungsi yang sama seperti sekolah sedemikian.*
- Pertimbangan sewajarnya harus diberikan berhubung penempatan guru terlatih dalam Program Pendidikan Khas; guru dan pembantu mereka perlu diberikan latihan berterusan bagi meningkatkan kemahiran mereka.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KPM akan memaklumkan kriteria kemasukan bagi program pendidikan khas kepada KKM dan JKM melalui risalah. Selain itu, kriteria tersebut telah pun disampaikan dalam mesyuarat bersama KKM dan JKM pada tahun 2005 dan 2006. Prosedur yang ada juga akan dimasukkan dalam Portal Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) untuk makluman semua pihak.

BPKhas menyediakan perkhidmatan sokongan di Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK). Kerjasama antara KKM dan NGO amat diperlukan memandangkan program pencegahan ini seharusnya dibuat lebih awal pada umur sebelum persekolahan kanak-kanak. KPM secara berperingkat melaksanakan projek gantian penuh sekolah pendidikan khas yang dikategori sebagai uzur dan tidak selamat diduduki. Permohonan dibuat untuk mendapatkan peruntukan melalui melalui peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia.

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) giat dibangunkan dari semasa ke semasa. Pembukaan PPKI diselaraskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mengikut keperluan sesuatu kawasan tersebut.

Program latihan telah dirancang dan dilaksanakan pada tahun 2014 mengikut Pelan Operasi Latihan Guru dan PPM. Latihan ini diberikan secara berterusan pada setiap tahun dengan menggunakan peruntukan daripada Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM).

5. HAK WARGA EMAS

Suruhanjaya telah mengenal pasti isu berkenaan perkhidmatan jagaan dan sokongan kepada penjaga warga emas seperti berikut:

- *Ketidaksesuaian pembinaan beberapa fasiliti yang menimbulkan halangan fizikal dan cabaran kepada warga emas.*
- *Terdapat warga emas yang dinafikan akses kepada perkhidmatan kewangan terutamanya kemudahan pinjaman, kerana mereka dianggap tidak berkemampuan melangsaikan pinjaman atas sebab usia.*
- *Ramai di kalangan warga emas menghadapi masalah kewangan selepas bersara terutamanya mereka yang berkerja sendiri.*
- *Masalah kesihatan warga emas seharusnya melayakkan mereka mendapat perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berpatutan dan mudah diakses.*
- *Kementerian Kesihatan menghadapi kekurangan sumber dan ini telah menjejaskan perkhidmatan yang disediakan.*

Adalah dicadangkan agar Kerajaan meneroka jalinan kerjasama dengan pihak swasta dalam memperluaskan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berpatutan, di samping melatih kakitangan perubatan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada warga emas. Dasar Warga Emas Negara, Pelan Tindakan untuk Warga Emas dan undang-undang berkaitan harus diperketatkan bagi memastikan perlindungan penuh terhadap hak kumpulan sasaran ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memastikan reka bentuk fasiliti yang akan dibina mengambil kira keperluan pelbagai peringkat masyarakat termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas. JKR merujuk kepada dokumen *Malaysian Standard MS1184:2014 ~ Universal Design and Accessibility In The Built Environment – Code of Practice (Second Revision)* yang menggariskan pelbagai keperluan dan cadangan bagi menyediakan alam bina yang lestari yang mudah diakses oleh orang awam.

Kerajaan juga melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil inisiatif-inisiatif berikut berhubung isu aksesibiliti warga emas, iaitu:

- (a) membuat pemantauan terhadap pelaksanaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS 1984) melalui pihak berkuasa tempatan (PBT). KPKT juga meneruskan pengagihan peruntukan tahunan kepada PBT secara berperingkat bagi tujuan pelaksanaan penyediaan/pengubahsuaian kemudahan sedia ada supaya mesra OKU dan warga emas; dan
- (b) satu draf Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas telah disediakan dan kini sedang dikemas kini sebelum dimuktamadkan.

Secara umumnya, dasar kewangan yang sedia ada tidak pernah mendiskriminasikan golongan warga emas. Faktor umur bukan kriteria utama dalam pemberian pinjaman. Institusi kewangan perlu memastikan bahawa pinjaman yang diberikan kepada seseorang individu, termasuk warga emas, adalah bersesuaian dengan keperluannya dan selaras dengan kemampuan membayar semula pinjaman tersebut di sepanjang tempoh pembiayaan. Dalam hal ini, penilaian kemampuan seseorang individu untuk membayar semula pinjaman institusi kewangan perlu mendapatkan maklumat mengenai pendapatan individu tersebut dan obligasi pembayaran balik hutang semasa mereka. Ini adalah untuk memastikan institusi kewangan mengamalkan pembiayaan yang berhemah, bertanggungjawab dan telus sebagai langkah perlindungan yang lebih baik kepada pengguna dan pasaran kredit yang mampan bagi memelihara kestabilan ekonomi dan makroekonomi. Amalan ini bertujuan untuk mengelakkan keberhutangan individu yang keterlaluan sekaligus menggalakkan peminjaman secara bertanggungjawab oleh pengguna.

Kerajaan komited dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada warga emas dan satu dasar telah digubal pada tahun 1996, iaitu Dasar Kesihatan Warga Emas Negara. Bagi menjayakan dasar ini, antara pendekatan Kerajaan adalah dengan memperkukuhkan kerjasama sedia ada dan menjalin kerjasama baru

dengan agensi Kerajaan, bukan Kerajaan dan swasta dalam penjagaan kesihatan warga emas. Komitmen Kerajaan untuk bekerjasama dengan sektor swasta juga akan terus ditekankan dalam perancangan RMK-11.

Seiring dengan dasar ini, KKM telah membangunkan penjagaan kesihatan yang menyeluruh merangkumi promosi dan pendidikan kesihatan, saringan dan penilaian kesihatan, pemeriksaan perubatan, kaunseling, rawatan dan rujukan, lawatan dan perawatan di rumah, rawatan pemulihan (pemulihan anggota dan cara kerja) dan aktiviti rekreasi, sosial dan kebajikan untuk warga emas sejak 1996. KKM juga telah mengambil inisiatif dalam memberikan latihan berkaitan penjagaan warga emas kepada kakitangan kesihatan dan kakitangan dari institusi Kerajaan yang lain, Badan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk badan-badan sukarela dan agensi-agensi lain. Ini merupakan cabaran kepada KKM dalam memastikan sumber manusia yang berkemahiran dalam bidang geriatrik mencukupi memandangkan Malaysia menuju ke arah penuaan penduduk (*aging population*).

Kerajaan melalui JKM sentiasa memberikan keutamaan dari segi bantuan kebajikan masyarakat kepada warga emas yang miskin. Ini terbukti di mana KARISMA Warga Emas atau Bantuan Orang Tua (BOT) merupakan skim bantuan kebajikan yang terbesar daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan yang diperuntukkan oleh Kerajaan. Pada tahun 2013, JKM membelanjakan sebanyak RM540 juta bagi memberi bantuan kebajikan kepada 142,124 orang warga emas di seluruh negara. Ini merupakan 35% daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan masyarakat pada tahun 2013.

Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui KKM untuk penjagaan kesihatan warga emas. Pada tahun 2012, kerajaan memperkenalkan pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta klinik pergigian milik kerajaan. Sebagai susulan kepada insentif tersebut, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi pengecualian tambahan kepada warga emas bagi caj pendaftaran Jabatan Pesakit Luar Pakar sebanyak RM5 dan pengurangan caj pesakit kelas 3 sebanyak 50% dengan caj maksimum sebanyak RM250 bagi setiap kemasukan di hospital dan klinik kerajaan. Pengecualian ini telah berkuat kuasa mulai 1 Mei 2012.

Pada 28 Mei 2012, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa KKM telah mengadakan pemeriksaan kesihatan berkala ke atas penghuni di 48 pusat jagaan warga emas yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Seterusnya, pada Ogos 2012, program ini telah diperluaskan melalui *National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS 7) 1Malaysia Family Care* di mana KKM telah melaksanakan perkhidmatan saringan kesihatan serta rawatan untuk warga emas yang tinggal di institusi serta yang terlantar di rumah dan

memberi latihan kepada penjaga warga emas yang terlantar di rumah. Selain warga emas, NBOS 7 juga difokuskan kepada golongan OKU dan ibu tunggal.

Bagi tahun 2013, seramai 11,294 orang warga emas yang tinggal di institusi telah menjalani saringan kesihatan manakala seramai 13,543 orang warga emas menerima rawatan susulan. Selain itu, 4,005 orang warga emas yang terlantar di rumah telah menjalani saringan kesihatan dan seramai 12,725 orang menerima rawatan. Seramai 11,701 orang penjaga warga emas yang terlantar di rumah juga telah dilatih bagi tempoh tersebut.

Tambahan kepada itu, Kerajaan menerusi JKM telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) bagi memenuhi keperluan warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik kesihatan. Semasa peringkat awal pewujudan perkhidmatan UPWE pada tahun 2008, hanya terdapat seramai 239 orang warga emas yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Bilangan tersebut telah meningkat kepada 2,042 orang warga emas pada akhir tahun 2013.

Bagi memastikan kualiti penjagaan warga emas menepati piawaian yang ditetapkan, pada ketika ini KKM sedang dalam proses menggubal Akta Kesihatan Orang Tua. Keperluan warga emas juga diambil kira dalam perancangan transformasi sistem kesihatan negara yang sedang dilaksanakan.

8. PILIHAN RAYA UMUM KE-13

Berdasarkan perbincangan Suruhanjaya dan pemerhati bebas yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk memantau proses pilihan raya, lapan syor telah dikemukakan, iaitu:

- *Terdapat keperluan bagi SPR untuk memperbaiki daftar pemilih.*
- *Saiz kawasan pilihan raya perlu ditetapkan bagi mengurangkan perbezaan dan memastikan perbezaan tidak melebihi 15% daripada purata kawasan di setiap negeri.*
- *SPR seharusnya bebas daripada Jabatan Perdana Menteri dan ahlinya harus dilantik oleh, dan dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Khas Parlimen yang kekal dan dwipartisan.*
- *SPR perlu diberi kuasa untuk melantik kakitangan sendiri dan bebas daripada perkhidmatan awam.*

- *Peranan Kerajaan sementara hendaklah ditakrifkan dan diperuntukkan dalam undang-undang bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab menyedari peranan dan tugas mereka untuk menjamin kelancaran pentadbiran negara semasa pilihan raya umum.*
- *OKU harus mendapat akses kepada kemudahan pilihan raya yang sama seperti pengundi lain.*
- *Pemerhati pilihan raya harus dilantik secara kekal dalam setiap PRU; proses pelantikan perlu diperbaiki dan latihan perlu disediakan dengan memberi penekanan terhadap amalan terbaik negara Asia Pasifik.*
- *Semua calon pilihan raya perlu mendapat akses yang sama kepada saluran komunikasi Kerajaan, yang tidak memihak kepada mana-mana parti dan tidak berat sebelah dalam melaporkan hal ehwal negara. Semua syarikat media milik Kerajaan mestilah bebas dalam laporan mereka dan menghentikan serangan tidak berasas kepada parti pembangkang.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

SPR sentiasa menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih sepanjang tahun berdasarkan kepada Peraturan 10 dan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Urusan pengemaskinian daftar pemilih yang dilakukan oleh SPR adalah seperti berikut:

- (i) memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia;
- (ii) memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan;
- (iii) memotong nama pengundi tidak hadir (PTH) yang hilang kelayakan;
- (iv) memotong rekod anggota tentera/polis yang telah menamatkan perkhidmatan; dan
- (v) memotong nama pengundi biasa yang menyertai perkhidmatan tentera/polis.

Walau bagaimanapun, SPR sentiasa terbuka dan menerima pandangan daripada semua pihak sekiranya terdapat cadangan-cadangan penambahbaikan. Namun

begitu, sebarang usaha penambahbaikan perlu berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi negara.

SPR tidak dapat menyeimbangkan saiz sesuatu bahagian pilihan raya memandangkan faktor geografi dan keadaan bentuk muka bumi yang berbeza, penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian tersebut. Pada amnya kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dan padat serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

Ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Fasal 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan mengenai penetapan dan prinsip-prinsip persempadanan seperti berikut:

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (SSC) telah membentangkan sejumlah 22 syor yang mana sebanyak 8 syor telah dilaksanakan. Syor-syor tersebut tidak sedikit pun menyentuh perihal SPR sebagai agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ini kerana SPR melaksanakan pengurusan pentadbiran dan kewangannya sendiri.

Sehingga kini pelantikan kakitangan SPR adalah mematuhi Perlembagaan Persekutuan di mana pihak berkuasa melantik adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Perkara mengenai peranan Kerajaan Sementara ini bukan di bawah bidang kuasa SPR seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Golongan OKU sememangnya diberi akses untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya. Mereka berhak untuk mendaftar dalam daftar pemilih pilihan raya dan

berhak untuk mengundi dalam pilihan raya umum serta pilihan raya kecil. Walau bagaimanapun, SPR menyedari beberapa Pusat Mengundi dan Tempat Mengundi perlu lebih mesra kepada OKU bagi membolehkan mereka untuk mengundi dengan lebih selesa. SPR juga telah memperkenalkan kemudahan kepada OKU yang tidak berupaya untuk mengundi di saluran yang terletak di tingkat 1 atau tingkat yang lebih atas dengan memperkenalkan prosedur khas supaya OKU berkenaan tidak perlu naik ke tingkat berkenaan tetapi mengundi di mana-mana saluran di tingkat bawah di Pusat Mengundi tersebut. SPR akan mengkaji kemudahan kepada OKU dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan pada masa hadapan.

Sehingga kini, sebanyak 17 NGO dilantik oleh SPR untuk menjadi pemerhati Pilihan Raya Umum (PRU) dan ini akan dikekalkan. Setiap pemerhati akan diberi latihan secukupnya oleh SPR berdasarkan amalan-amalan terbaik dan pengalaman SPR sendiri.

Kerajaan tiada halangan melaksanakan syor supaya calon-calon pilihan raya diberikan akses yang sama dalam semua saluran komunikasi termasuk saluran komunikasi Kerajaan. Walau bagaimanapun, ia haruslah berdasarkan kepada garis panduan dan kriteria-kriteria tertentu supaya peluang tersebut tidak disalahgunakan sehingga boleh menggugat keselamatan negara. Radio Televisyen Malaysia (RTM) umpamanya, sentiasa memberi ruang kepada semua pihak sama ada dalam liputan berita mahupun dalam rancangan bicarawara RTM. RTM pernah menawarkan slot siaran kepada semua parti politik semasa PRU-13 serta menjemput wakil mereka untuk menyertai bicarawara RTM. Siaran RTM sentiasa berdasarkan kepada fakta sah sah semata. RTM tidak memberi ruang kepada mana-mana pihak untuk menyerang pihak lain. Dalam masa yang sama, media-media bukan milik Kerajaan (*Independent Media*) juga mesti membuat laporan berita yang adil, tidak berat sebelah, tepat dan berasaskan fakta sama seperti tuntutan terhadap media Kerajaan.

9. TEMPAT TAHANAN

Berdasarkan lawatan berkala yang dijalankan, Suruhanjaya mendapati keadaan di pusat tahanan secara umumnya memenuhi standard minimum. Walau bagaimanapun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan:

- *Sekurang-kurangnya seorang pengamal perubatan harus ditempatkan di pusat tahanan untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada kakitangan dan tahanan, serta nasihat mengenai makanan yang bersesuaian untuk tahanan yang sakit.*

- *Peruntukan bajet makanan untuk tahanan perlu dikaji semula dari semasa ke semasa dan diseragamkan untuk semua pusat tahanan.*
- *Kerajaan perlu menangani kekurangan sumber manusia di penjara dan pusat tahanan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program pemulihan untuk banduan dan tahanan. Kerajaan perlu meneliti hak, kebajikan dan keadaan persekitaran kerja kakitangan di semua pusat tahanan, terutamanya mereka yang terdedah kepada penyakit berjangkit.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan prihatin terhadap keperluan kesihatan penghuni dan menyediakan perkhidmatan Doktor Panel dan Penolong Pegawai Perubatan di setiap penjara. Di samping itu, Pegawai Perubatan serta Jururawat turut ditempatkan di penjara tertentu. Berasaskan kepada ketetapan Akta serta Peraturan Penjara, doktor yang merawat penghuni boleh mengesyorkan pindaan atau tambahan pemakanan untuk seseorang penghuni berasaskan keperluan kesihatan. Setiap syor yang dibuat oleh Pegawai Perubatan akan dipatuhi dan dilaksanakan oleh pengurusan penjara. Kemudahan kesihatan yang disediakan di sesebuah penjara boleh juga diakses oleh kakitangan.

Peruntukan bajet untuk pembekalan makanan untuk tahanan sentiasa disemak berdasarkan harga pasaran semasa dan tempoh kontrak berkenaan. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat diseragamkan kerana berlaku perbezaan harga mengikut lokaliti contohnya harga barangan yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak berbanding Semenanjung Malaysia.

Kerajaan sentiasa memastikan bahawa perjawatan di penjara dan pusat tahanan adalah sesuai dengan beban tugas yang ditanggung. Pada masa ini Jabatan Penjara Malaysia juga telah melaksanakan penjajaran perjawatan mengikut keperluan sesebuah penjara.

Langkah-langkah penambahbaikan dilaksana secara berterusan untuk memastikan hak dan kebajikan semua yang bekerja di pusat tahanan terpelihara khususnya mereka yang terdedah kepada penyakit berjangkit. Pihak KKM, universiti serta SUHAKAM sendiri turut bekerjasama dalam melaksanakan kajian, rawatan, pengesanan atau pencegahan penyakit berjangkit.

10. LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA (LAPORAN NI)

Suruhanjaya telah melengkapkan Laporan NI pada bulan April dan mengumumkan kepada orang awam pada 5 Ogos, berikutan keputusan Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas bagi mengkaji hasil dapatan, syor dan cadangan laporan tersebut. Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan maklum balas serta merta daripada Kerajaan, ia berpandangan bahawa Laporan NI tersebut harus dibincangkan di Parlimen.

Memandangkan kepentingan hasil dapatan terhadap kesejahteraan Orang Asal, Suruhanjaya berharap agar Pasukan Petugas Khas akan melengkapkan hasil dapatannya dalam tempoh yang munasabah. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang terlibat harus memastikan pelaksanaan syor dan cadangan di bawah enam tema Laporan NI dengan segera dan secara berkesan.

Terdapat beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf hak tanah Orang Asal. Suruhanjaya berpendapat adalah penting bagi Kerajaan mengiktiraf sepenuhnya hak ini memandangkan Orang Asal adalah antara kumpulan yang paling terpinggir dan kurang bernasib baik di Malaysia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pasukan Petugas Khas mengambil maklum atas syor-syor SUHAKAM berkaitan Laporan NI tersebut. Pendekatan-pendekatan yang sesuai akan dimasukkan dalam Laporan Pasukan Petugas Khas berhubung Inkuiri Nasional.

11. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Malaysia menerima 232 syor mengenai isu hak asasi manusia semasa kitaran kedua UPR yang dilaksanakan oleh Kumpulan Kerja UPR Majlis Hak Asasi Manusia PBB pada 24 Oktober. Antara syornya adalah seperti berikut:

- *Penyertaan kepada enam triti teras antarabangsa hak asasi manusia dan menarik balik reservasi terhadap triti yang telah diratifikasi*
- *Kebebasan bersuara*
- *Kebebasan berhimpun dan berpersatuan*
- *Kebebasan beragama*

- *Keadaan Orang Asal, migran dan individu yang tiada status kewarganegaraan*
- *Akses kepada perumahan, penjagaan kesihatan dan pendidikan*
- *Memperkasakan wanita, kanak-kanak dan OKU*
- *Pelaksanaan hukuman mati*
- *Salah laku anggota penguatkuasa undang-undang*
- *Kajian semula/pembaharuan undang-undang yang tidak selari dengan prinsip hak asasi manusia*
- *Pengukuhan dan kerjasama dengan Suruhanjaya*
- *Antipemerdagangan orang*

Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan menyokong sebanyak mungkin syor yang boleh dilaksanakan ke arah mewujudkan standard yang lebih baik dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Proses Penilaian Berkala Sejangat (*Universal Periodic Review – UPR*) adalah satu inisiatif baik dan berkesan dalam tujuannya untuk menilai prestasi hak asasi manusia negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pada 20 Mac 2014 semasa Sesi Ke-25 Majlis Hak Asasi Manusia PBB, Kerajaan telah mengumumkan bahawa Malaysia bersetuju menyokong 150 daripada 232 (64.6%) saranan yang telah dimajukan oleh Negara Ahli PBB pada sesi UPR ke-2 Malaysia.

Susulan kepada UPR ke-2 tersebut, agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan telah mula mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk melaksanakan 150 saranan yang disokong tersebut.

12. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Inisiatif Kerajaan dalam membangunkan NHRAP adalah dihargai. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya melahirkan kebimbangan dengan perkembangan pembangunan pelan tersebut yang perlahan. Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan memberi keutamaan untuk melengkapkan NHRAP, di samping memastikan skop pelan boleh dilaksanakan dan dihasilkan berdasarkan rundingan bermakna dengan semua pihak berkepentingan, termasuk kumpulan masyarakat sivil.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Proses pembangunan NHRAP ini tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa. Kerajaan perlu melaksanakan kajian yang mendalam bagi mengenal pasti keadaan sebenar hak asasi manusia di Malaysia. Bagi menghasilkan pelan yang komprehensif Kerajaan akan memastikan input diperolehi daripada semua pihak berkepentingan termasuk kumpulan masyarakat sivil melalui rundingan yang bermakna dan menyeluruh.

13. MAKLUM BALAS KERAJAAN TERHADAP LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA 2012

Ketika laporan ini ditulis, Suruhanjaya masih belum menerima maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan 2012, dan seperti tahun sebelumnya, ia tidak dapat menilai sama ada Kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan telah memberi pertimbangan terhadap hasil dapatan dan syor-syor Suruhanjaya bagi memperbaiki keadaan hak asasi manusia sepertimana yang terkandung dalam Laporan itu. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah memasukkan penilaiannya, setakat mana yang berkenaan, berhubung maklum balas Kerajaan terhadap beberapa isu yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan 2011.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2012 telah diedarkan di Parlimen bersama-sama dengan Laporan Tahunan SUHAKAM 2013 semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ke-13, Dewan Rakyat.



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

BAB 1

LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

MUKA SURAT

19	I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI
19	1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA
19	(a) Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM)
20	(b) Institusi Pengajian Tinggi
20	(c) Sekolah Orang Asli
20	Pengaruh Ibu Bapa Dan Masyarakat
21	Infrastruktur Pendidikan
24	Rancangan Makanan Tambahan
25	Inisiatif KPM Untuk Meningkatkan Standard
26	(d) Sekolah Agama Rakyat (SAR)
26	Infrastruktur Dan Fasiliti Sekolah
27	Fasiliti Asrama
27	Kelayakan Guru
28	Beban Kerja Pelajar
29	Aktiviti Kokurikulum
29	Bantuan Kewangan Dan Bahan
30	(e) Sekolah Pendidikan Khas Dan Program Pendidikan Khas Integrasi
34	(f) Beban Kerja Guru
35	2. LATIHAN KEPADA AGENSI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG
35	(a) Polis Diraja Malaysia
36	II. BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM
36	1. PENGUMUMAN AWAM LAPORAN TAHUNAN 2012
36	(b) Undang-Undang Penahanan Pencegahan
37	(c) Pelaksanaan CEDAW di Malaysia
38	(d) Perkembangan NHRAP

I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI

1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

(a) Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM)

Suruhanjaya telah bekerjasama dengan KPM mengadakan bengkel program ATHAM untuk guru daripada 26 buah sekolah Orang Asli. Mereka diminta untuk menyediakan pelan tindakan yang akan dilaksanakan di dalam program ATHAM di sekolah masing-masing, dengan menumpukan kepada pembentukan personaliti dan sahsiah pelajar, untuk membantu mereka terus belajar di sekolah. Ia merupakan perkara pokok memandangkan kehadiran penuh di sekolah menjadi masalah utama di kalangan kanak-kanak orang asli. Suruhanjaya mengambil maklum komitmen dan minat guru yang sepenuhnya dalam program ini.

Daripada 17 buah sekolah yang telahpun terlibat dalam program teras jangka panjang, KPM telah bersetuju untuk menambah 121 buah sekolah dalam program ini, menjadikan jumlah keseluruhan 138 buah sekolah menjelang penghujung tahun ini. Pegawai Jabatan Pelajaran Negeri, Pengetua dan Guru Besar telah memberi maklum balas dan sokongan yang menggalakkan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Konvensyen Kanak-Kanak (CRC) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pada bulan Mac 2013 memutuskan agar pelaksanaan program ATHAM di Sekolah Orang Asli berfokus kepada pembangunan sahsiah dan amalan terbaik masyarakat Orang Asli. Pelaksanaan Bengkel ATHAM bagi sekolah-sekolah Orang Asli diteruskan pada tahun 2014 dengan melibatkan sekolah Orang Asli di Semenanjung, dan sekolah pedalaman Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu, Kerajaan melalui Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia (BPSH, KPM) dengan kerjasama SUHAKAM telah mengadakan tiga siri Bengkel Guru Penyelaras ATHAM Sekolah di 3 Zon di Semenanjung Malaysia, iaitu Zon Tengah dan Selatan (18 – 20 Mac 2014), Zon Timur (7 – 9 April 2014) dan Zon Utara (19 – 21 Mei 2014). Manakala bengkel di Zon Sabah, Sarawak dan Labuan dijangkakan pada bulan Julai dan Ogos 2014. Semua sekolah terlibat telah mengambil tindakan mendokumentasikan aktiviti ATHAM dan menyebarkan pengetahuan berkaitan ATHAM kepada semua warga sekolah. BPSH, KPM telah memanjangkan semua bahan yang dibekalkan oleh SUHAKAM untuk

dicetak oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan diedarkan ke sekolah-sekolah yang terlibat.

(b) Institusi Pengajian Tinggi

Untuk menggalakkan universiti bersifat proaktif dalam bidang hak asasi manusia, Suruhanjaya telah mencadangkan kepada beberapa institusi untuk menubuhkan Pusat Hak Asasi Manusia. Universiti Malaya telah menerima cadangan tersebut dan mula menubuhkan sebuah pusat di bawah Kluster Sains Sosial dan Perlakuan. Suruhanjaya berharap untuk bekerjasama dengan mereka pada masa akan datang.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum cadangan yang dikemukakan oleh pihak SUHAKAM mengenai penubuhan Pusat Hak Asasi Manusia di Universiti Malaya (UM). Polisi penubuhan Pusat Hak Asasi Manusia di UM sebagai pusat kajian perlu menepati beberapa kriteria seperti bilangan ahli, bilangan tahun beroperasi, pencapaian markah di bawah *University of Malaya Management Information System* (UMMIS), jumlah dana dan sebagainya. Ketika ini, Kumpulan Penyelidik Hak Asasi Manusia beroperasi di Fakulti Undang-Undang, UM. Kumpulan Penyelidik tersebut sedang berusaha untuk mencapai kelulusan kriteria yang ditetapkan supaya dapat diperakukan oleh Senat dan Lembaga Pengarah.

(c) Sekolah Orang Asli

(i) Pengaruh Ibu Bapa Dan Masyarakat

Penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kanak-kanak, seperti yang ditetapkan dalam Artikel 5 dan Artikel 18 CRC, telah diiktiraf dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Pasca Menengah). KPM telah menyatakan bahawa ianya akan melibatkan ibu bapa, masyarakat dan sektor swasta sebagai rakan kongsi. Suruhanjaya telah lama menyokong idea mengenai penyertaan ibu bapa, saudara terdekat dan masyarakat sekeliling dalam pendidikan anak-anak memandangkan mereka mempunyai pengaruh besar dalam kehidupan kanak-kanak. Semasa lawatan ke sekolah Orang Asli, Suruhanjaya mendapati sikap ibu bapa dan masyarakat jelas mempengaruhi kesinambungan pendidikan anak mereka. Suruhanjaya

mengiktiraf kepentingan pertalian kekeluargaan kepada masyarakat Orang Asli.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah mengambil inisiatif dalam melaksanakan Program Kelas Dewasa Bagi Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi (KEDAP) sejak tahun 2008. Program ini telah meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya pendidikan khususnya di kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli dan sekaligus telah meningkatkan bilangan enrolmen dan peratus kehadiran murid Orang Asli ke sekolah. Menerusi program KEDAP, penglibatan ibu bapa bersama pihak sekolah dapat ditingkatkan melalui program-program yang diatur melibatkan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pemimpin masyarakat dan komuniti setempat. Secara tidak langsung, pihak sekolah dan guru-guru dapat berhubung secara terus dengan ibu bapa murid dan dapat berbincang mengenai permasalahan anak-anak mereka di dalam bidang pendidikan.

Selain daripada program KEDAP, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan beberapa program kesedaran dan pengetahuan seperti Program Jom Ke Sekolah Menengah, Program Pembangunan Minda, Program 3P dan Program Pembangunan Ekonomi. Kerajaan juga telah menyediakan beberapa insentif kepada pelajar Orang Asli Sekolah Rendah & Menengah seperti wang saku kepada pelajar Sekolah Menengah, pakaian seragam, yuran pelbagai, Rancangan Makanan Tambahan (RMT) JAKOA, keperluan diri di asrama dan pengangkutan.

(ii) Infrastruktur Pendidikan

Suruhanjaya mengesyorkan bahawa pengangkutan untuk kanak-kanak Orang Asli telah disediakan tetapi tidak mencukupi atau tidak sesuai. Keadaan jalan raya di kawasan luar bandar juga perlu dipertingkatkan bagi membolehkan akses rutin ke sekolah-sekolah seperti SK Tohoi di Gua Musang serta SK Lenjang dan SK Senderut di Kuala Lipis.

Sekolah seperti SK Betau, SK Lenjang dan SK Sendrut di Pahang, dan SK Pos Kemar di Perak, tidak mempunyai bilik darjah yang mencukupi dan komputer yang berfungsi serta telefon dan akses kepada Internet meskipun program VSAT telah dilaksanakan pada tahun 2004 dan program 1 BestariNet dilancarkan oleh KPM pada tahun 2011. Sekolah ini juga tidak mempunyai guru yang mencukupi terutamanya guru Bahasa Inggeris. SK Betau dan SK Pos Kemar telah dipilih sebagai Sekolah K9

yang akan menempatkan kanak-kanak Orang Asli dari Tahun 1 hingga Tingkatan 3. KPM perlu memastikan kemudahan yang mencukupi seperti bilik darjah, peralatan pengajaran dan pembelajaran, terutamanya bagi mata pelajaran vokasional, dan ruang di asrama dan kuarters guru.

Berdasarkan pemerhatian di beberapa buah sekolah seperti Pos Batau, sekolah pedalaman di daerah Batang Padang, SK Denai dan asrama di SK Bidor, kebanyakan asrama luar bandar tidak dibekalkan sepenuhnya sama ada bahan atau kakitangan untuk menjaga kanak-kanak. Kebanyakannya tidak mempunyai bekalan air bersih, mendedahkan kepada risiko penyakit bawaan air seperti leptospirosis. Kekurangan bekalan elektrik selama 24 jam merupakan isu lain yang mana pihak KPM telah mengambil maklum.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui JAKOA telah menawarkan kepada pengusaha-pengusaha yang berminat untuk menyediakan pengangkutan pelajar ke kawasan pedalaman. Program ini yang dilaksanakan di sembilan (9) buah negeri, diperuntukkan sebanyak RM14 juta setahun dan melibatkan seramai 39 ribu pelajar. Walau bagaimanapun pengusaha pengangkutan yang berminat melaksanakan tugas ini amat terhad dan terdiri daripada orang tempatan yang tidak melepasi syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Sehubungan itu JAKOA sedang bekerjasama dengan pihak SPAD untuk memperhalusi syarat-syarat yang bersesuaian kepada pengusaha dari kalangan Orang Asli bagi menjamin keselamatan dan mutu perkhidmatan kepada pelajar Orang Asli.

Beberapa usaha penambahbaikan juga telah dilaksanakan terutamanya dalam meningkatkan akses jalan raya ke sekolah-sekolah. Bagi SK Lejang, akses/jalan ke sekolah tersebut telah dinaik taraf dan projek tersebut masih dalam tempoh tanggung kecacatan (*Defect Liability Period*). Manakala akses/ jalan ke SK Sinderut sedang dalam proses naik taraf melalui projek pembinaan. Keadaan semasa akses/jalan ke SK Tohoi adalah mengguna pakai jalan balak iaitu jalan dari Kuala Betis – Pos Tohoi (40 km) dan akses/jalan ini akan dinaik taraf bagi menghubungkan ke jalan utama Kuala Betis bagi memendekkan tempoh perjalanan untuk berurusan di pekan berhampiran.

Pada tahun 2013 Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan membina bangunan tambahan di dua buah Sekolah Khas Komprehensif K9, iaitu di SK Batau, di Kuala Lipis dan SK RPS Kemar, di Gerik. Di SK Batau, empat (4) modul asrama LBS/Kabin telah dibina dengan kos RM1.2 juta, dan di SK RPS Kemar dua (2) modul asrama, dan empat (4) Bilik Darjah LBS/Kabin telah dibina dengan kos RM2 juta. Kedua-dua

projek ini telah siap dan telah digunakan untuk kemudahan dan keselesaan murid.

Di dalam pelaksanaan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli (PTPOA), salah satu inisiatif yang dirancang ialah peluasan program Sekolah Model K9 khusus kepada murid-murid Orang Asli. Kerajaan juga akan membina bangunan tambahan (bilik darjah, makmal, bengkel) dan rumah guru di SK RPS Kemar menerusi projek pembangunan *Rolling Plan 3* RMK-10 yang telah diluluskan dengan kos siling berjumlah RM19 juta. Kerja-kerja pelaksanaan projek ini akan bermula pada tahun 2014. Pelaksanaan projek ini akan dapat menyelesaikan isu kekurangan bilik darjah dan kemudahan rumah guru di SK RPS Kemar, Gerik.

Kerajaan juga sentiasa berusaha menyediakan kemudahan asrama bagi anak-anak Orang Asli yang tinggal jauh dari sekolah seperti Pos Gob dan Pos Hau di Gua Musang, dan Kampung Selaoh di Gerik, Perak dan sekolah berhampiran adalah di SK Balar, SK Sri Permai di Gua Musang, Kelantan dan SK RPS Banun, di Gerik, Perak. Sekolah-sekolah ini mempunyai kemudahan asrama bagi menempatkan murid-murid Orang Asli yang tinggal jauh dari sekolah. Menyedari akan kepentingan pertalian kekeluargaan kepada masyarakat Orang Asli yang mana ibu bapa lebih suka tinggal berhampiran dengan anak-anak mereka, maka Kerajaan berusaha dengan membuka ruang kepada anak-anak Orang Asli Lulusan SPM bagi memohon jawatan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) di asrama. Langkah ini bertujuan mengurangkan rasa kerisauan ibu bapa, dan pada masa yang sama PPM di kalangan Orang Asli ini dapat membantu mengekalkan tradisi dan budaya Orang Asli bagi anak-anak mereka yang tinggal di asrama.

Bekalan air luar bandar merupakan bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Bekalan air boleh dibekalkan melalui kaedah biasa, iaitu sambungan dari paip agihan sedia ada atau jika tiada paip agihan sedia ada, maka kaedah seperti penyediaan *tube well* atau bekalan air graviti boleh digunakan untuk membekalkan air ke kawasan berkenaan.

Di pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), memandangkan lokasi sekolah dan asrama terletak di kawasan pedalaman, kos untuk menyambung bekalan air daripada sistem bekalan air awam adalah sangat tinggi. Namun begitu, bekalan air bersih boleh diperolehi melalui sistem bekalan air persendirian seperti yang dibangunkan untuk perkampungan Orang Asli oleh JAKOA di bawah KKLW. SPAN telah menerima beberapa pertanyaan berhubung dengan permohonan bekalan air bersih ke beberapa perkampungan Orang Asli di negeri-negeri dan telah merujuk kepada JAKOA untuk pertimbangan.

Maklumat bekalan elektrik ke kawasan-kawasan yang telah dirujuk di atas adalah seperti berikut:

- (i) Pos Betau, Pahang telah menerima bekalan elektrik melalui talian grid TNB pada tahun 2009 ke rancangan penempatan semula (RPS) masyarakat orang asli. Namun begitu, nama sekolah yang dinyatakan tidak tersenarai untuk mendapatkan bekalan elektrik.
- (ii) Sekolah pedalaman di Daerah Batang Padang, Perak di dalam senarai Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) KPM, hanya SK Pos Gedong, Bidor, Perak yang telah dilaksanakan pada tahun 2010/2011 melalui talian grid TNB. Namun begitu, nama sekolah yang dinyatakan tidak tersenarai untuk mendapatkan bekalan elektrik.
- (iii) SK Denai, Rompin, Pahang termasuk dalam senarai projek BELB KPM yang dilaksanakan pada tahun 2010/2011 melalui talian grid TNB.
- (iv) Asrama SK Bidor, Perak tidak disenaraikan di dalam projek BELB KPM Tahun 2010/2011.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) merupakan agen pelaksana di dalam projek BELB ke Sekolah Luar Bandar Semenanjung Malaysia di bawah KPM pada tahun 2010/2011 yang lalu dengan kontrak bernilai RM98 juta. Sebanyak 39 sekolah luar bandar telah diberi bekalan elektrik melalui talian grid sedia ada, sistem solar hybrid serta melalui set janakuasa (*generator*).

(iii) Rancangan Makanan Tambahan

JAKOA telah menyediakan makan tengahari bagi kanak-kanak yang tidak tinggal di asrama tetapi kualiti makanan tersebut adalah tidak memuaskan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui JAKOA telah melaksanakan program RMT JAKOA dengan kadar sebanyak RM2.50 sehari untuk minum pagi dan makan tengahari mengikut menu yang ditetapkan dalam Garis Panduan Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) JAKOA. Memandangkan kadar yang terlalu kecil pengusaha tidak dapat mengikut peraturan yang ditetapkan oleh JAKOA. Walau bagaimanapun bermula pada Januari 2014 pelaksanaan RMT JAKOA di negeri Pahang telah diuruskan oleh pihak sekolah menggunakan kaedah kupon di mana pengusaha kantin yang dilantik oleh KPM perlu mengikut garis panduan RMT yang ditetapkan.

Secara tidak langsung kualiti dan kebersihan makanan yang diberi kepada penerima RMT JAKOA lebih terjamin, sama seperti pelajar yang tinggal di asrama. Memandangkan kaedah ini mendapat maklum balas yang baik daripada pelajar dan ibu bapa, ia akan diperluaskan ke negeri Kelantan dan Perak.

(iv) Inisiatif KPM Untuk Meningkatkan Standard

Satu program latihan khas telah dilancarkan pada tahun 2011 di Institut Pendidikan Guru Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, untuk melatih calon di kalangan masyarakat Orang Asli untuk menjadi guru. Setelah mereka disahkan sebagai guru, mereka akan ditempatkan di sekolah Orang Asli. Di samping itu, Institut Aminudin Baki di Genting Highland sentiasa menganjurkan seminar dan persidangan kepada Pengetua sekolah Orang Asli untuk membina kemahiran dalam pengurusan sekolah dan kurikulum. Program ini merupakan contoh terbaik inisiatif KPM untuk meningkatkan taraf dan kualiti pendidikan Orang Asli.

MALKUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa berusaha mencukupkan bilangan guru di sekolah Orang Asli dan peranan penting ini dimainkan khususnya melalui JPN. Pada 1 April 2014, BPSH, KPM telah menempatkan seramai 76 orang graduan lepasan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di sekolah-sekolah Orang Asli terpilih di negeri Kelantan, Perak dan Pahang.

Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) juga memberikan khidmat bagi membantu sekolah Orang Asli dalam menggunakan kemudahan ICT di sekolah khususnya dalam aspek pembelajaran dan pengajaran.

Di bawah Program Transformasi Pendidikan Orang Asli (PTPOA), salah satu inisiatif yang dirancang oleh Kerajaan ialah mengadakanambilan khas anak-anak Orang Asli lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti program PISMP di Institut Pendidikan Guru (IPG). Dari tahun 2010 hingga 2013, seramai 52 orang anak-anak Orang Asli telah mengikuti program PISMP di IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang. Langkah ini akan menambah bilangan Orang Asli yang menjadi guru dan berkhidmat di sekolah-sekolah Orang Asli dan seterusnya meningkatkan taraf dan kualiti pendidikan di kalangan masyarakat tersebut.

(d) Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Bagi memberi kesedaran kepada komuniti SAR terhadap hak asasi manusia, Suruhanjaya telah menganjurkan seminar kepada guru SAR dengan kerjasama pihak Jabatan Agama Islam Negeri untuk memberi pendedahan kepada prinsip Titi Hak Asasi Manusia PBB dengan penekanan terhadap hak kanak-kanak. Semasa lawatan berkala ke SAR, Suruhanjaya telah mengenal pasti beberapa aspek berkenaan pentadbiran dan pengajaran yang memerlukan perhatian yang serius.

(i) Infrastruktur Dan Fasiliti Sekolah

Beberapa buah sekolah yang dilawati seperti SMK Agama Darul Naim, SMA Al Ittifaqiyah di Pahang serta Madrasah Tarbiah Islamiah dan SMA Darul Ta'alim di Perak menggunakan meja dan kerusi lama, papan putih, almari dan komputer yang diperolehi daripada sekolah bantuan Kerajaan. Disebabkan kekurangan dana, kebanyakan sekolah tidak menyediakan ruang yang bersesuaian bagi guru untuk bekerja dan berinteraksi. Skim gaji untuk guru-guru dan kakitangan sekolah tidak seragam dengan gaji yang berbeza-beza.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sekolah Menengah Agama Darul Naim, Kuala Krau adalah ditadbir urus oleh Ahli Lembaga Jemaah Pengurus Sekolah dan Sekolah Menengah Agama Al-Ittifaqiah, Guai adalah di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Pahang. Namun kedua-duanya mendapat bantuan dan sokongan dari Majlis Agama Islam Pahang, JPN, Yayasan Pahang, Amanah Saham Pahang dan agensi-agensi negeri dan persekutuan. Sehubungan itu semua pihak menggembeng tenaga untuk memberi kemudahan, keselesaan kepada para pelajar, guru-guru dan kakitangan sekolah. Jabatan Agama Islam Pahang telah menyediakan peruntukan khas setiap tahun bagi membekalkan perabot dan peralatan sekolah, termasuk kelengkapan asrama, pusat sumber, makmal sains, bengkel kemahiran hidup dan lain-lain keperluan yang dipohon oleh pihak sekolah.

Guru-guru dan kakitangan di sekolah agama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri menerima skim gaji yang sama dengan kakitangan awam yang berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

(ii) Fasiliti Asrama

Ada antara bangunan asrama terlalu sesak, tidak selesa dan tidak selamat untuk kanak-kanak, ada yang tidak diselenggara dengan baik. Kebersihan premis merupakan antara isu lain yang memerlukan perhatian pihak bertanggungjawab. Oleh itu, kanak-kanak terlibat telah dinafikan hak terhadap tempat tinggal yang selamat, selesa, bersih dan ceria serta mempunyai ruang privasi yang mencukupi.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kesemua premis yang berada di bawah Jabatan Agama Islam Pahang sentiasa dipantau oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti KKM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, TNB dan JKR. Jabatan Agama Islam Pahang sentiasa prihatin terhadap teguran dan pandangan dari pihak-pihak yang terlibat.

(iii) Kelayakan Guru

Majoriti sekolah yang tidak berdaftar dengan KPM tidak mempunyai perkhidmatan guru terlatih. Kebanyakannya kurang pengetahuan yang diperlukan dalam bidang pedagogi, psikologi kanak-kanak, perkembangan kanak-kanak serta kemahiran lain untuk menjadi guru yang efektif. Ini telah menafikan kanak-kanak tersebut kepada pendidikan yang berkualiti.

Hampir tiada pemantauan yang sistematik oleh agensi yang berkaitan. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Guru KPM dan Jabatan Agama Islam Negeri telah menganjurkan kursus jangka pendek tetapi bukan semua guru dapat hadir ke kursus ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Pahang, guru-guru yang berkhidmat di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri adalah dilantik oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang secara tetap dan berpencen. Guru-guru yang dilantik mempunyai kelayakan iktisas perguruan. Manakala guru-guru sandaran telah diberi kursus jangka pendek oleh pihak Jabatan Agama Islam Pahang dengan kerjasama Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Institut Aminuddin Baki (IAB) dan agensi-agensi yang berkaitan dengan pendidikan.

Di Perak, pihak naziran Bahagian Pendidikan telah melakukan lawatan pemantauan di SMA Darul Taalim Sg Limau, Sungai Segar Ijok dan didapati bahawa sekolah ini hanya mempunyai 31 orang pelajar sahaja, iaitu seramai 6 orang di Tingkatan 1, 9 orang di Tingkatan 2, 3 orang di Tingkatan 3 dan 13 orang di Tingkatan 4 dan 5. Dari jumlah itu 26 orang tinggal di asrama. Jumlah guru adalah seramai 9 orang.

Oleh kerana bantuan yang diperolehi daripada Bantuan Per Kapita tidak banyak, pihak sekolah telah disarankan untuk mendapatkan bilangan pelajar yang lebih ramai supaya bantuan yang diperolehi adalah lebih tinggi. Selain daripada itu, pihak sekolah juga telah disarankan supaya membuat permohonan mendapatkan perabot baru untuk kegunaan sekolah daripada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIAMPk). Tambahan kepada itu, sekolah juga telah menerbitkan risalah melalui Pusat Pendidikan Islam Darul Taalim untuk tujuan mendapatkan dana. Masalah rekreasi dan riadah tidak timbul di sekolah ini kerana ia mempunyai padang yang besar.

Unit Naziran Bahagian Pendidikan juga telah mengadakan lawatan pemantauan ke Madrasah Tarbiah Islamiah (Sekolah Rendah Sepenuh Masa). Hasil daripada pemantauan didapati sekolah ini mempunyai seramai 2 orang Guru Kafa dan 6 orang Guru Lantikan Sekolah. Sekolah ini mempunyai 88 orang murid bagi kedua-dua sesi pagi dan petang. Daripada jumlah tersebut seramai 10 murid (7 murid lelaki dan 3 murid perempuan) tinggal di asrama. Memandangkan sekolah ini tidak mempunyai bantuan yang banyak, sekolah disarankan untuk memohon bantuan MAIAMPk bagi mendapatkan bantuan perabot.

(iv) Beban Kerja Pelajar

Pelajar SAR menduduki peperiksaan kebangsaan awam (PMR dan SPM) serta peperiksaan khas bagi pengajian agama yang dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Suruhanjaya berpendapat bahawa sistem ini terlalu membebankan kanak-kanak dan menafikan hak mereka untuk aktiviti rekreasi.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sekolah Menengah Agama Negeri mengamalkan dwi kurikulum iaitu Kurikulum Kebangsaan dan Kurikulum Agama Negeri. Namun pelaksanaannya tidak membebankan pelajar setelah dibuat pengubahsuaian dan penggabungan seperti jadual waktu, tempoh pengajaran dan kerja kursus. Selain itu, semua sekolah di bawah KPM termasuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tidak dikenakan yuran peperiksaan awam kecuali kurikulum peperiksaan agama di bawah Jabatan Agama Islam Negeri sebab kurikulum itu masih di bawah tanggungjawab mereka.

(v) Aktiviti Kokurikulum

Kebanyakan sekolah tidak mempunyai tempat yang sesuai untuk aktiviti rekreasi dan sukan, khususnya bagi pelajar yang tinggal di asrama. Pelajar memerlukan peluang untuk bermain dan bersosial bagi tujuan pembangunan diri sepenuhnya, pembentukan sahsiah dan keyakinan diri. Kebanyakan guru tidak dilatih secara profesional, mereka tidak mampu membimbing kanak-kanak ini menerusi aktiviti kokurikulum.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kesemua sekolah di bawah Kerajaan Negeri menjalankan aktiviti korikulum seperti yang dijalankan oleh sekolah-sekolah di bawah KPM. Semua sekolah mengendalikan aktiviti masing-masing dengan penyeliaan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri. Di samping itu pelajar juga mengikuti aktiviti di peringkat negeri yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri dan di peringkat persekutuan yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

(vi) Bantuan Kewangan Dan Bahan

Kesemua sekolah yang dilawati telah menerima bantuan kewangan daripada KPM pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, sehingga Oktober 2013, sekolah-sekolah tersebut masih belum menerima sebarang bantuan kewangan. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa kanak-kanak yang belajar di SAR swasta terpaksa membayar yuran penuh bagi peperiksaan awam walaupun Kerajaan telah memansuhkan yuran ini bagi sekolah di bawah bidang kuasa KPM.

Suruhanjaya juga dimaklumkan bahawa Bahagian Buku Teks hanya membekalkan bantuan buku ke sekolah yang berdaftar dengan KPM dan Jabatan Agama Islam Negeri. Pelajar di sekolah agama jenis lain perlu membeli buku teks meskipun Kerajaan mempunyai dasar berkaitan buku teks percuma.

Isu ini membelenggu kebanyakan SAR yang dikendalikan oleh entiti bebas seperti Jabatan Agama Islam Negeri, JAKIM, Majlis Hal Ehwal Agama Negeri, NGO, syarikat swasta dan individu. Suruhanjaya turut mengambil maklum bahawa walaupun terdapat beberapa sekolah yang berdaftar dengan KPM atau Kerajaan Negeri menerima dana, terdapat juga yang tidak memperolehi dana. Suruhanjaya berpendapat bahawa

bantuan yang diberikan kepada sekolah di bawah bidang kuasa KPM perlu diperluaskan kepada SAR, tanpa mengira status.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di peringkat pusat, pada tahun 2012 dan 2013 tiada peruntukan bantuan kewangan kepada SAR oleh Kerajaan. Namun, pada tahun 2014 Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 50 juta kepada SAR untuk baik pulih dan pembaikan kecil bangunan sahaja.

Dasar pemberian buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) dilaksanakan mengikut dasar kelayakan SPBT yang diluluskan di bawah Jawatankuasa Kabinet. Dasar ini diguna pakai untuk menentukan sama ada seseorang murid itu layak atau tidak layak menerima bantuan buku teks SPBT. Dasar ini juga menetapkan jenis dan aliran sekolah yang layak menerima bantuan pinjaman buku teks SPBT iaitu semua sekolah Kerajaan, sekolah bantuan Kerajaan di bawah KPM dan Sekolah Menengah Agama Rakyat yang diselaraskan sepenuhnya oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Dasar ini tertakluk kepada Pekeliling Ikhtisas Bil.11/2007 berkuatkuasa mulai Januari 2008.

(e) Sekolah Pendidikan Khas Dan Program Pendidikan Khas Integrasi

Suruhanjaya telah menganjurkan beberapa siri bengkel mengenai Hak Asasi Manusia kepada Guru Pendidikan Khas yang mengajar di Sekolah Pendidikan Khas (Penglihatan dan Pendengaran) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI Bermasalah Pembelajaran) mengikut zon di Semenanjung Malaysia. Bengkel tersebut menyediakan maklumat mengenai hak kanak-kanak dan mengenalpasti keperluan pendidikan yang berkaitan dengan mereka.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan secara berperingkat sedang dalam usaha bagi menaik taraf kelas terutama di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) seluruh negara melalui peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke10. Pada tahun 2013, sebanyak 197 PPKI telah dinaik taraf dan pada tahun 2014 sebanyak 191 PPKI sedang dinaik taraf.

Para peserta telah mengutarakan isu-isu yang melibatkan pendidikan kanak-kanak:

(i) Standard Soalan

Standard yang diguna pakai ke atas kanak-kanak berkeperluan khas adalah sama dengan pelajar arus perdana. 'Pengubahsuaian' ke atas kertas soalan untuk pelajar berkeperluan khas pendengaran atau dalam buku teks tidak bermaksud merendahkan tahap kesukaran, tetapi hanya memasukkan 'kod tangan' sahaja. Tambahan pula, penambahan kod tangan dalam buku teks hanya melibatkan beberapa subjek sahaja seperti Bahasa Malaysia, Matematik dan Sains.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kod tangan yang dimasukkan dalam buku teks dan kertas soalan peperiksaan merupakan sokongan yang disediakan untuk murid kurang upaya pendengaran bagi membantu mereka memahami apa yang diperbualkan. Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) sedang menyelaraskan kod tangan yang telah dihasilkan untuk Pendidikan Islam dan Pendidikan Vokasional.

(ii) Hala tuju pelajar berkeperluan khas yang cemerlang dalam bidang sukan

Tiada sekolah sukan khas disediakan kepada pelajar-pelajar ini. Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar tidak mempunyai kemudahan yang bersesuaian dengan pelajar berkeperluan khas.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan prihatin dengan Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang mempunyai potensi untuk cemerlang dalam bidang sukan. Oleh itu bidang sukan sentiasa diberikan keutamaan kepada MBK yang berpotensi untuk cemerlang dalam bidang tersebut. Ini terbukti melalui aktiviti sukan yang melibatkan MBK di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

(iii) Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPBS)

SPBS tidak bersesuaian dengan pelajar berkeperluan khas. Guru mengalami kesukaran untuk menilai prestasi mereka disebabkan keperluan khas pelajar itu sendiri.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

SPBS dan Standard prestasi MBK adalah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK). Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan pentaksiran alternatif yang dapat memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas terutamanya bagi komponen Pentaksiran Sekolah (PS) yang memiliki ciri-ciri berikut:

- i. holistik, iaitu dapat memberikan maklumat keseluruhan tentang pengetahuan dan kemahiran yang dicapai oleh murid mengikut kemampuan masing-masing;
- ii. berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan pengajaran dan pembelajaran di mana guru bagi pelajar berkeperluan khas sendiri yang lebih mengenali diri mereka melaksanakan pentaksiran dengan sepenuhnya;
- iii. fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid; dan
- iv. merujuk standard prestasi yang dibina berdasarkan KSSRPK dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

(iv) Salah tanggapan guru arus perdana

Mereka sering menyalahkan pelajar berkeperluan khas dengan dakwaan bahawa pelajar ini menurunkan indeks prestasi sekolah.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Prestasi sekolah dalam peperiksaan awam seperti UPSR, PMR dan SPM adalah berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS). KPM mengeluarkan dua GPS bagi sekolah yang mempunyai calon berkeperluan khas, iaitu GPS keseluruhan calon dan GPS dengan pengecualian calon berkeperluan khas. Tiada isu berkaitan dakwaan pelajar berkeperluan khas menyebabkan penurunan indeks prestasi sekolah.

(v) Kekurangan penyeliaan

Unit Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri masih belum melawat kesemua SPK dan PPKI. Kekurangan penyeliaan boleh mewujudkan jurang di antara dasar dan realiti sebenar.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KPM telah mengatur perbincangan dengan JPN untuk melaksanakan pemantauan ke semua sekolah.

Syor Para Peserta

- 1. Dalam peperiksaan umum seperti UPSR, standard yang berbeza perlu diguna pakai ke atas pelajar berkeperluan khas dengan mengambil kira tahap kemampuan mereka.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Amalan standard yang berbeza telah digunakan oleh guru pendidikan khas yang memeriksa kertas jawapan pelajar berkeperluan khas. Selain itu, kertas soalan juga telah dimoderasi dan disesuaikan dengan keperluan calon dan tambahan masa menjawab sebanyak 30% telah diperuntukkan.

- 2. Kertas soalan peperiksaan bagi pelajar berkeperluan khas perlu ditanda dan dinilai oleh guru pendidikan khas kerana guru arus perdana tidak memahami cara pelajar ini menjawab soalan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pemeriksaan kertas soalan yang memerlukan kepakaran khusus untuk memeriksanya seperti *Braille* dilaksanakan oleh guru pendidikan khas.

- 3. Memandangkan dasar pendidikan masa kini yang bermatlamatkan peperiksaan, latihan vokasional perlu diperluaskan kepada kanak-kanak berkeperluan khas untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KPM telah menyediakan program vokasional untuk pendidikan khas di sekolah vokasional. Bagi menampung keperluan itu, Kerajaan juga membuka peluang bagi mata pelajaran vokasional di beberapa Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) seperti di SMPKV Shah Alam, Selangor, SMPKV Indahpura, Johor, SMPKV Kuantan, Pahang, SMPK Persekutuan, Pulau Pinang, SMK Ibrahim Fikri, Terengganu dan SMK Dato' Patinggi Hj. Ab Gapar, Kuching, Sarawak.

4. Guru Pendidikan Khas perlu dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi membolehkan mereka mengajar kemahiran vokasional serta memberi pengesahan kepada pelajar di bawah skim ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Guru-guru yang mengajar di SPK diberi latihan dalam SKM pada satu tahap yang lebih tinggi dari sijil kemahirannya (*up skilling*) ekoran daripada perubahan pencapaian tahap SKM yang dibuat oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

(f) Beban Kerja Guru

Suruhanjaya berharap agar dapat bekerjasama rapat dengan KPM untuk menerapkan hak asasi manusia dalam kurikulum bagi memberikan pendedahan awal kepada pelajar.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pendidikan berkaitan dengan nilai Hak Asasi Manusia telah sedia wujud dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Kandungan mata pelajaran ini digubal secara tematik. Penggubalan tema ini mengambil kira dimensi peribadi dan sosial murid yang berkembang dari diri individu, hubungan dengan keluarga, masyarakat sekolah, komuniti luar sekolah, negara dan cabaran masa depan yang juga merangkumi masyarakat global.

Pendidikan berkaitan dengan nilai Hak Asasi Manusia yang diajar mengikut tema di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah seperti berikut:

Sekolah Rendah

Tema: Sayangi Diri

Topik: Hak dan tanggungjawab kanak-kanak (Tahun 6)

Sekolah Menengah

Tema 1: Pencapaian Kendiri

Topik:

- Perkembangan diri yang seimbang (Tingkatan 4)
- Pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan negara (Tingkatan 5)
- Perikemanusiaan ke arah kesejahteraan negara (Tingkatan 5)

Tema 3: Hidup Bermasyarakat

Topik:

- Hormati hak orang lain (Tingkatan 2)
- Peraturan dan undang-undang dalam masyarakat (Tingkatan 4)

Tema 5: Malaysia Negara Berdaulat

Topik:

- Tugas dan tanggungjawab warganegara dalam kerajaan demokrasi (Tingkatan 2)
- Kepentingan Perlembagaan Malaysia (Tingkatan 4)
- Mengekalkan kedaulatan negara (Tingkatan 4)

Tema 6: Cabaran Masa Depan

Topik:

- Mengekalkan keamanan negara dan sejagat (Tingkatan 3)
- Memastikan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dipraktikkan (Tingkatan 3)
- Pengguna yang rasional (Tingkatan 4)

2. LATIHAN KEPADA AGENSI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG

(a) Polis Diraja Malaysia

Suruhanjaya telah mengadakan ceramah hak asasi manusia dan program latihan kepada pegawai polis dan kakitangannya sejak tahun 2002, dengan kerjasama Bahagian Latihan Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Bahagian Latihan Polis dan Suruhanjaya terus bekerjasama rapat untuk mempertingkatkan kurikulum.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan sentiasa menyokong usaha untuk menerapkan kesedaran mengenai hak asasi manusia kepada kakitangan Kerajaan khususnya penguatkuasa undang-undang. Berhubung dengan isu ini Bahagian Latihan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan arahan kepada semua Pusat Latihan Polis yang menjalankan latihan asas kepolisan bagi semua pangkat untuk memberi pendedahan mengenai hak asasi manusia kepada semua pelatih. Slot ceramah ini dimasukkan dalam modul latihan dan penceramah yang dijemput adalah dari SUHAKAM sendiri atau pun pensyarah dari universiti tempatan.

Modul latihan asas kepolisan tersebut merangkumi syarahan mengenai integriti, kaunseling serta pengendalian mangsa dan saksi-saksi yang berurusan dengan pihak polis selain pendedahan kepada undang-undang / peraturan yang sedang berkuatkuasa. Di samping itu semua kursus / latihan yang dianjurkan sama ada di dalam atau luar negara yang berhubung kait dengan undang-undang akan menyentuh mengenai hak asasi manusia.

Berdasarkan keperluan dan kehendak masyarakat, PDRM sentiasa memastikan anggota polis yang tamat latihan benar-benar bersedia dari segi fizikal dan mental bagi menjalankan tugas yang diamanahkan.

II. BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

1. PENGUMUMAN AWAM LAPORAN TAHUNAN 2012

(b) Undang-undang Penahanan Pencegahan

Suruhanjaya mengulangi bantahannya terhadap cadangan untuk mengembalikan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) (EO) untuk mengawal kadar jenayah kerana EO membenarkan penahanan tanpa bicara yang mana bercanggah dengan prinsip asas hak asasi manusia. Suruhanjaya menganggap sebarang bentuk pelaksanaan semula undang-undang tersebut adalah satu langkah mundur dalam rekod hak asasi manusia negara.

Suruhanjaya mengulangi seruannya kepada pihak Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan menggantikannya dengan Akta Keharmonian Nasional. Suruhanjaya menyatakan harapannya agar Akta

yang dicadangkan ini akan digubal selari dengan prinsip asas hak asasi manusia.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan semula Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) (EO). Walau bagaimanapun, Kerajaan telah meminda undang-undang sedia ada iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959. Pindaan ini dibuat bagi membolehkan pihak berkuasa khususnya PDRM untuk mengambil tindakan secara lebih efektif terhadap penjenayah-penjenayah khususnya penjenayah berat dan penjenayah terancang sekaligus mengekang kenaikan kadar jenayah berat dan jenayah terancang. Sehubungan dengan itu, harus diingat bahawa kata kunci yang perlu dikaitkan dengan Undang-Undang ini bukanlah 'tahanan tanpa bicara' tetapi 'pencegahan jenayah' di mana kita melihat undang-undang yang diwujudkan ini digubal khas untuk menangani masalah jenayah berat dan jenayah terancang.

Kerajaan telah mengumumkan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan digantikan dengan suatu rang undang-undang yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Walau bagaimanapun, ianya masih di peringkat kajian yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan termasuk Jabatan Peguam Negara bagi memastikan penggubalan undang-undang baru ini adalah sempurna dan tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Dalam pada itu, Akta Hasutan 1948 yang sedia ada masih lagi relevan dan masih diguna pakai buat masa sekarang untuk mengekang mana-mana pihak yang terbukti cuba mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama di negara ini.

(c) Pelaksanaan CEDAW di Malaysia

Suruhanjaya juga menyedari keperluan untuk pihak Kerajaan menghantar Laporan Negara Berkala ketiga dan keempat kepada Jawatankuasa CEDAW tepat pada masanya.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Laporan Negara ketiga, keempat dan kelima telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 13 Mei 2013. Kini, laporan tersebut sedang dalam semakan dan perhatian Jabatan Peguam Negara sebelum dihantar kepada Jawatankuasa CEDAW.

(d) Perkembangan NHRAP

Seorang peserta memberi komen terhadap kelewatan pihak Kerajaan dalam membangunkan NHRAP dan menyeru Suruhanjaya memainkan peranan yang lebih proaktif untuk menggerakkan perkara ini. Suruhanjaya berjanji untuk bekerjasama secara erat dengan YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam perkara ini.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Proses pembangunan NHRAP ini tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa. Kerajaan perlu melaksanakan kajian yang mendalam bagi mengenal pasti keadaan sebenar hak asasi manusia di Malaysia. Bagi menghasilkan pelan yang komprehensif Kerajaan akan memastikan input diperolehi daripada semua pihak berkepentingan termasuk kumpulan masyarakat sivil melalui rundingan yang bermakna dan menyeluruh.



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

BAB 2

LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

MUKA SURAT

42	I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN
42	2. ISU-ISU YANG BERBANGKIT DARIPADA ADUAN
42	(a) Kematian Dalam Tahanan Polis
43	(c) Hak Pekerja/Pekerja Migran
45	(d) Pelarian Dan Pencari Suaka
46	(f) Empangan Murum
47	(g) Pilihan Raya Umum Ke-13
51	(h) Hak Kepada Pendidikan/Cara Pengendalian Bagi Pentadbiran Sekolah
52	(i) Pilihan Raya Kampus
54	3. LAWATAN BERKALA KE TEMPAT TAHANAN
57	4. KANAK_KANAK DI PUSAT TAHANAN IMIGRESEN
57	(b) Pemantauan Kebajikan Kanak-Kanak
58	5. PEMERDAGANGAN ORANG
59	6. UNDANG-UNDANG PENAHANAN PENCEGAHAN
59	(a) Tahanan Di Kem Tahanan Kamunting
59	7. AKTIVITI PEMANTAUAN
60	II. BAHAGIAN INKUIRI
60	1. LAPORAN NI
60	(a) Pengumuman Awam Laporan (<i>National Inquiry</i> [NI])
61	(b) Syor-Syor NI
87	2. SIASATAN AWAM KE ATAS INSIDEN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM PADA 28 APRIL 2012
87	(b) Hasil Dapatan Siasatan
89	(c) Syor-syor kepada Polis dalam Memudahcara Pehimpunan Awam
90	(d) Syor-Syor kepada Polis dalam Pengurusan Liputan Media

- 91 **3. PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKAITAN DENGAN
KEMATIAN DALAM TAHANAN POLIS**
- 94 **4. MESYUARAT BERKENAAN DENGAN KEBEBASAN
BERHIMPUN**

I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

2. ISU-ISU YANG BERBANGKIT DARIPADA ADUAN

(a) Kematian Dalam Tahanan Polis

Jumlah kematian dalam tahanan semakin meningkat dengan 19 kes telah dilaporkan sepanjang tahun 2013. Suruhanjaya telah menerima sebanyak tujuh aduan berkaitan isu ini. Pihak yang berkenaan telah mengulangi tuntutan mereka untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis. Sebagai maklum balas terhadap isu ini, pihak polis telah mengumumkan penubuhan satu jawatankuasa untuk mengkaji semula prosedur operasi standard berkaitan dengan penyiasatan dan layanan suspek ketika berada dalam tahanan. Polis memaklumkan bahawa mereka akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan. Dalam usaha menangani isu kematian dalam tahanan, pihak Kabinet telah meluluskan penubuhan Mahkamah Koroner dan lokap berpusat di setiap negeri.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Berhubung isu kematian dalam tahanan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) memastikan bahawa setiap siasatan oleh pihak polis telus dan mengambil kira semua aspek keterangan dari semua pihak. Dengan tertubuhnya Mahkamah Koroner di setiap negeri mulai 15 April 2014, Arahan Amalan Bil 2/2014 bertarikh 8.4.2014 – Pengendalian Siasatan Kematian selaras dengan Penubuhan Mahkamah Khas Koroner akan terpakai yang mana ia akan memastikan penelitian (*scrutiny*) yang lebih efisien berhubung ketelusan di pihak polis dalam menyiasat kes-kes kematian dalam tahanan.

Mahkamah Koroner yang telah dikuatkuasakan secara rasmi mulai 15 April 2014 di setiap negeri terdiri daripada Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen. Mereka dilantik sebagai Koroner berdasarkan pengalaman lebih daripada 15 tahun di dalam tugas Kehakiman dan Perundangan. Sehubungan dengan itu, Ketua Pendaftar telah mengeluarkan Arahan Amalan Bilangan 2 Tahun 2014 bertajuk Pengendalian Siasatan Kematian (*Death Inquiry*) Selaras Dengan Penubuhan Mahkamah Khas Koroner. Mahkamah Koroner ditubuhkan untuk menjalankan siasatan bukan sahaja terhad kepada kes-kes kematian dalam tahanan polis, kematian dalam penjara, kematian di mana-mana pusat tahanan dan kematian orang tahanan di hospital tetapi juga kepada semua kes-kes kematian yang memerlukan siasatan dibuat menurut Seksyen 329(1) Kanun Tatacara Jenayah dan juga kes-kes mati mengejut.

(c) Hak Pekerja/Pekerja Migran

Sejumlah 45 aduan yang berkaitan dengan pekerjaan telah diterima daripada rakyat Malaysia dan pekerja migran. Isu gaji merupakan aduan yang paling banyak diterima berdasarkan dakwaan pekerja bahawa mereka tidak dibayar gaji atau gaji mereka telah dikurangkan. Aduan yang diterima turut melibatkan kes pemecatan yang tidak mengikut undang-undang, ketiadaan cuti tahunan dan kegagalan majikan untuk membayar caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja walaupun potongan telah dibuat daripada gaji mereka. Terdapat juga aduan berkenaan penganiayaan di tempat kerja dan kekurangan pampasan bagi pekerja yang terlibat.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) bertindak ke atas semua aduan berdasarkan Prosedur Pengendalian Aduan Mengenai Perlanggaran Akta Kerja 1955 di mana siasatan akan diadakan terlebih dahulu untuk mengenal pasti kesahihan aduan. Sekiranya didapati aduan tersebut berasas, JTK akan mengarahkan majikan untuk mengambil tindakan pembetulan serta membayar kembali hak pekerja mengikut peruntukan undang-undang. Dalam masa yang sama, tindakan pendakwaan atau kompaun juga diambil ke atas majikan sekiranya kesalahan yang dilakukan itu serius seperti kegagalan atau kelewatan membayar gaji.

Tindakan yang sama juga diambil bagi aduan yang melibatkan pemecatan pekerja. Sekiranya pihak pengadu masih berminat untuk bekerja dengan majikan tersebut, pengadu dinasihatkan untuk membuat tuntutan bagi dipulihkan kembali ke jawatan asal di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM). Bagi kes-kes yang melibatkan pemberhentian pekerja, pampasan yang sewajarnya mengikut undang-undang akan diperintahkan ke atas majikan.

Bagi aduan mengenai KWSP, pihak JTK juga menjalankan siasatan sekiranya aduan yang diterima itu di bawah bidang kuasa JTK. Hasil siasatan akan dimaklumkan kepada pihak KWSP untuk tindakan lanjut mereka.

Selain itu, JTK juga menjalankan siasatan bagi aduan mengenai penganiayaan di tempat kerja. Sekiranya penganiayaan itu melibatkan fizikal, perkara tersebut akan dirujuk kepada pihak Polis. Sekiranya melibatkan layanan yang tidak adil, tindakan pembetulan akan dilakukan oleh JTK.

JTK juga memberi keutamaan kepada kes-kes tuntutan yang dibuat oleh pekerja asing bagi mempercepatkan proses penyelesaian. Dalam masa yang sama mereka akan diberi surat pengesahan mengenai tuntutan yang masih dalam proses

penyelesaian. Pihak pekerja boleh menggunakan surat pengesahan dari JTK bagi memohon untuk melanjutkan tempoh berada dalam Malaysia di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sehingga kes tuntutan mereka diselesaikan.

Di peringkat JIM, pekerja asing diberi pas khas secara percuma sementara menunggu kes mahkamah selesai. Pekerja asing tidak dibenarkan bekerja semasa dalam proses perbicaraan Mahkamah kerana bercanggah dengan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Suruhanjaya menerima aduan yang mendakwa pihak majikan telah menentang aktiviti kesatuan pekerja. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) mempersoalkan langkah yang telah diambil oleh Malayan Banking Bhd (Maybank) untuk menubuhkan satu kesatuan dalaman yang dianggap sebagai satu cara untuk melemahkan kesatuan kebangsaan. NUBE juga telah mencabar perkara tersebut di mahkamah.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan NUBE telah membuat aduan kepada Suruhanjaya berhubung dengan laporan yang dibuat oleh Menteri Sumber Manusia kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa pada tahun 2011 bahawa keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (DGTU) untuk mendaftar kesatuan dalaman tersebut adalah sah dan dalam bidang kuasa DGTU seperti mana yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, keputusan Mahkamah Tinggi yang memihak kepada DGTU itu hanya diumumkan pada November 2013. Sehubungan itu, NUBE mempersoalkan bagaimana Menteri boleh memaklumkan keputusan tersebut seawal tahun 2011. Ini mendorong NUBE membuat dakwaan bahawa wujudnya pengaruh Menteri dalam keputusan mahkamah tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

MTUC telah membawa isu ini kepada perhatian Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau *International Labour Organization* (ILO) dan aduan ini telah direkodkan oleh ILO.

Kerajaan telah memberi maklum balas terhadap isu ini di mana maklum balas tersebut telah dikemukakan pada 5 Oktober 2011 dan telah diterbitkan di dalam Perenggan 868 Laporan ILO. Walau bagaimanapun, maklum balas tersebut telah ditarik balik oleh Kementerian digantikan dengan pernyataan baru seperti berikut:

“The decision of the Director General of Trade Union to register Maybank Non-Executive Employees Union (MAYNEU) is currently being challenged in the High

Court and the trial has commenced. Thus, we are of the view that we should not give any remarks, opinions or comments until the case are finally disposed off.”

Maklum balas berkenaan pendaftaran MAYNEU dibuat semata-mata bertujuan untuk menjelaskan kepada ILO berhubung aduan yang telah dibangkitkan oleh MTUC. Ia tidak pernah bertujuan untuk mempengaruhi keputusan Mahkamah terhadap kes itu. Ini kerana Mahkamah merupakan badan kehakiman bebas yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam membuat keputusannya. Tuduhan NUBE dan MTUC bahawa pernyataan Menteri telah mempengaruhi keputusan Mahkamah adalah tuduhan yang tidak berasas.

Kesatuan Sekerja Anak Kapal Kabin Penerbangan turut membuat aduan kepada Suruhanjaya mengenai pemecatan presiden mereka oleh Syarikat Penerbangan Malaysia dan keengganannya untuk mengakui kesatuan kebangsaan tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Penubuhan Kesatuan Kebangsaan Anak Kapal Kabin Penerbangan Malaysia (*National Union of Flight Attendants Malaysia* [NUFAM]) telah mendapat pengiktirafan Kerajaan pada 2 Ogos 2013. Walau bagaimanapun, pihak *Malaysia Airlines System* (MAS) telah membuat semakan kehakiman dan telah mendapat perintah penggantungan (*stay order*) terhadap keputusan pengiktirafan tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak kesatuan tidak boleh memulakan proses perundingan perjanjian kolektif sehingga Mahkamah Tinggi membuat keputusan mengenai isu pengiktirafan yang diterima oleh kesatuan.

Presiden NUFAM telah memfailkan representasi pemulihan kerja terhadap pihak MAS di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 pada 7 Januari 2014 di JPPM cawangan Selangor. Tindakan pembuangan kerja diambil oleh pihak MAS terhadap Presiden NUFAM atas sebab salah laku di mana beliau didakwa memberikan kenyataan akhbar meminta Ketua Pegawai Eksekutif MAS meletakkan jawatan. Kes tersebut kini masih dalam tindakan pihak JPPM.

(d) Pelarian Dan Pencari Suaka

Suruhanjaya telah menerima 25 aduan berkenaan pelarian yang telah ditahan oleh pihak berkuasa seperti Polis atau Imigresen kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan. Terdapat dakwaan daripada pengadu yang menyatakan berlakunya penangkapan ke atas mereka yang mempunyai kad pelarian yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Tinggi

Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian atau United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR).

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mengikut prosedur operasi standard JIM, warga asing yang memegang kad UNHCR akan dibebaskan selepas mendapat pengesahan ketulenan kad tersebut. Pihak Kerajaan dengan kerjasama UNHCR sentiasa berusaha mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan kad UNHCR bagi mengurangkan kes-kes pemalsuan kad tersebut.

(f) Empangan Murum

Sekumpulan masyarakat Penan serta aktivis telah lama menyuarakan kebimbangan mengenai pembinaan empangan Murum di Sarawak yang dikatakan mencerooboh kawasan tanah adat yang membawa kesan yang besar terhadap kehidupan, sosioekonomi, budaya, tradisi serta kepercayaan masyarakat Penan dan alam sekitar. Sehubungan itu, masyarakat kampung telah membuat sekatan bagi meluahkan bantahan terhadap projek tersebut. Pihak polis telah dipanggil untuk menyuraikan orang ramai. Suruhanjaya telah menerima laporan berhubung tindakan pihak polis yang melepaskan tembakan amaran ke udara serta penahanan yang dibuat ke atas dua orang kanak-kanak. Suruhanjaya telah menulis kepada Kerajaan Sarawak, Sarawak Energy Board dan pihak polis. Ia juga bercadang untuk mengatitkan satu mesyuarat di antara pihak berkuasa dan masyarakat Penan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan berpendapat bahawa isu ini perlu ditangani semua pihak yang berkaitan di meja rundingan agar jalan penyelesaian dapat dibuat. Pihak polis tidak seharusnya diseret dalam pertelingkahan mana-mana pihak memandangkan pihak polis bertanggungjawab menyuraikan perhimpunan yang menyalahi undang-undang.

Tangkapan yang dibuat oleh pihak Polis semasa sekatan bagi meluahkan bantahan pembinaan empangan tersebut adalah hasil daripada keterangan saksi-saksi dan gambar-gambar yang dirakam semasa kekecohan di tempat kejadian. Di dalam tangkapan tersebut, 3 daripadanya adalah pesalah juvana kerana telah terlibat secara langsung merempuh sekatan polis dan enggan mematuhi arahan bersurai yang dikeluarkan oleh ketua medan. Semasa proses tangkapan dijalankan, tiada kekerasan diambil dan ketiga-tiga juvana memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis.

Kesemua suspek (termasuk suspek juvana) telah dihadapkan ke Mahkamah Belaga pada 26 November 2013 bagi menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan (Menghalang penjawat awam pada menjalankan kerja-kerja jawatannya). Kaedah ini selaras mengikut peruntukan Seksyen 11, 88-90 dan 91 Akta Kanak-Kanak 2001.

(g) Pilihan Raya Umum Ke-13

Pada 1 Oktober, Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan bersama pemerhati bebas yang telah dilantik oleh SPR untuk memantau proses pilihan raya. Mereka telah menggariskan beberapa isu utama berserta cadangan:

(i) Daftar pemilih

Terdapat keperluan untuk penambahbaikan daftar pemilih seperti yang dinyatakan oleh pakar yang telah menjalankan kajian yang mendalam.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih sepanjang tahun berdasarkan kepada Peraturan 10 dan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Urusan pengemaskinian daftar pemilih yang dilakukan oleh SPR adalah seperti berikut:

- a) memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia;
- b) memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan;
- c) memotong nama pengundi tidak hadir (PTH) yang hilang kelayakan;
- d) memotong rekod anggota tentera/polis yang telah menamatkan perkhidmatan; dan
- e) memotong nama pengundi biasa yang menyertai perkhidmatan tentera/polis.

Walau bagaimanapun SPR sentiasa terbuka dan menerima pandangan daripada semua pihak sekiranya terdapat cadangan-cadangan penambahbaikan. Namun begitu, sebarang usaha penambahbaikan perlu berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi negara.

(ii) Saiz kawasan pilihan raya dan persempadanan semula

Saiz kawasan pilihan raya perlu diseragamkan dengan memastikan percanggahan sempadan dihadkan dan tidak melebihi 15% daripada kawasan pilihan raya setiap negeri. Ini adalah selari dengan Perlembagaan Persekutuan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

SPR tidak dapat menyeimbangkan saiz sesuatu bahagian pilihan raya memandangkan faktor geografi dan keadaan bentuk muka bumi yang berbeza, penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian tersebut. Pada amnya kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dan padat serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

Ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Fasal 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan mengenai penetapan dan prinsip-prinsip persempadanan seperti berikut:

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

(iii) Kebebasan SPR

SPR seharusnya bebas daripada Jabatan Perdana Menteri, ahlinya seharusnya dipertanggungjawabkan dan dilantik oleh Jawatankuasa Khas Parlimen yang terdiri daripada ahli kekal dan dwipartisan dan SPR juga harus mempunyai kuasa untuk melantik staf sendiri yang bebas daripada perkhidmatan awam.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (SSC) telah membentangkan sejumlah 22 syor yang mana sebanyak 8 syor telah dilaksanakan. Syor-syor tersebut tidak sedikit pun menyentuh perihal SPR sebagai agensi bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ini kerana SPR melaksanakan pengurusan pentadbiran dan kewangannya sendiri.

Sehingga kini pelantikan kakitangan SPR adalah mematuhi Perlembagaan Persekutuan di mana pihak berkuasa melantik adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

(iv) Peranan kerajaan sementara

Peranan kerajaan sementara perlu ditentukan dan disahkan oleh undang-undang. Ahli politik perlu sedar tentang peranan terhadap kerajaan sementara iaitu memastikan kelancaran pentadbiran harian negara semasa pilihan raya umum.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Perkara ini bukan di bawah bidang kuasa SPR seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

(v) Akses bagi OKU

OKU harus mendapat akses kepada kemudahan pilihan raya yang sama seperti pengundi lain. Walaupun hak OKU untuk mengundi tidak disebut dengan jelas dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008, hak itu terjamin di dalam Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya. Oleh itu, SPR harus mengambil langkah untuk menegakkan hak mengundi OKU yang merangkumi 15-20% daripada populasi mana-mana negara.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sememangnya diberi akses untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya. Mereka berhak untuk mendaftar dalam daftar pemilih pilihan raya dan berhak untuk mengundi dalam pilihan raya umum serta pilihan raya kecil. Walau bagaimanapun SPR menyedari beberapa Pusat Mengundi dan Tempat Mengundi perlu lebih mesra kepada OKU bagi membolehkan mereka untuk mengundi dengan lebih selesa. SPR juga telah memperkenalkan kemudahan

kepada OKU yang tidak berupaya untuk mengundi di saluran yang terletak di tingkat 1 atau tingkat yang lebih atas dengan memperkenalkan prosedur khas supaya OKU berkenaan tidak perlu naik ke tingkat berkenaan tetapi mengundi di mana-mana saluran di tingkat bawah di Pusat Mengundi tersebut. SPR akan mengkaji kemudahan kepada OKU dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan pada masa hadapan.

Di samping itu, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) / Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berkerjasama dengan SPR dalam memastikan OKU mempunyai hak sama seperti orang upaya untuk mengundi. Antara usaha yang telah dan sedang dilakukan adalah seperti:

- a) menyediakan senarai OKU berdaftar yang layak untuk mengundi bagi SPR menyediakan kemudahan mengundi kepada OKU semasa pilihan raya;
- b) menyediakan alat sokongan seperti kerusi roda kepada OKU yang memerlukan;
- c) membenarkan OKU membawa pengiring pilihan sendiri semasa mengundi; dan
- d) memastikan tempat pengundian yang boleh diakses oleh OKU.

(vi) Pemerhati Pilihan Raya

Pemerhati pilihan raya harus dilantik secara kekal dalam setiap Pilihan Raya Umum. Proses pelantikan harus diperbaiki dan latihan perlu disediakan dengan memberi penekanan terhadap amalan terbaik negara Asia Pasifik.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sehingga kini, sebanyak 17 NGO telah dilantik oleh SPR untuk menjadi pemerhati PRU dan ini akan dikekalkan. Setiap pemerhati akan diberi latihan secukupnya oleh SPR berdasarkan amalan-amalan terbaik dan pengalaman SPR sendiri.

(vii) Peranan media

Semua calon pilihan raya harus menerima akses yang sama kepada media. Ini penting kerana saluran komunikasi Kerajaan perlu dilihat bersifat neutral dan tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak dalam melaporkan hal ehwal Negara. Semua syarikat media milik Kerajaan harus mengekalkan kebebasan dalam laporan mereka dan menghentikan serangan tidak berasas terhadap pihak pembangkang.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan tiada halangan melaksanakan syor supaya calon-calon pilihan raya diberikan akses yang sama dalam semua saluran komunikasi termasuk saluran komunikasi Kerajaan. Walau bagaimanapun, ia haruslah berdasarkan kepada garis panduan dan kriteria-kriteria tertentu supaya peluang tersebut tidak disalahgunakan sehingga boleh menggugat keselamatan negara. Radio Televisyen Malaysia (RTM) umpamanya, sentiasa memberi ruang kepada semua pihak sama ada dalam liputan berita mahupun dalam rancangan bicarawara RTM. RTM pernah menawarkan slot siaran kepada semua parti politik semasa PRU-13 serta menjemput wakil mereka untuk menyertai bicarawara RTM. Siaran RTM sentiasa berdasarkan kepada fakta sah semata. RTM tidak memberi ruang kepada mana-mana pihak untuk menyerang pihak lain. Dalam masa yang sama, media-media bukan milik Kerajaan (*independent media*) juga mesti membuat laporan berita yang adil, tidak berat sebelah, tepat dan berasaskan fakta sama seperti tuntutan terhadap media Kerajaan.

(h) Hak kepada Pendidikan/Cara Pengendalian bagi Pentadbiran Sekolah

Sejumlah sebelas aduan telah diterima oleh Suruhanjaya berhubung dengan hak kepada pendidikan dan perkara berkaitan dengan pentadbiran sekolah.

(i) Hak kepada pendidikan

Pengadu menyatakan bahawa guru di sebuah sekolah rendah tidak menghadiri kelas, terutamanya kelas yang mempunyai pelajar lemah. Para pelajar telah diabaikan walaupun mereka sebenarnya memerlukan lebih banyak perhatian. Sekolah rendah tersebut juga telah memindahkan sebuah bilik darjah ke kawasan yang tidak kondusif untuk memudahkan seorang guru yang mempunyai masalah kesihatan hadir ke kelas.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

SUHAKAM dimohon untuk memberikan maklumat secara terperinci bagi membolehkan siasatan dibuat oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

(ii) Pentadbiran Sekolah

Suruhanjaya mendapati bahawa walaupun sebilangan pengetua sekolah telah berusaha memperbaiki sekolah mereka, inisiatif sedemikian tidak disambut baik oleh guru disebabkan masalah komunikasi. Hal ini telah menjejaskan motivasi guru dan kepentingan pelajar.

Suruhanjaya telah melawat sebuah sekolah menengah yang memasang CCTV di pekarangan sekolah dan tandas. Isu pemasangan CCTV ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan ibu bapa yang membuat aduan berhubung perkara tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Siasatan telah dijalankan oleh pihak KPM bersama-sama SUHAKAM dan kes telah selesai. Pihak sekolah telah mengalihkan CCTV dari kawasan tandas.

Aduan turut diterima mengenai guru disiplin yang gagal mematuhi syarat dan peraturan apabila menghukum pelajar. Suruhanjaya berpendapat bahawa pihak sekolah harus mempertimbangkan strategi lain yang sesuai dalam menangani masalah tingkah laku dan disiplin di kalangan pelajar dengan matlamat untuk memupuk dan menerapkan nilai dan tanggungjawab sebagai warganegara yang baik, tanpa menjejaskan hak asasi mereka.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

SUHAKAM dimohon untuk memberikan maklumat secara terperinci bagi membolehkan siasatan dibuat oleh pihak KPM.

(i) Pilihan Raya Kampus

Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada tiga kumpulan pelajar yang mendakwa berlakunya penipuan dan campur tangan oleh pihak

pentadbiran universiti masing-masing semasa pilihan raya kampus. Sekumpulan pelajar daripada Universiti Malaya melahirkan rasa tidak puas hati kerana pihak pentadbiran kampus gagal menetapkan tarikh pilihan raya walaupun tempoh pemegang jawatan di Majlis Pelajar bagi tempoh setahun telah tamat. Pelajar tersebut mendakwa bahawa beberapa syor telah dikemukakan untuk menambahbaik proses pilihan raya kampus tetapi tiada sebarang maklum balas. Mereka mencadangkan agar Jabatan Hal Ehwal Pelajar tidak lagi menguruskan pilihan raya kampus. Mereka juga meminta supaya sistem penzonan dimansuhkan; tarikh pilihan raya ditetapkan; kebebasan berkempen; penambahbaikan sistem pengundian; dan pemantauan pilihan raya.

Pelajar daripada Universiti Malaysia Sabah mendakwa bahawa pilihan raya kampus telah dimanipulasi. Mereka mendakwa bahawa sistem pengundian atas talian yang digunakan tidak diiktiraf oleh sebarang piawaian antarabangsa serta mempunyai banyak masalah seterusnya menafikan hak mereka kepada pilihan raya yang adil. Tambahan pula, terdapat masalah semasa mengakses ke akaun mengundi; masalah teknikal dalam komputer; dan perbezaan dalam jumlah undian. Mereka menggesa Suruhanjaya untuk memantau proses pilihan raya kampus. Wakil pelajar daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pula mendakwa berlakunya pelanggaran dalam pemilihan pemegang jawatan bagi Majlis Pelajar. Mereka mendakwa telah berlaku campur tangan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang bertentangan dengan perlembagaan universiti.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pihak universiti bertanggungjawab melaksanakan semua aktiviti berkaitan pembelajaran dan pengajaran termasuklah pilihan raya kampus. Sebagai agensi badan berkanun, pihak universiti berhak menentukan sendiri pelbagai aspek seperti tarikh pilihan raya kampus atau konvokesyen. Pihak KPM sebagai pemudahcara dan memantau supaya semua aktiviti berjalan dengan tersusun dan bersesuaian dengan garis panduan dan akta yang berkaitan.

Di dalam Perlembagaan Universiti, ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dipilih selama setahun dari tarikh lantikan dan MPP berkenaan akan dibubarkan selepas setahun penggal tamat. Tarikh pemilihan MPP mengambil kira tarikh pendaftaran mahasiswa baharu, aktiviti utama universiti termasuk konvokesyen dan kalendar akademik mahasiswa diploma. Oleh yang demikian, berdasarkan kenyataan dan amalan di peringkat universiti bagi perkara yang dibangkitkan mengenai tarikh pemilihan MPP Universiti Malaya (UM), adalah jelas ianya telah dilaksanakan secara teratur iaitu pada bulan November 2013 bagi pemilihan MPP tahun 2013.

Pihak universiti terutama pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) berusaha gigih dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab berdasarkan peraturan dan Perlembagaan Universiti yang telah ditetapkan. Oleh itu, sekiranya berlaku sedikit kelewatan bagi pemilihan MPP yang baharu, ianya tidak akan menjejaskan fungsinya kerana MPP sedia ada akan berperanan sebagai “*care taker*” sehingga MPP baharu dipilih.

Bagi proses pemilihan MPP, pihak universiti mempunyai Tatacara Pengurusan Pemilihan MPP dan Prosedur Operasi Standard masing-masing yang perlu diikuti. Jawatankuasa Pemilihan MPP akan memastikan kelancaran proses pemilihan MPP, pembuangan dan pengiraan undi dilaksanakan mengikut tatacara dan prosedur yang ditetapkan. Bagi memastikan ketelusan proses pemilihan MPP, Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada ahli-ahli yang berwibawa akan menyemak, mengesah dan memastikan proses pemilihan MPP serta pembuangan dan pengiraan undi mengikut tatacara dan prosedur yang telah ditetapkan. Oleh itu, proses dan prosedur pemilihan MPP UM dan MPP Universiti Malaysia Sabah (UMS) mematuhi tatacara pengurusan pemilihan MPP masing-masing.

Bagi melantik ahli MPP sesebuah universiti, calon-calon hendaklah menang dalam pemilihan MPP. Setelah calon-calon menang dalam pemilihan MPP, pemilihan pemegang jawatan MPP diadakan melalui Mesyuarat yang dilaksanakan oleh MPP berkenaan. Bagi memastikan kelancaran proses pemilihan dan pelantikan pemegang jawatan MPP, pihak universiti bertanggungjawab untuk memantau dan menyelia proses pemilihan serta pelantikan pemegang jawatan MPP mematuhi Perlembagaan Universiti dan Perlembagaan MPP masing-masing. Sehubungan dengan itu, proses pemilihan pemegang jawatan MPP 2013/2014 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah dilaksanakan dengan adil dan telus serta tidak bercanggah dengan Perlembagaan UIAM mahupun Perlembagaan MPP.

Mahasiswa institusi pengajian tinggi adalah digalakkan mengambil bahagian dalam proses pemilihan MPP masing-masing kerana ianya adalah selari dengan sistem demokrasi berperlembagaan. Melalui sistem pemilihan MPP tersebut, setiap mahasiswa adalah berhak untuk memilih pucuk pimpinan masing-masing dan menjadi tanggungjawab mereka sebagai pemilih untuk keluar mengundi.

3. LAWATAN BERKALA KE TEMPAT TAHANAN

Suruhanjaya menjalankan lawatan berkala untuk memantau keadaan fizikal pusat tahanan, kemudahan, program pemulihan, rawatan, pemakanan dan peruntukan penjagaan kesihatan serta kebajikan kakitangan. Lawatan kes pula dijalankan berdasarkan aduan yang diterima dan isu yang dibawa kepada perhatian Suruhanjaya.

Syor Suruhanjaya

Keadaan di pusat tahanan secara amnya mencapai tahap standard minimum. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan.

1. Penjagaan kesihatan dan rawatan untuk banduan/tahanan yang sakit

Suruhanjaya mendapati penjara terutamanya penjara yang lama, tidak dilengkapi dengan kemudahan atau sumber bagi memenuhi keperluan minimum dan penjagaan kesihatan tahanan. Walaupun terdapat perjawatan untuk pembantu perubatan, perjawatan tersebut tidak diisi. Suruhanjaya percaya perlu ada sekurang-kurangnya seorang kakitangan perubatan di dalam pusat tahanan kerana ianya bukan sahaja memberi manfaat kepada tahanan tetapi juga kepada kakitangan. Suruhanjaya juga sedar akan masalah kekurangan perubatan asas disebabkan kesesakan dalam pusat tahanan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Penjara Malaysia melakukan penambahbaikan kemudahan penjara lama yang berusia lebih 100 tahun secara berperingkat. Tindakan lain juga diambil dengan mengurangkan jumlah penghuni yang ditahan di penjara-penjara berkenaan. Selain dari perkhidmatan doktor panel di setiap penjara terdapat juga Pembantu Pegawai Perubatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di semua penjara kecuali 3 buah penjara yang belum dapat diisi. Manakala bagi jawatan Pegawai Perubatan serta jururawat dari KKM, mereka ditempatkan di penjara tertentu sahaja.

Suruhanjaya menerima beberapa aduan berhubung tahanan yang sakit tidak menerima rawatan sewajarnya. Suruhanjaya turut dimaklumkan bahawa tiada diet khas untuk tahanan/banduan yang mengidap diabetes dan mereka hanya diberikan pilihan untuk menggantikan nasi dengan roti putih. Suruhanjaya merasakan bahawa tahanan/banduan harus sekurang-kurangnya diperiksa oleh pegawai perubatan yang mana kemudiannya menasihatkan pihak pengurusan untuk menyediakan makanan yang sesuai. Pihak pentadbir harus mendapatkan garis panduan daripada Kementerian Kesihatan berhubung nutrisi atau diet yang betul bagi tahanan/banduan yang sakit.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Semua banduan diberikan rawatan sewajarnya sama ada di klinik penjara mahupun rawatan lanjut di hospital kerajaan termasuklah pakar. Rawatan tersebut termasuk rawatan lanjut ditetapkan oleh doktor atau pakar yang merawat. Perbincangan berhubung keperluan rawatan untuk penghuni tertentu yang tidak berpuas hati tentang rawatan mereka turut dibuat bersama KKM. Berasaskan kepada ketetapan Akta serta Peraturan Penjara, Pegawai Perubatan yang merawat penghuni boleh mengesyorkan pindaan atau tambahan pemakanan untuk seseorang penghuni berasaskan keperluan kesihatan mereka. Setiap syor yang dibuat oleh Pegawai Perubatan akan dipatuhi dan dilaksanakan oleh pengurusan penjara.

2. Peruntukan bajet untuk makanan

Suruhanjaya mendapati peruntukan bajet untuk makanan adalah berbeza daripada satu pusat tahanan dengan pusat tahanan yang lain dan ada kalanya, jumlah yang diperuntukkan itu terlalu rendah. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa tender bagi pembekalan makanan diuruskan oleh Kementerian Dalam Negeri. Suruhanjaya berharap agar peruntukan ini dapat disemak dari semasa ke semasa.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Peruntukan bajet makanan adalah berasaskan tempoh kontrak, jumlah penghuni dan dinilai mengikut harga semasa. Walau bagaimanapun ianya tidak dapat diseragamkan kerana berlaku perbezaan harga barangan berasaskan lokaliti.

3. Rawatan tahanan dan program pemulihan

Dengan peningkatan jumlah kes berulang, keutamaan harus diberikan ke atas peranan program pemulihan di penjara. Semasa satu lawatan, Suruhanjaya dimaklumkan bahawa penjara telah dibahagikan kepada beberapa kategori yang meliputi kesalahan seksual, kes dadah dan kesalahan jenayah. Ini membolehkan pihak berkuasa memberi tumpuan kepada program pemulihan mengikut keperluan setiap kumpulan banduan. Tertakluk kepada kekosongan dan tempoh hukuman, banduan juga ditempatkan di penjara yang paling hampir dengan rumah mereka. Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan sumber manusia terutamanya kakitangan awam – sesetengah penjara tidak dapat menjalankan program pemulihan dengan berkesan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jumlah kes berulang bagi penjara adalah berkurangan di mana kadarnya pada tahun 2012 adalah 7.97% dan berkurangan kepada 7.61% pada tahun 2013. Berasaskan keperluan penambahan bidang tugas, Jabatan Penjara Malaysia dari semasa ke semasa mengemukakan permohonan pertambahan kakitangan termasuklah mengisi kekosongan perjawatan. Di samping itu Jabatan Penjara Malaysia juga telah melaksanakan penajajaran perjawatan mengikut keperluan sesebuah penjara yang mana ianya telah diluluskan oleh Kerajaan.

Suruhanjaya telah mengambil inisiatif untuk memberi perhatian kepada hak dan kebajikan kakitangan di semua pusat tahanan. Suruhanjaya mendapati bahawa mereka secara berterusan terdedah kepada keadaan kerja yang sukar dan risiko penyakit berjangkit seperti penyakit batuk kering. Kebanyakan mereka juga tidak memiliki kemudahan kerja yang sewajarnya.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Prosedur bekerja pegawai penjara boleh mendedahkan mereka kepada beberapa risiko antaranya penyakit berjangkit. Langkah penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan melalui kerjasama dengan berbagai pihak terutamanya KKM. Pihak Universiti serta SUHAKAM juga turut terlibat dalam aspek tertentu berkaitan kesihatan yang melibatkan antaranya kajian atau rawatan atau pengesanan penyakit atau pencegahan. Rekod Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan hanya 0.6% dari 14,373 kakitangan Jabatan Penjara Malaysia yang mengidap penyakit berjangkit. Manakala kemudahan dan peralatan kerja untuk setiap kakitangan dibekalkan pada setiap tahun dan juga mengikut keperluan.

4. KANAK-KANAK DI PUSAT TAHANAN IMIGRESEN

(b) Pemantauan Kebajikan Kanak-Kanak

Berdasarkan pemerhatian dan perbincangan dengan bahagian pengurusan setiap pusat tahanan, Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa kanak-kanak lelaki yang tidak diiringi dan berumur antara 13-18 tahun akan diletakkan di dalam blok yang sama dengan tahanan lelaki dewasa; manakala kanak-kanak perempuan yang tidak diiringi dan berumur antara 13-18 tahun akan diletakkan di dalam blok wanita. Di bawah Peraturan Depot Imigresen, kanak-kanak di bawah 12 tahun yang ditangkap bersama

ibu bapa mereka boleh dimasukkan ke pusat tahanan yang sama dengan ibu bapa mereka.

Walau bagaimanapun, tidak ada aktiviti atau kemudahan khas yang disediakan di pusat tahanan untuk memenuhi keperluan mereka, termasuk akses kepada pendidikan secara tidak formal.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum mengenai perlunya alternatif terhadap penahanan kanak-kanak yang tidak diiringi penjaga dan penahanan hanya dilakukan sebagai alternatif terakhir dan dalam tempoh yang singkat. Kerajaan melalui JIM menyediakan Depot Tahanan Imigresen sebagai tempat tahanan transit bagi warganegara asing sebelum dihantar pulang ke negara asal di mana kemudahan bagi aktiviti riadah turut disediakan kepada kanak-kanak.

5. PEMERDAGANGAN ORANG

Empat aduan telah dilaporkan kepada Suruhanjaya berhubung insiden pemerdagangan orang. Walaupun Suruhanjaya bukan sebuah agensi penguatkuasa bagi jenayah pemerdagangan orang, ia bertindak sebagai pengantara bagi pengadu dan agensi penguatkuasa untuk memastikan tindakan segera dan sewajarnya diambil ke atas setiap aduan. Seorang pengadu memaklumkan kepada Suruhanjaya melalui email bahawa abangnya yang bekerja di sebuah ladang di Negeri Sembilan telah dipaksa bekerja tanpa dibayar gaji oleh sindiket pemerdagangan orang. Suruhanjaya dengan segera menghubungi Unit Antipemerdagangan Orang pasukan polis di Bukit Aman, Kuala Lumpur, untuk menyampaikan maklumat tersebut. Polis kemudian telah bertindak dengan menyelamatkan mangsa dan meletakkan beliau di tempat perlindungan. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya tidak dimaklumkan mengenai tindakan yang telah diambil terhadap penjenayah tersebut, walaupun pertanyaan secara rasmi telah dibuat kepada pihak polis.

Suruhanjaya turut menghadapi kesukaran untuk menangani kes pemerdagangan orang apabila maklumat yang disampaikan oleh pengadu tidak lengkap atau pengadu tidak memberikan kerjasama sepenuhnya. Sebagai contoh, dua aduan yang diterima melalui email dan surat tidak mempunyai maklumat penting seperti butiran peribadi atau tempat kejadian. Apabila Suruhanjaya cuba menghubungi pengadu, tiada sebarang maklum balas yang diberikan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

PDRM merupakan agensi utama (*lead agency*) bagi isu pemerdagangan orang di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM). Walau bagaimanapun, masih terdapat kekangan dari segi bilangan pegawai penyiasat yang khusus bagi menangani kes-kes pemerdagangan orang. Mulai tahun 2014, PDRM telah mendapat perjawatan tambahan bagi tujuan menangani isu ini.

Berkenaan dengan aduan yang diterima oleh pihak SUHAKAM, PDRM sedang menyiasat kes tersebut di bawah Seksyen 13 ATIPSOM.

6. UNDANG-UNDANG PENAHANAN PENCEGAHAN

(a) Tahanan di Kem Tahanan Kamunting

Pada 22 Jun 2012, Kerajaan telah menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) dengan Akta Kesalahan-Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012. Walau bagaimanapun, orang yang ditahan sebelum pemansuhan Akta tersebut kekal di dalam tahanan sehingga perintah tahanan tersebut dibatalkan oleh Menteri Dalam Negeri. Pada 17 Jun, Gerakan Mansuhkan ISA telah mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya bagi menuntut pembebasan ke atas semua tahanan. Menurut Kementerian Dalam Negeri (KDN), terdapat tujuh orang tahanan yang masih ditahan di bawah ISA setakat 17 Oktober 2013. Penahanan tersebut dibuat berdasarkan dakwaan atas kesalahan yang berkaitan dengan keganasan dan pemerdagangan orang.

MAKLUM BALAS KERJAAN

Kerajaan telah membebaskan semua tahanan ISA dan tahanan yang terakhir dibebaskan pada 5 Januari 2014.

7. AKTIVITI PEMANTAUAN

Suruhanjaya telah memantau tiga perhimpunan awam iaitu – ‘KL 112’, demonstrasi Anti-Lynas dan bantahan terhadap cadangan pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (PCA). Sementara ‘KL 112’ diadakan di dalam Stadium Merdeka di Kuala Lumpur, dua perhimpunan yang lain diadakan di hadapan Parlimen.

Secara keseluruhan, pihak polis telah mengawal perhimpunan melalui operasi kawalan trafik. Dianggarkan seramai 100,000 orang telah menyertai 'KL 112', yang merupakan perhimpunan terbesar selepas perhimpunan BERSIH 3.0 pada 28 April 2012. 'KL 112' menunjukkan pentingnya peranan pihak polis dalam mengawal perhimpunan aman. Ia juga membuktikan bahawa apabila perhimpunan awam dilaksanakan dengan berkesan dan teratur, hak rakyat untuk berhimpun dan menyuarakan pandangan mereka secara aman turut dijamin. Semasa perhimpunan Anti-Lynas dan bantahan Pindaan PCA yang mana bilangannya lebih kecil, pihak polis telah bertindak untuk mengawal dan menguruskan trafik. Wakil pihak yang membantah dibenarkan untuk memasuki Parlimen dan berjumpa dengan ahli Parlimen. Memandangkan Akta Perhimpunan Aman 2012 masih baru, adalah diharapkan bahawa penguatkuasaan akan dijalankan tanpa sebarang sekatan yang bercanggah dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

MAKLUM BALAS KERJAAN

Kebebasan bersuara rakyat Malaysia untuk meluahkan rasa tidak puas hati atas apa jua perkara hendaklah mengikut Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berdasarkan Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA) yang membenarkan rakyat berhimpun secara aman. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara ini perlu diseimbangkan dengan kewajipan Kerajaan untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman awam. Penyalahgunaan kebebasan bersuara dan berhimpun seperti mengadakan perhimpunan haram sehingga menimbulkan kegelisahan dan ketegangan dalam masyarakat hanyalah merugikan negara dan merupakan satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

II. BAHAGIAN INKUIRI

1. LAPORAN NI

(a) Pengumuman Awam Laporan (National Inquiry [NI])

Laporan NI telah siap sepenuhnya pada bulan April tetapi hanya dilancarkan pada 5 Ogos, iaitu lewat daripada tempoh yang dijadualkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Memandangkan hasil dapatan dan syor-syor NI adalah penting bagi kesejahteraan Orang Asal, Suruhanjaya merasakan perlunya untuk menyerahkan Laporan tersebut terlebih dahulu ke Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan bagi membolehkan wakil rakyat dan pembuat dasar

membincangkan isu-isu dan syor-syor tersebut. Keputusan di atas diambil selaras dengan seksyen 21(3) Akta Suruhanjaya yang menyatakan bahawa 'Suruhanjaya boleh, bila mana dianggapnya perlu berbuat demikian, mengemukakan laporan khas kepada Parlimen berkenaan dengan apa-apa perkara tertentu yang dirujuk kepadanya dan tindakan yang diambil berkenaan dengan perkara itu'.

Walau bagaimanapun, pembubaran Parlimen bagi Pilihan Raya ke-13 telah diumumkan pada masa Laporan NI diselesaikan. Perkara ini telah menyebabkan Suruhanjaya terpaksa menangguhkan pelancaran Laporan NI sehingga sesi baru Parlimen diadakan.

Namun begitu, Laporan NI ini tidak dibentangkan di Parlimen. Sebaliknya, Kabinet telah memutuskan untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas. Anggota Suruhanjaya yang berada di sidang media yang mengumumkan keputusan ini pada 5 Ogos, telah menyerahkan Laporan NI kepada YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk perhatian Pasukan Petugas Khas.

Adalah menjadi harapan Suruhanjaya agar Pasukan Petugas Khas dapat memastikan pelaksanaan ke atas syor-syor dalam laporan NI dilakukan secepat mungkin dan secara berkesan demi kepentingan OA. Suruhanjaya juga telah mengedarkan Laporan NI kepada pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan dan NGO, organisasi antarabangsa dan beberapa National Human Rights Institutions (NHRI) di negara lain.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pasukan Petugas Khas mengambil maklum atas syor-syor SUHAKAM berkaitan Laporan NI tersebut. Pendekatan-pendekatan yang sesuai akan dimasukkan dalam Laporan Pasukan Petugas Khas berhubung Inkuiri Nasional.

(b) Syor-Syor NI

Laporan NI ini mengandungi kesimpulan umum dan 18 syor di bawah enam tema utama.

(i) Kesimpulan Umum

- 1. Walaupun terdapat peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia, undang-undang tempatan dan antarabangsa yang mengiktiraf hak*

tanah mereka, isu sistemik telah menafikan mereka daripada menikmati sepenuhnya hak mereka di sisi undang-undang dan hak asasi manusia. Isu yang timbul ini banyak berpunca daripada pindaan undang-undang tanah yang berturut-turut sehingga gagal mengiktiraf perspektif Orang Asal mengenai pemilikan dan pengurusan tanah, seterusnya menjejaskan hak Anak Negeri ke atas tanah adat mereka.

Keputusan pentadbiran juga turut memberikan kesan secara langsung ke atas tuntutan tanah adat. Ini berpunca daripada pemakaian dasar yang memberikan keutamaan kepada projek pembangunan berskala besar berbanding dengan kelangsungan ekonomi sara diri Orang Asal.

- 2. Terdapat kekecewaan dan kemarahan yang mendalam di kalangan masyarakat Orang Asal disebabkan pencabulan ke atas hak tanah mereka dan kekurangan maklum balas berhubung perkara ini. Memandangkan ketidakadilan terhadap akses dan pengawalan tanah merupakan konflik utama yang boleh menyebabkan Negara menanggung kos yang tinggi sekiranya tidak ditangani dengan berkesan, Inkuiri Nasional tersebut melihat pentingnya untuk pihak berkenaan mengatasi ketidakadilan yang timbul dengan kadar segera dan secara menyeluruh.*
- 3. Adalah dicadangkan bahawa semua aktiviti yang melibatkan semakan semula dan kajian perlu dijalankan dengan penglibatan penuh dan berkesan masyarakat Orang Asal. Komitmen Kerajaan untuk menerima pakai syor bagi menubuhkan sebuah Suruhanjaya Kebangsaan bebas berhubung isu Orang Asal akan memastikan bahawa isu hak tanah Orang Asal dapat ditangani dengan berkesan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Berdasarkan seksyen 6(1) dan Seksyen 7(1) Akta Orang Asli 1954 [Akta 134], kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan tanah sebagai kawasan Orang Asli (*aboriginal area*) atau Rizab Orang Asli (*aboriginal reserve*) terletak dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Jaminan pegangan tanah bagi tanah yang diberi milik oleh PBN kepada orang asli dalam kawasan orang asli dan rizab orang asli diberikan melalui Kanun Tanah Negara (KTN).

Dalam memberi milik tanah yang diisytiharkan atau dirizabkan di bawah Akta 134, perhatian perlulah diberikan kepada peruntukan seksyen 6(2)(iii) dan 7(2)(iv).

Manakala dalam konteks rizab Orang Asli, Jabatan Peguam Negara telah memberikan pandangan pada Januari 2013 bahawa tanah yang diwartakan di bawah Akta 134 bukan merupakan tanah rizab Persekutuan. Hanya tanah yang diwartakan di bawah seksyen 62 KTN bagi maksud Orang Asli sahaja yang dikira sebagai rizab Persekutuan dan perlulah mendapat pelepasan kerajaan Persekutuan sebelum tanah rizab dibatalkan sekiranya PBN bercadang untuk memberi milik kepada Orang Asli.

Selaras dengan keputusan Mahkamah, Kerajaan sentiasa memastikan tanah orang asli yang dapat dibuktikan terlibat dengan pengambilan balik dibayar pampasan mengikut undang-undang pengambilan tanah.

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa, pihak Kerajaan Negeri Sabah memang sudahpun mengambil maklum semua syor/isu yang dibangkitkan.

(ii) Syor-syor Utama

1. Jaminan Pegangan Tanah

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan Tanah dan Ukur Sabah (JTUS) berpendapat bahawa *Security of Tenure* di Sabah adalah terjamin. Memelihara dan melindungi hak tanah adat anak negeri Sabah dan pemberimilikan tanah kepada Anak Negeri adalah merupakan salah satu daripada agenda utama Kerajaan Negeri Sabah dalam program pembangunan luar bandar Negeri Sabah. Melalui program tersebut, sehingga Disember 2013, Kerajaan Negeri Sabah telah berjaya menganugerahkan tanah kerajaan kepada Anak Negeri Sabah sama ada dalam bentuk hakmilik tanah, ekuiti dan pewartaan tanah simpanan Anak Negeri seluas 1,014,959.26 hektar atau 46% daripada keseluruhan keluasan tanah kerajaan yang telah diberi milik untuk tujuan pertanian di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, seluas 653,065 hektar telah diberi hakmilik tanah syarat NT (*Native Title*) kepada 198,533 individu Anak Negeri Sabah. Jumlah ini termasuk 62 buah geran komunal yang telah dikeluarkan sejak 2010 sehingga 2013 dengan keluasan 33,591.73 hektar kepada 8039 individu Anak Negeri Sabah.

Program pemberimilikan tanah kepada Anak Negeri Sabah akan dipertingkatkan melalui penambahbaikan sistem penyampaian pemberimilikan tanah dengan menggunakan tujuh (7) kaedah pemberimilikan tanah yang telah diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Sabah, iaitu:

1. Pemberimilikan tanah kepada Anak Negeri Sabah melalui proses permohonan tanah (PT) di bawah seksyen 9(1) Ordinan Tanah Sabah (OTS) (*direct alienation*);
2. Pemberimilikan tanah melalui geran komunal di bawah pindaan seksyen 76 OTS;
3. Pemilikan tanah melalui tuntutan hak tanah adat anak negeri (NCR) oleh Anak Negeri Sabah di bawah seksyen 13 hingga 16 dengan mengambil kira seksyen 5, 6(1), 65 dan 88 OTS;
4. Perizaban tanah simpanan Anak Negeri Sabah melalui pewartaan di bawah seksyen 78 OTS;
5. Mengenakan syarat 30% atau 49% ekuiti untuk Anak Negeri Sabah dalam pemberimilikan tanah pajakan pertanian melebihi 1,000 ekar di bawah seksyen 9(1) OTS;
6. Pemberimilikan tanah di bawah seksyen 9(1) OTS melalui pembangunan tanah ladang secara perkongsian pintar di antara Anak Negeri Sabah dengan agensi Kerajaan; dan
7. Pengisytiharaan tanah Kerajaan di bawah seksyen 80 hingga seksyen 85 OTS untuk penyelesaian tuntutan hak tanah adat oleh Anak Negeri Sabah (*proclamation of settlement*).

Unit Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah (PANTAS) dengan pembiayaan Kerajaan Persekutuan telah ditubuhkan pada November 2011 untuk memastikan penambahbaikan sistem penyampaian dilaksanakan dengan lebih berkesan dan teratur melalui 7 kaedah tersebut.

(i) Bagi memastikan jaminan pegangan tanah dan hak tanah adat mengikut perspektif Orang Asal tanpa sebarang kompromi, dicadangkan agar sebelum dibuat atau dikeluarkan sebarang pemberi milikan tanah, perizaban tanah atau pengeluaran lesen, pihak berkuasa perlu menyiasat sepenuhnya status tanah tersebut dengan merujuk kepada sebarang dokumen yang relevan dan juga setiap bukti di lapangan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, jaminan pemilikan pegangan tanah sedia ada diperuntukkan di dalam Kanun Tanah Negeri Sarawak (KTNS). Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTSS)

sentiasa melakukan semakan status tanah yang terperinci sebelum sesuatu bidang tanah diambil balik, diberi milik, dikeluarkan lesen atau dirizabkan. Penyiasatan status tanah adalah menggunakan pelbagai rekod jabatan yang berkaitan serta telah menjadi prosedur operasi standard dalam proses kerja jabatan.

- Ditekankan di sini bahawa kewujudan Hak Adat Bumiputera (HAB) yang tulen hendaklah memenuhi kriteria undang-undang di mana tanah tersebut mesti diterokai dan diduduki sebelum 1 Januari 1958. Pendudukan tanah selepas tarikh tersebut tidaklah boleh diiktiraf sebagai HAB yang tulen.
- Walau bagaimanapun, pendudukan ke atas tanah berkenaan selepas tarikh 1 Januari 1958, Kerajaan sentiasa mempertimbangkan permohonan pemberimilikan tanah-tanah Kerajaan. Kerajaan juga telah mewujudkan program penempatan seperti Skim Pembesaran Kampung dan Skim Penempatan Semula.
- Kerajaan juga telah mewujudkan skim-skim pembangunan tanah pertanian dan skim pembangunan tanah berkumpulan.

Di Sabah, mengikut prosedur yang sedang diamalkan, setiap permohonan tanah diproses dengan teliti untuk menentukan tanah yang dipohon samada tanah kerajaan yang masih tersedia atau telah komited. Sekiranya tanah kerajaan yang dipohon masih tersedia untuk diberi milik, notis Seksyen 13 akan dipamerkan di papan kenyataan Pejabat Tanah Daerah dan di balai raya kampung yang berkenaan untuk memberi peluang kepada individu Anak Negeri mengemukakan tuntutan hak tanah adat di bawah Seksyen 14 OTS sekiranya tanah yang dipohon itu telah diduduki dan diterokai. Pejabat Tanah Daerah hanya akan menyiasat di lapangan untuk bukti-bukti nyata sekiranya terdapat tuntutan hak tanah adat daripada Anak Negeri tentang kawasan yang dipohon samada oleh individu atau syarikat.

Sejak tahun 1997 sehingga Disember 2013, sebanyak 615 kes tuntutan Hak Tanah Adat (NCR) yang melibatkan seramai 1,164 orang penuntut telah diterima dan didaftarkan di Pejabat Tanah yang berkaitan di seluruh negeri Sabah. Daripada 615 kes tuntutan NCR, sebanyak 368 kes telah diiktiraf sebagai pendudukan NCR, sebanyak 70 kes telah ditolak dan baki sebanyak 177 kes masih dalam penyiasatan. Mengikut program Jabatan Tanah dan Ukur, baki kes tuntutan hak tanah adat sebanyak 177 kes akan diselesaikan pada awal tahun 2015 melalui Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah (PANTAS). Untuk tujuan pengeluaran hakmilik tanah, Unit PANTAS telah dipertanggungjawabkan untuk memproses kelulusan permohonan tanah dan seterusnya pengeluaran hakmilik tanah bersyarat NT kepada individu yang berkaitan. Program tersebut dijangkakan siap pada Disember 2015.

Sebagai tambahan, sejak tahun 2000 hingga kini, terdapat 41 kes yang melibatkan 1,243 penuntut Anak Negeri yang difailkan di mahkamah yang melibatkan isu-isu tuntutan NCR. Daripada 41 kes tersebut, 10 tuntutan telah ditolak yang melibatkan 1,021 penuntut, hanya 4 tuntutan telah dibenarkan oleh mahkamah yang melibatkan 17 orang penuntut, 5 kes yang melibatkan 17 penuntut memilih untuk berunding sesama mereka (*consent judgement*) dan sebanyak 4 kes yang melibatkan 5 orang penuntut telah ditarik balik oleh penuntut. Baki kes sebanyak lapan belas (18) kes belum diputuskan oleh mahkamah yang melibatkan seramai 183 orang penuntut.

(ii) Syor-syor bagi sebarang pindaan kepada undang-undang dan dasar yang telah dikaji dan/atau diterimapakai oleh Kerajaan patut dilaksanakan dengan segera melalui keputusan perundangan dan dasar.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Berhubung syor yang dikemukakan, JTSS telah menentukan secara spesifik proses dan prosedur bagaimana notis pemberitahuan dibuat dan kaedah-kaedah penyampaian dan penerimaan notis tersebut. Seksyen 5(2) KTNS memperuntukkan kaedah dan kriteria bagaimana HAB diwujudkan. JTSS telahpun menyediakan prosedur operasi standard yang khusus mengenai notis sebagai mana di dalam perenggan 10.7 Syor SUHAKAM tersebut [Seksyen 5(3) KTNS].

JTUS telah membuat beberapa pindaan terhadap OTS untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Sebagai contoh, pindaan terhadap Seksyen 76 pada tahun 2009 untuk pengeluaran geran komunal, Seksyen 17(5) pada tahun 2000 untuk membolehkan hakmilik tanah NT dipajak-kecilkan kepada bukan Anak Negeri untuk selama 30 tahun sahaja, Seksyen 70(3) pada tahun 1995 untuk membolehkan tanah kerajaan diberimilik tanah syarat NT seluas 50 ekar sahaja kepada individu Anak Negeri berbanding dengan 15 ekar sebelum pindaan dibuat dan Seksyen 70(2) pada tahun 1995 untuk menetapkan syarat kegunaan tanah bagi hakmilik tanah NT kepada pertanian.

(iii) Keputusan mahkamah yang telah mengiktiraf konsep hak tanah adat Orang Asal/Anak Negeri patut dilaksanakan dengan segera.

Di Sarawak, keputusan-keputusan Mahkamah memang diambil kira dalam pengiktirafan jaminan pegangan tanah. Walau bagaimanapun, jika keputusan tersebut masih di peringkat rayuan, adalah terlalu awal (*premature*) untuk JTSS melaksanakannya.

JTSS sentiasa menambah baik proses penyampaian perkhidmatan dengan membuat konsultasi dan perjumpaan dengan penduduk setempat untuk menjelaskan polisi dan dasar kerajaan terkini dengan kerjasama wakil rakyat setempat. JTSS turut mengesyorkan agensi yang terlibat dengan pembangunan pertanian secara komersil agar bekerjasama dengan penduduk setempat untuk membangunkan tanah-tanah yang telah diukur bagi menjana faedah ekonomi yang lebih kepada pemilik-pemilik tanah.

Di Sabah, JTUS sentiasa mengambil kira keputusan mahkamah sebagai asas dalam pentadbiran tanah di negeri Sabah.

2. Penjelasan konsep pegangan adat

Kajian bersesuaian untuk menjelaskan konsep seperti kawasan rayau dan wilayah tradisi perlu dilakukan segera.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, penyelidikan untuk menjelaskan konsep-konsep seperti kawasan rayau dan wilayah adat telah diadakan.

Di Sabah, konsep *Customary Tenure* di negeri ini adalah jelas dan telah merangkumi semua aspek dalam menjaga kepentingan dan hak tanah adat anak negeri Sabah. Dengan kriteria NCR yang sedia ada di bawah seksyen 15 OTS maka tidak perlu diadakan perubahan ke atas kriteria NCR buat masa ini.

Rayau dan wilayah adat melibatkan aktiviti-aktiviti Anak Negeri seperti aktiviti pertanian yang berpindah-randah, memburu secara bebas di hutan dan aktiviti-aktiviti *survival* yang lain tanpa kawalan. Aktiviti seperti ini boleh memudaratkan penjagaan dan kawalan Hutan Simpan, tanah simpanan hidupan liar dan simpanan tadahan air.

3. Pengembalian bagi Hak Tanah Adat yang tidak diiktiraf

(i) Peruntukan undang-undang bagi pengembalian tanah perlu disediakan.

Dalam keadaan yang mana pengembalian tanah adat Orang Asal yang telah diambil adalah tidak mungkin atau tidak boleh dilaksanakan, pemberian tanah gantian atau pampasan perlu dipertimbangkan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, pengambilan balik tanah di bawah KTNS adalah menepati Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. KTNS ada memperuntukkan proviso untuk penggantian tanah (*provide alternative land*) dan ianya telah dilaksanakan dalam pengambilan balik tanah untuk projek HEP Bakun, Empangan Bengoh, pembinaan Jambatan Tun Salahuddin dan sebagainya. Walaupun demikian pengembalian tanah (*restitution*) adalah tidak praktikal untuk diguna pakai bagi setiap projek pengambilan balik tanah.

Di Sabah, sejak 13 Disember 1930, semua tanah Kerajaan yang terdapat di negeri Sabah adalah diletak hak di bawah Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 5 OTS. Oleh itu, pemberimilikan tanah boleh dilakukan di bawah Seksyen 9(1) atau di bawah Seksyen 13 hingga 16 OTS kepada Anak Negeri Sabah. Ini bermakna, pengembalian tanah yang telah diberi milik melalui Seksyen 9(1) OTS hanya boleh dibuat melalui proses permohonan tanah kepada seseorang Anak Negeri Sabah yang layak sekiranya Mahkamah telah memutuskan bahawa pemberimilikan tanah melalui Seksyen 9(1) OTS tidak teratur mengikut Seksyen 13 hingga 16 OTS. Justeru, syor untuk mewujudkan satu peruntukan baru di bawah OTS untuk membolehkan pengembalian tanah berhakmilik kepada Anak Negeri Sabah yang kononnya wujud hak tanah adat (NCR) adalah tidak relevan.

(ii) Memperbetulkan kesilapan lalu dan mewujudkan mekanisme pengadilan bagi pampasan atas kehilangan tanah bukan sahaja dapat mengembalikan keyakinan kepada Kerajaan dan menyelesaikan konflik, tetapi juga dapat memastikan keadilan dan kesaksamaan bagi mereka yang kehilangan tanah.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, pampasan secara pengembalian tanah bukanlah merupakan kaedah tunggal yang diperuntukkan dalam KTNS bagi mereka yang terlibat dengan pengambilan balik tanah. KTNS juga membenarkan pembayaran pampasan dalam bentuk kewangan dengan mengambil kira nilai pasaran semasa tanah-tanah yang terlibat. Jika berlaku rasa tidak puas hati di kalangan penuntut HAB terhadap pampasan yang dibayar, mereka boleh merujuk perkara ini ke mahkamah untuk dipertimbangkan tuntutan mereka. Pihak JTSS tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sebarang keputusan oleh mahkamah. JTSS menggalakkan proses perundingan dan perdamaian dalam menangani pertelingkahan di antara penuntut HAB. Walau bagaimanapun, jika perdamaian tidak dapat dicapai, perkara ini boleh dirujuk ke Mahkamah Bumiputera untuk diputuskan.

Bagi Kerajaan Negeri Sabah, syor SUHAKAM berkenaan diambil maklum.

4. Mekanisme keadilan

- (i) *Inkuiri secara tegas mengesyorkan penubuhan Tribunal atau Suruhanjaya Tanah Orang Asal yang dianggotai oleh hakim-hakim bersara dan pakar-pakar dalam hak tanah adat Orang Asal bagi menyelesaikan isu dan aduan berkaitan dengan tuntutan tanah yang diketengahkan oleh OA.*
- (ii) *Mahkamah Tanah Hakmilik Adat atau mahkamah khas perlu ditubuhkan bagi mengendalikan kes yang tertangguh di mahkamah sivil. Satu mekanisme pengantara yang bebas – sebagai contoh, Ombudsman – dapat membantu dalam menyelesaikan masalah pertelingkahan berkaitan tuntutan tanah oleh OA.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, dalam menangani isu berkenaan dengan tanah HAB, sistem kehakiman yang sedia ada adalah memadai yang mana ianya boleh dirujuk kepada Mahkamah Bumiputera, Timbangtara (*Arbitration*) dan Mahkamah Sivil. Oleh yang demikian, cadangan penubuhan Tribunal atau Suruhanjaya Tanah Orang Asal adalah tidak perlu.

Sistem kehakiman yang sedia ada boleh ditambah baik dengan memperkasakan keupayaan dan kapasiti Mahkamah Bumiputera, Timbangtara dan Mahkamah Sivil dalam menangani isu tanah HAB. Selain itu, perkhidmatan Biro Bantuan Guaman sedia ada boleh diperluaskan dengan merangkumi kes-kes HAB.

Di Sabah, syor SUHAKAM di bawah perkara (i) dan (ii) untuk pembentukan *Indigenous Land Tribunal* atau *Commission, Native Title Court*, Obudsman dan mekanisme pemantau hak-hak tanah anak negeri tidak perlu dibentuk pada masa ini kerana mekanisma dan institusi kehakiman yang sedia ada mencukupi untuk menangani isu tuntutan hak tanah adat dan menyelesaikan tunggakan perbicaraan.

5. Menangani dasar dan perancangan terdahulu

- (i) *Dasar berkaitan dengan program pembasmian kemiskinan perlu dikaji semula, untuk memastikan pengambilan tanah bagi program tersebut tidak melanggar hak tanah adat Orang Asal.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, JTSS merupakan agensi yang bertanggungjawab menyediakan tapak tanah untuk pembangunan melalui pengambilan balik tanah dan pemberimilikan tanah. Di samping itu, JTSS juga memainkan peranan dalam pengukuran tanah HAB melalui program Operasi Penyelesaian, Pembangunan Tanah HAB, Pengukuran Perimeter Inisiatif baru NCR dan sebagainya.

Melalui program-program ini, ia dapat memudahkan pemilik tanah memajukan tanah HAB mereka secara usahasama dengan agensi pembangunan tanah seperti Land Custody and Development Authority (LCDA), Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA), Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA), Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA) dan projek usahasama di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Tanah. Objektif utama program-program yang diperkenalkan ini adalah untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Program-program ini sentiasa di tambah baik dari semasa ke semasa bagi mengoptimakan pulangan ekonomi daripada pembangunan tanah HAB.

JTSS mengesyorkan agar Kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam pembangunan tanah seperti Kementerian Kemajuan Tanah dan SALCRA memperhebatkan usaha mereka untuk membangun tanah HAB yang telah sedia diukur dan diwartakan dengan mengadaptasikan model pembangunan yang menjamin pulangan yang lumayan.

Di Sabah, adalah menjadi amalan Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula program atau projek yang telah dilaksanakan sama ada untuk tujuan projek pembasmian kemiskinan atau program pembangunan komersial dari aspek *cost benefit* dan impak sosial untuk penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan projek yang akan dilaksanakan pada tahun-tahun akan datang.

(ii) Semua kawasan yang telah diwartakan tanpa membuat pengukuran yang betul dan tidak diletakkan tanda sempadan perlu diukur semula.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, tanah yang telah diukur dan diwartakan sepatutnya dibangunkan dengan segera oleh agensi Kerajaan yang berkenaan di bawah seliaan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri melalui medium 'Delivery Management Office' (DMO). Untuk makluman, setakat ini JTSS telah mengukur 242 kawasan seluas 328,705 hektar dan daripada jumlah itu, sebanyak 135 kawasan seluas 100,157 hektar telah

diwartakan. Kesemua maklumat berhubung dengan kawasan yang telah diwartakan telah dibekalkan kepada pihak DMO untuk tindakan selanjutnya. Setakat ini, tiada satu pun kawasan yang telah diwartakan ini dibangunkan.

Di Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah dan Taman-Taman Sabah telah dan akan melaksanakan pengukuran sempadan tertakluk kepada peruntukan kewangan.

(iii) Seharusnya tiada sebarang pengusiran masyarakat dibuat di dalam kawasan tanah adat.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, JTSS tidak pernah melakukan tindakan pengusiran penduduk bumiputera di atas tanah HAB yang tulen. Sebaliknya JTSS mengiktiraf kependudukan mereka dan ini dibuktikan melalui program-program seperti pengukuran kampung tradisi, operasi penyelesaian dan pengukuran perimeter HAB di bawah seksyen 6 KTNS.

Di Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah dan Taman-Taman Sabah mempunyai program untuk membantu anak negeri yang menduduki tanah simpanan dengan mewujudkan program *Community Forestry* bagi kawasan-kawasan hutan simpan manakala *Community Use Zone* (CUZ) diwujudkan oleh pihak Taman-Taman Sabah bagi kawasan Tanah Simpanan Taman-Taman Sabah. Oleh itu, pengusiran hanya dilakukan bagi mereka yang menceroboh hutan simpan atau tanah simpanan Taman-Taman Sabah.

6. Kajian semula pampasan

(i) Membuat kajian semula bagi peruntukan dan undang-undang mengenai pengambilan tanah termasuklah kadar pampasan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sabah, nilai pampasan tanah untuk tanah Anak Negeri kini adalah setaraf dengan nilai tanah pajakan selepas pindaan ke atas seksyen 21(a), Ordinan Pengambilan Tanah Bab 69 yang dikuatkuasakan pada tahun 1994. Jika pemegang NCR tidak berpuas hati dengan kadar pampasan yang ditawarkan, mereka boleh melantik Jurunilai Swasta Berdaftar untuk menyediakan laporan penilaian dan mengemukakan tuntutan mereka kepada JTUS. Sekiranya persetujuan masih tidak dapat dicapai, mereka boleh mengemukakan tuntutan pampasan kepada Mahkamah selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 14, Ordinan yang sama. Oleh itu,

masih terdapat ruang untuk pemilik tanah/pemegang NCR membuat rayuan untuk menambah kadar pampasan.

(ii) Menangani isu-isu/ketidakseimbangan pembangunan tanah

Hasil dapatan Inkuiri menunjukkan bahawa OA tidak menentang pembangunan atau prosesnya, tetapi kepentingan dan kebimbangan mereka haruslah dilindungi menerusi penglibatan mereka dalam program pembangunan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, peruntukan sedia ada di dalam KTNS adalah memadai bagi menangani isu-isu pengambilan tanah seperti pembayaran HAB tulen dan ditentukan mengikut prosedur pengambilan balik tanah dibuat berdasarkan nilai pasaran semasa tanah tersebut.

Pampasan bagi pengambilan balik tanah merangkumi komponen seperti tanah, bangunan/rumah, tanaman, elaun gangguan (*disturbance*), elaun perpindahan dan lain-lain pembangunan yang dibenarkan.

Kaedah yang lazim dalam penentuan nilai pasaran semasa adalah menggunakan kaedah perbandingan (*comparable methods of valuation*). Kaedah ini merupakan kaedah utama dalam penilaian tanah dan ianya diguna pakai di negeri-negeri lain di Malaysia dan juga secara global.

KTNS ada peruntukkan yang membolehkan pampasan dibuat dalam bentuk tanah gantian. Kaedah ini diguna pakai jika terdapat keperluan terutamanya apabila melibatkan jumlah penduduk/pemilik tanah yang ramai. Sebagai contohnya kaedah ini telah digunakan dalam pengambilan balik tanah untuk projek HEP Bakun, Empangan Bengoh, pembinaan jambatan Tun Salahuddin dan sebagainya.

Di Sabah, semua program pembangunan tanah luar bandar oleh agensi Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan telah melibatkan Anak Negeri Sabah in-situ di semua peringkat pelaksanaan projek sesuai dengan kelayakan yang ada. Sebagai contoh, pembangunan ladang sawit secara usahasama oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB) dengan Anak Negeri Sabah in-situ seperti projek Agropolitan geran komunal Lalampas dan projek MESEJ di Kg. Bunang daerah kecil Sook.

7. *Menerimapakai Pendekatan berasaskan Hak Asasi Manusia (HRBA) bagi pembangunan*

Sejajar dengan piawaian antarabangsa, Kerajaan Persekutuan dan Negeri harus menerima pakai pendekatan berasaskan hak asasi manusia bagi tujuan pembangunan. Peruntukan undang-undang perlu dibuat ke atas setiap pemaju projek untuk mendapatkan izin berasaskan makluman awal, bebas dan telus daripada OA.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, tiada peruntukan dalam undang-undang yang memerlukan Kerajaan Negeri mendapatkan *free, prior and informed consent* dalam melaksanakan projek pembangunan. Kerajaan Negeri amat prihatin dan sentiasa mengambil berat berhubung dengan soal hak tanah adat bumiputera. Pelbagai program telah dirancang oleh Kerajaan untuk memastikan hak tanah adat terpelihara dan dibangunkan secara maksimum.

Dalam kes *Bato Bagi & Ors v. Kerajaan Negeri Sarawak & Another Appeal* [2011] 8 CLJ 766, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara (pada masa itu), Tun Zaki Tun Azmi dalam kes ini jelas menyatakan bahawa:

“Although it was good practice to provide for pre-acquisition hearings, it was not for the court to make such an order. It was left for the authorities to do so, particularly in relation to NCRs lands. The court should not disturb the principles set out in S. Kulasingam & Anor v. Commissioner of Lands, Federal Territory & Ors which established that if the law did not provide for pre-acquisition hearing, the claimant could not seek for such right”

Presiden Mahkamah Rayuan, Yang Arif Tan Sri Raus Shariff dalam kes yang sama turut menyatakan:

“The Code provided no provision for a pre-extinguishment hearing. It only provided provision for hearing in respect of quantum of compensation payable. Since the code imposed no obligation to inform the natives that their lands would be extinguished or to invite them to make representations to the government, the government could not be said to have acted in contravention to of art. 13(2) FC (Kulasingam;refd). Prior consultation with the natives before extinguishment of their NCRs, although a right thing to do by the government, was not legal requirement. The failure of the government to do so did not make the act of extinguishment of the NCRs unconstitutional”.

Kerajaan juga sentiasa mengambil pandangan daripada semua pihak sebelum melaksanakan sesuatu projek pembangunan terutamanya yang berskala besar. Kerajaan turut membuat kajian yang teliti sebelum sesuatu projek pembangunan dilaksanakan. Oleh itu, peranan dan tanggungjawab pelbagai lapisan masyarakat termasuk Temenggung, Pamanca, Penghulu dan Ketua Kaum amat signifikan supaya hasrat murni Kerajaan dalam membangunkan sesuatu projek pembangunan dapat difahami dan diterima baik oleh setiap lapisan masyarakat.

Walaupun bukan menjadi keperluan undang-undang, Kerajaan tetap prihatin untuk melaksanakan amalan terbaik bagi memastikan pihak-pihak yang berkepentingan mempunyai maklumat yang mencukupi tentang perkara ini. Dialog bersama penduduk setempat yang telah dan sedang dijalankan selama ini merupakan contoh terbaik yang menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat bersama kerajaan dilaksanakan.

Di Sabah, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Pendekatan berasaskan Hak Asasi Manusia dalam projek pembangunan yang hendak dilaksanakan. Sebagai contoh, Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB) dalam projek Agropolitan geran komunal Lalampas.

8. Memastikan pembangunan tanah tidak memberi kesan buruk kepada OA

- (i) Apabila tanah yang dimiliki atau dituntut oleh OA diambil bagi tujuan pembangunan dan program pembasmian kemiskinan, proses tersebut perlu melibatkan penyertaan penuh dan berkesan daripada masyarakat yang berkenaan.*
- (ii) Kerajaan perlu menyediakan garis panduan yang lebih ketat bagi program pembasmian kemiskinan dan mengadakan proses penilaian bagi memastikan setiap objektif tercapai dan tidak melanggar hak orang lain.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, meskipun terdapat banyak skim-skim atau projek pembangunan kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat, Kerajaan sedar akan perlunya perancangan awal yang mengambil kira impak khusus projek kepada penduduk setempat.

JTSS ada melaksanakan beberapa program pembangunan seperti Skim Penempatan Semula, Skim Pembesaran Kampung, Pusat Pertumbuhan Desa, Jalan Bandaran dan Program Pengukuran Inisiatif Baharu Tanah HAB. Dalam sesetengah program, cabaran yang sering dihadapi adalah seperti bantahan dan halangan di lapangan. Ini menyebabkan pelaksanaan projek tergendala. Untuk meminimakan masalah ini, JTSS telah melaksanakan tindakan seperti berikut:

- a) memperkasa pengurusan projek dengan memberi penekanan kepada perancangan awal seperti mengambil kira impak luar jangka dan pengurusan risiko. Contohnya seperti membuat kajian terhadap masalah yang mungkin timbul di lapangan dan faedah-faedah yang akan diperolehi oleh penduduk setempat. Langkah-langkah perkongsian maklumat dengan mempergiatkan penerangan dan interaksi dengan penduduk setempat sentiasa dilaksanakan. Keperluan-keperluan penduduk setempat yang tertunggak akan diselesaikan sebelum pelaksanaan projek baharu dan
- b) JTSS sedang mengkaji memperluaskan penambahbaikan ini kepada proses kerja yang lain seperti dalam proses permohonan tanah kerajaan.

Di Sabah, garis panduan yang sedia ada sentiasa dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan projek pembasmian kemiskinan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dari segi impak sosial dan kos efektif. Untuk memastikan hak tanah adat terjamin, isu tuntutan hak tanah adat akan diselesaikan terlebih dahulu mengikut prosedur yang sedia ada sebelum pembangunan tanah dilaksanakan.

9. Menggalakkan model pembangunan yang Berjaya

- (i) Terdapat keperluan untuk melaksanakan model pembangunan berskala kecil yang dapat melibatkan penyertaan daripada pemilik tanah Orang Asal.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sabah, Kerajaan Negeri berpendapat model pembangunan tanah berskala kecil yang disyorkan mempunyai risiko yang amat tinggi terhadap agensi Kerajaan yang melabur sekiranya projek pembangunan tersebut dikawal dan dimiliki sepenuhnya oleh orang asal.

10. Dasar yang berbentuk ‘Mesra-Penduduk, Pembangunan Lestari’

- (i) *Agenda bagi pembangunan lestari dengan dasar agenda ekonomi, sosial dan alam sekitar yang seimbang seharusnya menjadi intipati kepada dasar umum berkaitan Orang Asal dan pengurusan hutan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sabah, Kerajaan Negeri Sabah sememangnya telah menerima pakai dan melaksanakan polisi Pengurusan Hutan Mampan (SFM - *Sustainable Forest Management*) sejak tahun 1997. Pelaksanaan polisi ini adalah berdasarkan kepada prinsip pengurusan hutan pelbagai guna (*multiple use forest management*), iaitu dengan mengambil kira keseimbangan dari segi ekonomi, sosial dan persekitaran atau 3Ps (*Planet, People and Profit*). Dengan pelaksanaan SFM, suatu kawasan Unit Pengurusan Hutan (*Forest Management Unit* [FMU]) akan dizonkan kepada pelbagai guna tanah berdasarkan kepada keadaan ekologi hutan, topografi, hidrologi, aspek sosial, “*high conservation value forest*”, hidupan liar dan lain-lain aspek berkaitan fauna dan flora. Ini termasuklah pengezonan kawasan konservasi, perlindungan, komuniti (*community forestry compartment*), penuaian hutan, perladangan hutan, hasil hutan bukan kayu, *eco-tourism*, rekreasi dan penyelidikan.

- (ii) *Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seharusnya menerima pakai agenda pengurusan hutan dan kelapa sawit yang lestari supaya dasar ekonomi dan alam sekitar selari dengan arus perdana.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sabah, perladangan sawit di dalam Hutan Simpan sebenarnya bukanlah sebahagian daripada polisi SFM tetapi adalah sebagai langkah “*Survival Plan*” Jabatan Perhutanan bagi mengatasi penurunan hasil Kerajaan yang ketara berikutan pelaksanaan Konsep SFM. Dengan pelaksanaan SFM, pelbagai syarat dan peraturan ketat telah diperkenalkan bagi mengurangkan impak pembalakan terhadap hutan dan alam sekitar.

Selain itu, semua lesen pembalakan jangka pendek akan dimansuhkan secara berperingkat-peringkat dan hanya dibenarkan tertumpu di hutan simpan tertentu sahaja. Sementara itu, sebahagian besar kawasan yang diperuntukkan kepada pemegang lesen *Sustainable Forest Management License Agreement* (SFMLA) bagi pelaksanaan SFM tidak mempunyai komponen pembalakan (*harvesting component*) untuk jangka masa 15-20 tahun akan datang kerana mempunyai dirian hutan yang miskin.

Berkenaan perladangan sawit dalam hutan simpan, kedudukannya adalah seperti berikut:

- a) hanya diberikan kepada Yayasan Sabah sahaja di kawasan hutan-hutan simpan yang telah dikenal pasti mempunyai dirian hutan yang miskin akibat kesan pembalakan yang lalu, kebakaran, pencerobohan dan sebagainya;
- b) sebenarnya bukanlah “Pure Palm Oil Plantation” *per se* tetapi adalah berkonsepkan *Agroforestry* yang melibatkan komponen restorasi hutan dan silvikultur, dan disyaratkan untuk menyediakan *Medium-term of Agroforestry Development Plan*;
- c) umumnya kawasan penanaman sawit hanyalah 50-60% daripada keseluruhan kawasan lesen, selebihnya diperuntukkan sebagai zon *Natural Forest Management*, steep areas (> 25o), *riparian reserves*, dan *wildlife corridors*;
- d) perlu memenuhi pelbagai syarat perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar, eg. *Environmental Impact Assessment* (EIA), prosedur operasi standard bagi penyediaan tanah (*Land Preparation*);
- e) dikenakan royalti 5%; dan
- f) disyaratkan menjadi ahli *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) dan mendapat persijilan dalam tempoh yang ditetapkan.

(iii) Kehilangan tanah adat pada masa hadapan perlu dicegah.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, dasar-dasar tanah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sekarang adalah selaras dengan aspirasi dan keperluan rakyat. Sebagai sebuah negeri yang sedang membangun, Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan untuk menyediakan kemudahan dan prasarana awam dalam membangun negeri ini bagi memberi faedah kepada rakyat, misalnya Pusat Pertumbuhan Desa (RGC), Program Penyukatan Kampung Tradisi, Skim Pembesaran Kampung, Skim Penempatan Semula, Projek Jabatan Bandaran dan luar Bandar, Pengukuran Tanah Hak Adat Bumiputera dan sebagainya. Projek tersebut perlu diteruskan mengikut jadual perancangan Kerajaan selaras dengan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Dalam melaksanakan projek-projek ini, adalah menjadi dasar JTSS untuk memberikan penerangan, kefahaman dan rasional mengenai dasar tanah dan prosedur JTSS kepada orang awam yang terlibat melalui sesi dialog, Seminar Tanah, Buku Dasar Tanah, pameran, laman Sesawang Jabatan www.landsurvey.gov.my dan sebagainya.

Selain itu, Kerajaan Negeri sentiasa responsif dan peka terhadap keperluan rakyat. Contohnya dalam urusan pembaharuan tempoh surat hakmilik tanah, Kerajaan menerusi JTSS telah meminda undang-undang untuk membolehkan pembaharuan

tempoh surat hakmilik dibuat pada bila-bila masa dan mengenakan premium tanah yang terendah di Malaysia.

Di Sabah, JTUS telah mewujudkan Unit PANTAS yang antara lainnya bertujuan untuk memastikan tuntutan hak tanah adat Anak Negeri Sabah diselesaikan dengan sempurna dan teratur sebelum proses pembermilikan tanah dilaksanakan.

12. Pengiktirafan tanah Orang Asal di kawasan yang dilindungi.

Remedi perlu dibuat ke atas kegagalan memberikan maklumat yang mencukupi dan notis kepada komuniti yang terjejas sepertimana yang diperlukan oleh peruntukan undang-undang sebelumewartakan kawasan perlindungan dan hutan simpan. Remedi yang dibuat seharusnya merangkumi pengeluaran tanah komuniti, pemberian kawasan alternatif atau membuat perjanjian pengurusan bersama dengan masyarakat supaya mereka boleh terus kekal di dalam kawasan tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, Kerajaan Negeri mengiktiraf tanah HAB yang tulen yang diwujudkan selaras dengan peruntukan KTNS yang sedia ada. Kerajaan Negeri juga mempunyai undang-undang lain yang berkaitan seperti *Forest Ordinance Chapter 126 (1958 Edition)* dan *Natural Resources and Environment Ordinance Chapter 84 (1958 Edition)*, dasar dan kaedah pelaksanaan yang menjamin keutuhan kawasan-kawasan ini demi kepentingan rakyat. Di Sabah, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa tidak semua tanah komuniti yang terdapat dalam hutan simpan boleh dikeluarkan atau diberi tanah gantian tetapi adalah tertakluk kepada dasar kerajaan semasa. Sebagai contoh, kawasan Hutan Simpan Mandalom dan Sook Plain di daerah Keningau, kawasan Mount Pock di daerah Semporna telah dibubarkan sebagai hutan simpan untuk pengeluaran geran komunal. Kawasan yang dibubarkan tersebut telah digantikan dengan tanah Kerajaan yang dipersetujui oleh Jabatan Perhutanan untuk dijadikan hutan simpan.

Bagi tanah komuniti di kawasan Taman-Taman Sabah, ianya tidak boleh dikeluarkan untuk dijadikan tanah Kerajaan tetapi boleh digunakan secara berterusan tertakluk kepada program *Community Use Zone (CUZ)* yang telah disediakan. Sebagai contoh, Kampung Ulu Senagang Mongool Baru di daerah Keningau. Satu jawatankuasa pengurusan telah dibentuk pada 15 Januari 2014 yang melibatkan lima orang wakil dari pihak komuniti, enam orang wakil dari agensi/jabatan Kerajaan Negeri dan Taman-Taman Sabah. Peranan jawatankuasa ini adalah menyediakan, meluluskan dan memantau pelaksanaan garis panduan pengurusan CUZ.

13. Menggalakkan penglibatan secara aktif OA dalam pengurusan hutan

- (i) *Satu arahan berbentuk dasar baru perlu dibuat bagi meningkatkan penglibatan masyarakat Orang Asal secara aktif dalam program pengurusan hutan terutamanya di dalam hutan simpan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sabah, pengurusan hutan dengan atau oleh masyarakat tempatan adalah satu mekanisme penting dalam SFM untuk menangani ekuiti sosial. Kerajaan menyedari bahawa tidak mungkin komuniti akan turut serta dalam pelaksanaan Konsep SFM jika mereka tidak mendapat manfaat secara langsung daripadanya.

Dalam hal ini, Kerajaan telah melaksanakan polisi dan langkah-langkah berikut bertujuan untuk meningkatkan dan mengaktifkan penglibatan penduduk Bumiputera dalam program pengurusan hutan:

- a) pengezonan kawasan FMU yang berdekatan dengan kampung sebagai “*Community Forestry Compartment*” bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka meneruskan kehidupan dan seterusnya melibatkan komuniti berkenaan dalam pelaksanaan pelbagai aktiviti pengurusan hutan;
- b) memberi peluang kepada syarikat Bumiputera khususnya penduduk setempat untuk terlibat dalam pelaksanaan aktiviti pengurusan hutan, seperti aktiviti silvikultur, restorasi hutan, peladangan hutan dan sebagainya;
- c) membuka luas peluang pekerjaan kepada penduduk Bumiputera dengan keutamaan kepada penduduk setempat yang berminat untuk bekerja di kawasan FMU, sama ada dalam aktiviti silvikultur, restorasi hutan, perladangan hutan atau dalam aktiviti pengurusan hutan yang lain; dan
- d) membuka peluang kepada pelajar Bumiputera lepasan SPM untuk mengikuti latihan dalam bidang perhutanan di Institut Perhutanan Sabah, sebagai langkah untuk meningkatkan dan mengaktifkan penglibatan penduduk bumiputera dalam program pengurusan hutan. Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian akan dianugerahkan Sijil Pengawas Hutan. Mereka ini boleh memohon untuk bekerja dengan Pemegang Lesen SFMLA.

(ii) Isu pentadbiran tanah perlu ditangani segera.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sabah, sebelum pewartaan sesuatu kawasan, penentuan hak dan kepentingan Anak Negeri akan ditentukan berdasarkan *historical ownership* dan kriteria NCR yang bergantung kepada bukti-bukti yang nyata di lapangan. Proses pendengaran tuntutan akan diadakan untuk memberi ruang kepada Anak Negeri Sabah mengemukakan tuntutan.

Di Sarawak, struktur pentadbiran tanah yang sedia ada adalah memadai untuk menangani isu berhubung tanah HAB. Dengan adanya penambahbaikan kepada proses kerja serta kerjasama yang baik di antara jabatan, badan serta agensi seperti Kementerian Pembangunan Tanah, Mahkamah Bumiputera dan LCDA, segala isu berhubung dengan masalah tanah HAB dapat dikendalikan dengan lebih berkesan.

15. Meningkatkan kapasiti Jabatan Tanah

Kakitangan bagi Jabatan Tanah dan Ukur (Sabah dan Sarawak) serta Pejabat Tanah dan Galian (Semenanjung Malaysia), termasuk pihak yang diberikan kuasa di peringkat daerah, akan mendapat manfaat daripada pertambahan kapasiti bagi memastikan keberkesanan dalam pengurusan hak tanah adat OA.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) sentiasa mengambil maklum dan memastikan keberkesanan dalam pengurusan tanah Orang Asli, yang mana secara khususnya Pihak Berkuasa Negeri berkuasa untuk melupuskan mana-mana tanah yang sedia didiami (*inhabitated*) oleh Orang Asli. Manakala pihak Jabatan Persekutuan mengawal selia tanah yang diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara bagi maksud Orang Asli sahaja yang dikira sebagai rizab Persekutuan.

Kerajaan mengambil maklum akan perkara ini dan memastikan apa-apa isu berkaitan tanah Orang Asli dibincangkan di forum bersama Pentadbiran Tanah Negeri ini. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dengan Timbalan-Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri pada 22 hingga 23 Mei 2014. Sebelum ini, JKPTG juga telah mengeluarkan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 6/1999 bertajuk Kaedah dan Pendekatan Pelupusan Tanah Kepada Orang Asli (Disemak 2007) bagi menjelaskan prosedur bagi Orang Asli memiliki tanah.

JKPTG sentiasa mengambil maklum dan memberikan maklumbalas yang berkaitan dengan aduan berhubung pengurusan tanah. Sehingga kini tiada aduan yang diterima mengenai isu tanah Orang Asli.

Di Sarawak, JTSS sentiasa berusaha meningkatkan kapasiti dalaman dalam semua urusan utamanya termasuk pengendalian tanah HAB. Sebagai contohnya menyediakan latihan, penambahbaikan Proses Kerja dan Tatacara Sesi Dialog. Untuk memastikan keberkesanan pengendalian tanah HAB, JTSS telah mengambil langkah-langkah berikut:

- a) menyediakan dialog kit untuk panduan kakitangan JTSS bagi menerangkan mengenai kaedah permohonan dan prosedur yang terlibat dalam pengukuran tanah hak adat Bumiputera di bawah Program Inisiatif Baru HAB. Dokumen ini mewajibkan kakitangan memaklum kepada ketua kaum sebelum memulakan kerja disesuatu kawasan;
- b) mengeluarkan pekeliling-pekeliling bagi memperjelaskan lagi tatacara berhubung dengan penentuan tanah HAB untuk turut dikongsi bersama kakitangan JTSS dengan penduduk setempat; dan
- c) penyertaan dalam pameran di peringkat Negeri, seperti dalam program Sejiwa Senada yang diadakan di seluruh Bahagian di Sarawak. Program ini bertujuan membawa perkhidmatan Kerajaan terus kepada rakyat.

JTSS juga melaksanakan latihan serta kursus-kursus seperti berikut untuk memantapkan pemahaman dalam urusan pengendalian tanah HAB:

- a) Taklimat dan Bengel Pemantapan Tanah Hak Adat Bumiputera (HAB)-Memperjelaskan isu-isu semasa tanah HAB serta meningkatkan hubungan kerjasama dengan Residen dan Pegawai Daerah;
- b) Seminar Perihal Tahan – Menerangkan dasar-dasar tanah;
- c) Kursus HAB – Menerangkan kaedah dan prosedur pengesahan tanah HAB;
- d) Majlis Dialog Pengukuran Tanah HAB – Menerangkan tujuan pengukuran dan tatacara memulakan pengukuran di lapangan;
- e) Kursus Interpretasi Foto Udara dan “Geo-Referencing” – Untuk meningkatkan kecekapan pegawai dalam menggunakan data daripada Foto Udara; dan
- f) Latihan menggunakan alat GPS untuk mengenal pasti lokasi tanah HAB yang dituntut. – Meningkatkan kapasiti teknikal pegawai.

Selain itu, JTSS juga pernah mengadakan lawatan sambil belajar di Pejabat Tanah yang lain di dalam dan luar Negara seperti di Singapura dan Australia bagi melihat perbezaan dan membuat perbandingan dari segi pentadbiran dan pengurusan tanah. JTSS juga meningkatkan keupayaan ICT terutamanya dalam proses interpretasi Tanah HAB dan memberi latihan dan kepakaran secara berterusan kepada sumber tenaga jabatan.

Bagi meningkatkan kefahaman rakyat tentang HAB, JTSS telah mewujudkan jaringan kerjasama dengan Pejabat Residen dan Daerah di setiap bahagian. Ini disebabkan, Pegawai Daerah dan Pegawai Tadbir Sarawak (SAO) merupakan pegawai-pegawai yang paling dekat dengan masyarakat setempat termasuk di kawasan-kawasan terpencil di Negeri Sarawak.

Majlis adat istiadat mempunyai peranan yang penting dalam mentadbir urus adat istiadat serta budaya masyarakat setempat, termasuklah dalam memberi khidmat nasihat berhubung dengan urusan tanah hak adat bumiputera. Sekiranya konflik berlaku di antara penuntut tanah dan pihak Kerajaan, maka kes tersebut akan dirujuk kepada Mahkamah Bumiputera. Institusi ini boleh diperkasakan lagi dengan mengambil orang yang berpengetahuan serta berpengalaman untuk berkhidmat di dalam Majlis Istiadat ini. Oleh yang demikian, perlantikan konsultan seperti yang dicadangkan adalah tidak relevan.

Perkhidmatan Biro Bantuan Guaman sedia ada boleh diperluaskan dengan merangkumi kes-kes HAB. Dalam pada itu, JTSS sentiasa memberikan khidmat nasihat tentang pelbagai isu berkaitan HAB, misalnya melalui sesi dialog pengambilan balik tanah HAB, pengukuran tanah HAB, dan Jawatankuasa Tanah Bahagian yang terdapat di setiap Pejabat Bahagian JTSS. Selain itu, pemilik tanah HAB juga boleh mendapatkan nasihat mengenai pembangunan tanah HAB daripada Kementerian serta agensi pelaksana seperti Kementerian Kemajuan Tanah, LCDA dan SALCRA.

Di Sabah, Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kewangan Malaysia telah dan sedang memproses kelulusan dari semasa ke semasa pelantikan kakitangan baru untuk JTUS bagi mengatasi kekurangan kakitangan di Pejabat Tanah Daerah. Adalah diharapkan dengan penambahan kakitangan baru, isu berkaitan dengan kelewatan memproses permohonan tanah di JTUS dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

16. Mengkaji semula maklum balas terhadap isu tanah

Jurang serta kelemahan dalam prosedur dan amalan pentadbiran bagi memberikan pengiktirafan ke atas hak tanah adat Orang Asal perlu dikaji semula oleh pihak yang terlibat bagi memastikan pelaksanaan

menjadi lebih efektif dengan mengambil kira syor-syor dan kajian terdahulu.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, JTSS mempunyai Jawatankuasa khas untuk memantau dan menangani isu-isu semasa. Modus operandi Jawatankuasa bergerak atas konsep menyelesaikan isu dengan segera. Bagi isu yang memerlukan tindakan susulan, Jawatankuasa akan mengarahkan Pejabat Bahagian untuk memberi penjelasan yang dipantau oleh Jawatankuasa ini.

Contoh-contoh aktiviti yang berterusan oleh Jawatankuasa ini dalam memberikan penjelasan mengenai dasar tanah sekaligus menerima maklum balas daripada rakyat adalah seperti berikut:

- a. taklimat dan bengkel bersama Residen dan Pejabat Daerah;
- b. taklimat bersama agensi pelaksana anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA);
- c. temuramah bersama media massa, seperti melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Berita Harian; dan
- d. penerbitan video untuk tayangan di stesen televisyen, majlis-majlis rasmi Jabatan (Majlis Penyampaian Warta Rizab Gunasama HAB, Cek Pampasan dan Surat Hakmilik serta Hari Bersama Pelanggan).

JTSS sentiasa melakukan penambahbaikan proses kerja jabatan ini dari semasa ke semasa. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah penyertaan dalam Konvesyen Inovatif dan Kreatif (KIK) di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa, program *Balance Scorecard*, Strategi Lautan Biru dan sebagainya. Jabatan turut melaksanakan penambahbaikan dengan mengambil kira syor-syor yang dikemukakan oleh laporan audit.

Di Sabah, untuk memantau dan membantu penyelesaian tuntutan hak tanah adat, JTUS telah menubuhkan PANTAS. Satu projek perintis telah dijalankan di daerah Beluran dari November 2011 sehingga Mac 2013. PANTAS telah menyelesaikan 161 kes tuntutan hak tanah adat di Kg. Nangoh dan Kg. Taviu, kelulusan permohonan tanah sebanyak 445 lot yang telah diukur melalui Unit Petugas Khas Ukur di enam (6) buah kampung seterusnya geran draf tanah untuk tuntutan hak tanah adat dan pengukuran pendudukan oleh Anak Negeri Sabah telah disampaikan oleh YAB Ketua Menteri pada 29 April 2013 di Dewan Telupid. Kerajaan Negeri yakin pendekatan ini dapat meningkatkan keberkesanan untuk menyelesaikan isu NCR.

17. Pelaksanaan segera langkah-langkah penambahbaikan

- (i) Pejabat Tanah perlu menerimapakai dan mengamalkan toleransi sifar terhadap rasuah, dan memastikan proses dilaksanakan secara telus dan bertanggungjawab.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sarawak, JTSS telah melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan ke atas proses kerja, respon kepada isu yang dibangkitkan dan sebagainya. JTSS juga melaksanakan akauntabiliti kewangan yang berhemah serta menitikberatkan integriti di kalangan pegawai JTSS. Ini dibuktikan dengan penganjuran program-program kesedaran melalui ceramah, aku janji dan program keagamaan bagi memantapkan integriti dan keutuhan JTSS.

Isu peruntukan kewangan yang tidak mencukupi sebenarnya bukanlah isu utama memandangkan terdapat komitmen Kerajaan untuk menyalurkan peruntukan jika diperlukan, contohnya untuk menjayakan program pengukuran perimeter HAB di bawah Inisiatif Baru.

Di Sabah, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan proses yang dilaksanakan adalah telus dan bertanggungjawab. Misalnya sokongan sesuatu permohonan tanah diputuskan melalui Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah (LUC) yang dipengerusikan oleh wakil Pengarah Tanah dan Ukur dan ahli-ahlinya terdiri daripada jabatan teknikal, Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri dan Yang Berhormat Ahli Parlimen. Permohonan tanah yang disokong akan diperakukan kepada Pengarah Tanah dan Ukur yang mana permohonan tanah tersebut akan dibentangkan semula dalam Jawatankuasa Penapisan Ibu Pejabat yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Tanah dan Ukur.

Bagi permohonan tanah bersyarat NT oleh Anak Negeri Sabah akan disyorkan oleh Jawatankuasa Penapisan Ibu Pejabat untuk kelulusan Pengarah Tanah dan Ukur sesuai dengan bidangkuasa yang diperturunkan oleh Kabinet. Permohonan tanah yang telah disokong dalam Jawatankuasa Penapisan Ibu Pejabat akan diperakukan ke Setiausaha Hasil Bumi untuk kelulusan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atau Kabinet.

Keberkesanan prosedur tersebut akan dikaji dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Teknikal Tanah yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Tanah dan Ukur dan Diskusi Meja Bulat di antara JTUS dan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

- (ii) Pihak yang berkaitan, terutamanya Pejabat Tanah dan Jabatan Hutan, perlu meningkatkan kualiti pengurusan aduan di jabatan mereka.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sabah, aduan orang awam berkaitan dengan tanah diterima melalui Jabatan Pengaduan Awam Negeri (JPAN). Setiap aduan akan diberi penjelasan yang secukupnya. Selain daripada itu, JTUS juga menerima aduan bertulis daripada pengadu sendiri dan melalui kaunter jabatan secara lisan. Untuk menangani isu aduan di peringkat daerah, JTUS telah menubuhkan Unit PANTAS yang akan mengadakan kaunter perkhidmatan di daerah-daerah secara berperingkat.

- (iii) Laporan polis yang dibuat oleh komuniti harus disiasat dan polis perlu memainkan peranan mereka secara tegas dengan tidak memihak kepada mana-mana pihak sekiranya berlaku sebarang pertelingkahan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui PDRM memastikan bahawa setiap aduan disiasat tanpa memihak kepada sesiapa. Dalam hal ini suatu keputusan Mahkamah harus dipatuhi dan pihak polis terikat menguatkuasakan perintah Mahkamah seperti mana Sekyen 20 Akta Polis 1967. Dalam menurut perintah Mahkamah, tindakan PDRM sering disalah tafsir sebagai memihak kepada kumpulan tertentu.

- (iv) Pandangan Ketua Kampung, Penghulu dan Batin serta ketua daerah/penghulu (atau Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak) perlu diperolehi semasa mengesahkan bukti sejarah dan kependudukan bagi kawasan yang dituntut di bawah hak adat. Walau bagaimanapun, berdasarkan pandangan negatif ke atas beberapa pemimpin, kaedah alternatif bagi mengenalpasti bukti sejarah dan maklumat kependudukan turut diberi pertimbangan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sabah, dalam setiap prosiding penyiasatan tanah, pihak-pihak yang terlibat bebas memanggil sesiapa sahaja untuk memberi keterangan saksi termasuklah Ketua Kampung dan Ketua Anak Negeri serta peguam

(v) Mengiktiraf tanah sebagai nadi kepada identiti OA

Hubungan rapat antara OA dengan tanah dan wilayah adat mereka memperlihatkan bahawa tanah bukan sahaja merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian mereka tetapi juga menggambarkan budaya dan keagamaan, serta merupakan sebahagian daripada identiti mereka. Tanah adat merupakan satu keutamaan yang penting bagi pembangunan dan kelangsungan hidup mereka. Pengiktirafan yang berkesan, serta promosi dan perlindungan ke atas hak terhadap tanah dan identiti, memerlukan satu tempoh masa bagi mengambil tindakan afirmatif secara meluas yang merangkumi isu berkaitan dengan pembangunan dan kesejahteraan mereka.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di Sabah, setiap pemberimilikan tanah yang dilaksanakan di bawah seksyen 9(1) OTS telah mengambil kira isu berkaitan dengan hak tanah adat (NCR) di bawah Seksyen 13 hingga 16 OTS. Setiap tuntutan hak tanah adat di bawah Seksyen 14 OTS akan diproses melalui Siasatan Tanah (*Land Enquiry*) oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan untuk menentu-sahkan sama ada wujud hak tanah adat atau sebaliknya.

Semasa prosiding siasatan, penuntut mempunyai kebebasan sepenuhnya melantik peguam untuk mewakilinya dan mengemukakan apa-apa bukti dan memanggil seberapa ramai saksi untuk menyokong tuntutan tersebut. Sebarang keputusan oleh Pemungut boleh dirayu kepada Pengarah Tanah dan Ukur dalam masa 30 hari dengan mengemukakan Jadual E bersama bayaran sebanyak RM50.00. Keputusan Pengarah Tanah dan Ukur boleh dirayu ke peringkat Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

18. Menubuhkan satu Suruhanjaya Kebangsaan yang Bebas mengenai Orang Asal.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Bagi Sabah dan Sarawak, cadangan SUHAKAM untuk menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan Bebas mengenai Orang Asal adalah tidak relevan kerana dasar dan mekanisme Kerajaan yang sedia ada sudah memadai untuk mengambil-kira isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan orang asal yang terlibat dalam projek komersial secara usahasama atau program pembasmian kemiskinan di luar bandar.

2. SIASATAN AWAM KE ATAS INSIDEN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM PADA 28 APRIL 2012

Terdapat dakwaan berhubung dengan pelanggaran hak asasi manusia semasa perhimpunan di Kuala Lumpur.

(b) Hasil Dapatan Siasatan

- 1. Panel mempersoalkan keperluan pemasangan penghadang yang terdiri daripada tiga lapisan, iaitu, wayar dannert, (atau razor wires), penghadang berisi air dan penghadang besi.*
- 2. Panel mendapati bahawa Pasukan Simpanan Persekutuan memberi amaran kepada para peserta untuk bersurai hanya sebelum tembakan pertama meriam air dan gas pemedih mata dilepaskan tetapi tiada amaran yang diberikan selepas itu. Tambahan, amaran tersebut tidak dapat didengari oleh semua peserta walaupun ianya telah diberikan melalui pembesar suara dan sound commanders.*
- 3. Panel juga mendapati bahawa pihak polis tidak membantu atau memudahcarakan penyuraian peserta. Tembakan meriam air dan gas pemedih mata yang berterusan juga menghalang usaha mereka untuk bersurai, dan sebagai contoh, mengakibatkan peserta terperangkap.*
- 4. Panel berpendapat, berdasarkan keterangan saksi serta rakaman video, terdapat penggunaan kekerasan yang tidak seimbang dan salah laku oleh pihak polis terhadap peserta. Kebanyakan peserta telah dikasari sepanjang jalan ke tempat berkumpul di Dataran Merdeka, walaupun tiada bukti menunjukkan bahawa mereka telah melawan atau berkelakuan agresif.*
- 5. Panel mendapati bahawa polis telah bertindak dengan niat yang tidak baik; malahan tindakan mereka menunjukkan bahawa terdapat usaha yang disengajakan untuk menyekat anggota media, membuat liputan dan mengambil gambar mengenai pelbagai insiden yang berlaku pada hari tersebut.*
- 6. Saksi yang mendakwa bahawa mereka telah diserang atau dicerderakan oleh anggota polis semasa perhimpunan tersebut telah memaklumkan kepada Panel bahawa mereka telah membuat laporan polis. Walau bagaimanapun, hanya sebilangan kecil sahaja yang mendakwa bahawa tindakan susulan telah diambil oleh pihak polis.*

Menurut saksi polis, setiap siasatan hendaklah diselesaikan tanpa sebarang kelewatan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KDN telah menubuhkan Panel Penasihat Bebas sendiri bagi menyiasat insiden semasa perhimpunan BERSIH 3.0.

Dalam menangani perhimpunan, PDRM mengambil tindakan perlu bagi memastikan kawalan keselamatan semasa perhimpunan berada di peringkat yang paling tinggi. Pemasangan penghadang yang terdiri daripada tiga lapisan iaitu wayar dan net (*razor wires*), penghadang berisi air dan penghadang besi adalah berdasarkan kepada Perintah Mahkamah dan juga Seksyen 26 Akta Polis 1967. Ini bertujuan untuk mencegah mana-mana orang atau kenderaan daripada melalui atau merempuh lalu mana-mana sekatan tersebut.

Pasukan Simpanan Persekutuan sentiasa memberi amaran kepada peserta perhimpunan untuk bersurai sebelum sesuatu tindakan susulan di ambil. Amaran berterusan sentiasa dilakukan supaya para peserta perhimpunan dapat bersurai dengan keselesaan mereka sendiri. Dakwaan bahawa mereka tidak mendengar amaran adalah tidak mungkin kerana sistem peralatan yang digunakan jelas boleh didengari oleh para peserta dari jarak 100 meter. Alasan para peserta perhimpunan mengatakan mereka tidak dengar tidak dapat diterima. Pada pemerhatian PDRM para peserta perhimpunan tidak dapat mendengar amaran yang diberikan kerana pada masa yang sama mereka juga membuat bising dengan menjerit-jerit serta melaung-laungkan percakapan yang tidak difahami. Terdapat juga segelintir daripada mereka yang menjerit ke arah Pasukan Keselamatan. Mereka langsung tidak menghiraukan atau mendengar apa-apa amaran yang disampaikan.

PDRM tidak pernah menghalang para peserta malahan setiap kali selepas menembak air atau gas pemedih mata PDRM akan biarkan para peserta perhimpunan beredar dari lokasi perhimpunan. Sebelum tindakan susulan diambil, PDRM akan pastikan adanya ruang-ruang laluan untuk para peserta perhimpunan beredar dan belum pernah PDRM mengasak atau memerangkap para peserta perhimpunan atau menghalang usaha mereka beredar. Apabila para peserta beredar baru pihak keselamatan akan mara dan memenuhi lokasi yang ditinggalkan bagi mengelak para peserta berkumpul semula.

PDRM tidak akan sesekali menggunakan kekerasan kecuali jika pihak yang ditangkap melawan atau menghalang proses tangkapan. Jika berlaku, kekerasan yang munasabah terpaksa digunakan bagi tujuan menentang halangan tersebut.

Mengenai aduan kelewatan siasatan kes, setiap aduan yang dibuat oleh pihak tersebut telah disiasat. Namun terdapat saksi yang enggan tampil untuk memberi kerjasama.

(c) Syor-syor kepada Polis dalam Memudahcara Pehimpunan Awam

- 1. Apabila seseorang ditangkap ia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh mengenai sebab-sebab ia ditangkap dan ia hendaklah dibenarkan mendapatkan nasihat daripada seorang pengamal undang-undang yang dipilih olehnya dan dibela oleh pengamal undang-undang itu, sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan.*
- 2. Pihak polis dalam melaksanakan fungsi mereka juga perlu mengambil kira hak individu dan memastikan bahawa mereka dapat menikmati hak mereka seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain di Negara ini. Pihak polis tidak seharusnya beranggapan bahawa Perhimpunan Awam mencabar mereka sebagai pihak berkuasa.*
- 3. Pihak polis dan penganjur harus berjumpa dan mencapai persetujuan berkaitan perhimpunan dan terhadap perkara yang berkaitan. Pihak polis juga perlu diingatkan bahawa seksyen 27 Akta Polis 1967 tidak lagi terpakai untuk perhimpunan awam.*
- 4. Pegawai yang melakukan tangkapan harus berhati-hati dan mengelakkan daripada menggunakan kekerasan yang tidak seimbang atau sewajarnya. Seseorang ditangkap hendaklah diberitahu sebab-sebab penangkapan dan dibenarkan mendapat khidmat guaman.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Tidak timbul isu kegagalan memberikan akses kepada peguam. Penahanan mereka hanya bersifat sementara serta bertujuan untuk proses dokumentasi. Sebab-sebab tangkapan telahpun dijelaskan kepada mereka. Lagipun penafian akses ini sememangnya dibenarkan menurut Seksyen 28(8) Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) atas alasan- alasan tertentu.

Tidak timbul tanggapan bahawa sebarang perhimpunan ini mencabar PDRM. Pendekatan PDRM dalam menangani perhimpunan adalah supaya PDRM sentiasa

mengawal selia sebarang perhimpunan khususnya setelah Akta Perhimpunan Aman 2012 dikuatkuasakan. Pendekatan ini sentiasa dipraktikkan sehingga kini.

Ketua Polis Daerah akan berbincang dengan pihak pengajur sebelum sesuatu perhimpunan aman diadakan mengikut Arahan Ketua Polis Negara No. 90 dan Tatacara Pengendalian Perhimpunan Aman di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2012.

PDRM tidak menggunakan kekerasan kecuali jika pihak yang ditangkap melawan atau menghalang proses tangkapan. Dalam keadaan ini kekerasan yang munasabah terpaksa digunakan bagi tujuan menentang halangan tersebut. Sebab-sebab tangkapan sentiasa dimaklumkan berserta dengan akses guaman kecuali terdapatnya alasan-alasan tertentu berdasarkan peruntukan undang undang.

(d) Syor-syor kepada Polis dalam Pengurusan Liputan Media

- 1. Pihak polis seharusnya mengadakan taklimat dan latihan untuk kakitangan mereka dalam mengurus dan membantu petugas media semasa perhimpunan.*
- 2. Panel juga menyatakan seksyen 24 APA memperuntukkan bahawa pihak berkuasa bertanggungjawab untuk memberikan akses yang munasabah kepada media untuk ke tempat perhimpunan dan oleh itu mereka tidak seharusnya menghalang pihak media dari menjalankan tugas mereka.*
- 3. Panel merujuk kepada laporan OSCE Special Report on the Handling of the Media yang mengandungi garis panduan mengenai, antara lain, bagaimana pihak berkuasa perlu mengendalikan media semasa perhimpunan, serta bagaimana media perlu membuat persiapan di dalam melaporkan peristiwa tersebut.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sebelum sesuatu perhimpunan diadakan, pihak Urus Setia Ketua Polis Negara (KPN) (Komunikasi Korporat) akan mengadakan taklimat pengendalian media di kalangan pegawai kanan dan anggota yang terlibat dalam penugasan.

Setiap kali menghadapi perhimpunan, Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat) tidak pernah menghalang media dari membuat liputan. Malah mereka turut diberi nasihat agar menjaga keselamatan diri dan peralatan yang dibawa.

Satu draf garis panduan mengenai tatacara pengurusan media dalam situasi ketenteraman awam sedang dirangka dan akan dibawa ke peringkat tertinggi PDRM untuk persetujuan.

3. PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKAITAN DENGAN KEMATIAN DALAM TAHANAN POLIS

Laporan media berkenaan dengan peningkatan kematian di dalam tahanan polis secara berturut-turut dalam tempoh 11 hari (21 Mei – 1 Jun) juga telah menekankan dakwaan berlakunya penderaan dan layanan buruk ke atas tahanan di dalam lokap polis. Isu ini telah disuarakan oleh ahli keluarga si mati serta beberapa NGO.

Suruhanjaya telah mengadakan dua sesi Perbincangan Meja Bulat (PMB) berkenaan dengan kematian di dalam tahanan pada 20 dan 21 Ogos.

Syor-syor daripada Peserta

- 1. Badan Kehakiman perlu mengambil tindakan proaktif untuk tidak melengahkan proses inkues dan mematuhi Prosiding Khas di bawah Bab XXXII bagi Kanun Prosedur Jenayah (Akta 595, KPJ)*
- 2. Majistret hendaklah mengikut Arahan Amalan No. 1 Tahun 2007 – Garis Panduan Inkues – semasa menjalankan tugas mereka. Garis panduan tersebut merujuk secara khusus kepada peruntukan yang berkaitan di bawah Bahagian VIII, Bab XXXII, seksyen 328-341A Akta 593.*
- 3. Mahkamah Koroner yang mempunyai pegawai perubatan perlu ditubuhkan di seluruh Negara.*
- 4. Mewujudkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) untuk memastikan ketelusan dalam menjalankan siasatan berhubung dengan dakwaan salah laku.*
- 5. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan seharusnya mengambil perhatian terhadap aduan daripada orang awam berkenaan dengan salah laku polis.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

PDRM akan memastikan siasatan kes kes kematian dirujuk kepada Mahkamah Koroner dengan seberapa segera yang boleh.

Mahkamah Koroner hanya boleh menjalankan prosiding inkues setelah menerima fail Laporan Mati Mengejut dari pihak polis/Timbangan Pendakwa Raya. Berkenaan dengan prosiding inkues, telahpun dikeluarkan, Arahan Amalan Bilangan 2 Tahun 2014 bertajuk Pengendalian Siasatan Kematian (*Death Inquiry*) selaras dengan penubuhan Mahkamah Khas Koroner. Melalui Arahan Amalan Bilangan 2 ini pihak Mahkamah telah pun bertindak secara proaktif untuk melicinkan proses inkues. Perenggan 10.1 Arahan Amalan tersebut memperuntukkan mengenai tempoh masa yang perlu dipatuhi oleh Hakim-Hakim Koroner di dalam menyelesaikan siasatan dalam tempoh 9 bulan daripada tarikh siasatan kematian diadakan.

Berikutan berkuatkuasanya Arahan Amalan Bilangan 2 Tahun 2014 bermula 15 April 2014 maka Arahan Amalan No. 1 Tahun 2007 – Garis Panduan Inkues adalah terbatal. Namun demikian, Arahan Amalan Bilangan 2 Tahun 2014 telahpun memasukkan intipati-intipati Arahan Amalan No. 1 Tahun 2007 dan memantapkannya lagi dengan pengendalian kes-kes secara lebih efisien seperti mana yang diperuntukkan secara spesifiknya dalam perenggan 9 (Pemeriksaan Mayat) dan 10 (Pengurusan Kes Siasatan Kematian). Arahan Amalan Bilangan 2 Tahun 2014 ini mestilah dipatuhi oleh Majistret/Hakim Mahkamah Khas Koroner.

Prosiding di Mahkamah Koroner memerlukan Pegawai Perubatan dipanggil bagi tujuan memberikan keterangan berkenaan dengan sebab-sebab kematian dan lain-lain perkara yang berkaitan. Cadangan agar Mahkamah Koroner mempunyai Pegawai Perubatan ini adalah suatu syor yang ideal dan ianya dalam proses perbincangan di peringkat Jabatan Peguam Negara.

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah ditubuhkan pada 1 April 2011 untuk menangani kes-kes salah laku anggota-anggota penguatkuasa daripada 21 Agensi-agensi Penguatkuasaan Persekutuan termasuklah PDRM. EAIC adalah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Akta 700 ini telah digubal berasaskan pendekatan rang undang-undang yang dicadangkan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia. Penubuhan Suruhanjaya ini adalah selaras dengan sasaran Kerajaan untuk menyemai dan meningkatkan integriti di kalangan pegawai penguatkuasa dan agensi penguatkuasaan justeru memperkukuhkan keyakinan orang ramai terhadap anggota penguatkuasa dan agensi penguatkuasaan.

Untuk memastikan ketelusan dalam menjalankan siasatan, EAIC akan memastikan semua aduan yang diterima berkenaan salah laku pegawai penguatkuasa atau agensi penguatkuasaan disiasat secara adil yang mana ia akan melalui tiga (3) peringkat untuk memastikan aduan salah laku yang diterima tersebut disiasat secara menyeluruh.

Setiap aduan salah laku akan diterima terlebih dahulu oleh Bahagian Operasi (Aduan) dan akan dinilai serta dikaji berdasarkan seksyen 23 Akta 700. Pada peringkat ini Bahagian Operasi (Aduan) akan menilai sama ada sesuatu kelakuan yang diadakan itu termasuk dalam ruang lingkup salah laku yang dinyatakan di bawah seksyen 24 Akta 700. Selain itu, Bahagian Operasi (Aduan) akan menilai dan menjalankan siasatan awal di bawah seksyen 25 Akta 700. Siasatan awal ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan jenis salah laku yang diadakan itu, dan menentukan sama ada Suruhanjaya patut menyiasat sepenuhnya aduan tersebut.

Pada peringkat kedua, satu Mesyuarat Jawatankuasa Aduan akan diadakan bagi meneliti dan mengkaji setiap aduan serta syor yang dibawa oleh Bahagian Operasi (Aduan).

Seterusnya pada peringkat ketiga, syor yang telah dibuat oleh Mesyuarat Jawatankuasa Aduan akan dibentangkan dan dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya. Pada peringkat ini Suruhanjaya akan membuat pertimbangan ke atas syor tersebut dan akan membuat keputusan berdasarkan seksyen 27 Akta 700, sama ada untuk merujuk aduan itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib atau kepada SPRM atau merujuk kepada Timbalan Pendakwaraya sekiranya ia bersifat jenayah atau memulakan siasatan penuh atau menolak aduan tersebut.

Fungsi utama Suruhanjaya ini adalah menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran berhubung dengan aduan yang diterima. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti penguatkuasaan oleh 21 agensi yang disenaraikan di dalam Akta 700 termasuk PDRM akan sentiasa dipantau dan sekiranya terdapat salah laku, tindakan susulan yang sewajarnya akan disyorkan.

Sejak penubuhannya sehingga bulan akhir bulan April 2014, Suruhanjaya ini telah menerima 759 aduan di mana 569 aduan tersebut adalah aduan yang diterima berkaitan PDRM. Antara faktor jumlah tersebut adalah kerana PDRM merupakan agensi yang paling banyak berhubung dengan orang awam. Daripada jumlah 569 aduan yang dibuat terhadap PDRM, 197 daripada aduan tersebut telah ditolak seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 27 (5) Akta 700.

Suruhanjaya ini juga sentiasa berusaha untuk memberi tumpuan terhadap usaha untuk menangani dan mencegah salah laku yang berlaku di kalangan anggota penguatkuasa atau agensi penguatkuasaan sekali gus menangani kes-kes kematian dalam tahanan.

4. MESYUARAT BERKENAAN DENGAN KEBEBASAN BERHIMPUN

Suruhanjaya telah mengadakan satu sesi mesyuarat bersama pasukan polis pada 11 September untuk membincangkan perkembangan ke atas syor-syor yang telah dibuat oleh Panel Inkuiri berkenaan dengan kebebasan berhimpun.

Beberapa syor telah dibuat:

- 1. Polis perlu memudahcara perhimpunan aman sepertimana yang diperuntukkan di bawah APA.*
- 2. Mereka yang ditangkap perlu dimaklumkan sebab penahanan dan diberikan akses untuk mendapatkan khidmat guaman.*
- 3. Panel mengesyorkan pihak polis untuk menjalankan siasatan ke atas laporan polis yang telah dibuat oleh orang awam, walaupun laporan tersebut melibatkan salah laku anggota polis. Pihak polis perlu bertindak segera untuk menyelesaikan siasatan bagi mengelakkan tuduhan berlakunya berat sebelah dan tidak telus.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

PDRM sentiasa mengamalkan sikap keterbukaan serta semangat Akta Perhimpunan Aman 2012 diterapkan dalam setiap pegawai/anggota bertugas. Taklimat penugasan sentiasa diberi bagi memastikan elemen pengawal seliaan yang terbaik dan menanamkan anjakan paradigma dari Sek 27 Akta Polis 1967 ke APA 2012. Sesi perjumpaan sentiasa diadakan dengan pihak penganjur bagi memastikan wujudnya situasi 'win-win'. Tugas cemerlang ini dapat dilihat dalam beberapa perhimpunan khususnya setelah Akta ini berkuatkuasa mulai 23 April 2012.

Tidak timbul isu kegagalan memberikan akses kepada peguam. Penahanan mereka hanya bersifat sementara serta bertujuan untuk proses dokumentasi. Sebab-sebab tangkapan telahpun dijelaskan kepada mereka. Garis panduan tangkapan PDRM sememangnya telah ada untuk diamalkan oleh pegawai/anggota terlibat.

Siasatan yang telus telah dijalankan terhadap laporan yang dibuat oleh orang awam walaupun ianya melibatkan salah laku anggota polis.



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

BAB 3

LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

MUKA SURAT

99	I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR
99	1. ISU-ISU TEMATIK
99	(a) Hak Kepada Pendidikan Bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran
101	(b) Hak Warga Emas
110	(c) Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan
119	2. AKTIVITI-AKTIVITI LAIN
119	(a) Pemantauan Pelaksanaan Negara Terhadap Triti Antarabangsa
119	(b) Ratifikasi/Penyertaan Kepada Triti-triti Antarabangsa
128	(d) Penyemakan Undang-Undang
131	(e) Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran (ATIP)
132	(f) Pindaan Kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999
133	II. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA
133	1. JAWATANKUASA PENYELARAS ANTARABANGSA BAGI INSTITUSI-INSTITUSI NASIONAL UNTUK PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA (ICC)
134	2. MAJLIS HAK ASASI MANUSIA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (HRC)
135	4. FORUM KOMANWEL INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (COMMONWEALTH FORUM OF NATIONAL HUMAN RIGHTS INSTITUTIONS [CFNHRI])
135	6. FORUM ASIA PASIFIK INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (APF)
136	9. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

1. ISU-ISU TEMATIK

(a) Hak Kepada Pendidikan Bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran

Suruhanjaya telah menjalankan kajian mengenai isu berkaitan hak kepada pendidikan bagi Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran (CWLD). Walaupun banyak usaha dilakukan bagi meningkatkan kadar kemasukan kanak-kanak kurang upaya, Suruhanjaya mendapati bahawa perhatian lebih ditumpukan kepada keperluan kanak-kanak cacat penglihatan atau pendengaran. Ia adalah suatu perkara yang membimbangkan bahawa ramai di kalangan CWLD dinafikan daripada pendidikan rendah. Sebagai Negara Ahli kepada CRC dan CRPD, Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak yang sama rata kepada pendidikan.

Suruhanjaya mengambil maklum inisiatif Kerajaan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Pasca Menengah), yang bertujuan meningkatkan kadar enrolmen pelajar berkeperluan khas sebanyak 75 peratus ke dalam program inklusif pada tahun 2025. Namun, berdasarkan beberapa lawatan ke sekolah berkaitan, Suruhanjaya mengenal pasti beberapa isu yang perlu diberi perhatian:

- Walaupun Suruhanjaya mendapati bilik darjah di sekolah Kerajaan secara keseluruhannya berada dalam keadaan memuaskan, ia berpandangan bahawa bilik darjah untuk CWLD perlu lebih luas bagi mewujudkan pembelajaran kondusif. Suruhanjaya mendapati bahawa, dalam beberapa sekolah yang dilawatinya, bilik darjah bagi Pendidikan Khas telah dipisahkan oleh dinding nipis yang diperbuat daripada papan lapis atau rak buku. Keadaan sebaliknya pula diperhatikan pada bilik darjah di pusat kendalian NGO yang mana bilik darjahnya lebih luas.*
- Walaupun kebanyakan guru di kelas pendidikan khas terlatih dan mempunyai kelayakan yang sesuai, terdapat beberapa keadaan yang mana guru-guru tanpa latihan Pendidikan Khas turut diambil bekerja. Walaupun mereka dikehendaki menghadiri kursus Pendidikan Khas selama tiga hari, majoriti daripada mereka tidak dibekalkan dengan latihan yang komprehensif, intensif dan berterusan bagi mengembangkan kemahiran mengajar mereka.*

- *Pada tahun 2004, KPM telah memperkenalkan jawatan Pembantu Pengurusan Murid bagi membantu guru-guru Pendidikan Khas di dalam kelas. Suruhanjaya berpandangan bahawa adalah sangat penting bagi KPM untuk menyediakan kursus latihan berstruktur kepada para pembantu ini bagi memastikan mereka memahami peranan mereka, menghargai keperluan khas bagi setiap kumpulan pelajar serta didedahkan kepada pengetahuan asas Pendidikan Khas.*
- *Terdapat beberapa kekeliruan di kalangan guru Pendidikan Khas terhadap mekanisme bagi menilai prestasi CWLD di bawah sistem baru Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Sesetengah guru mendakwa bahawa pengubahsuaian diperlukan bagi mencerminkan pencapaian pelajar-pelajar ini.*
- *Suruhanjaya mengambil maklum kepentingan fasiliti lain yang diperlukan oleh CWLD bagi membantu pembangunan emosi dan fizikal mereka, termasuklah bilik 'snoezelen' dan fasiliti untuk terapi cara kerja dan pertuturan. Fasiliti ini kebanyakannya tidak disediakan di hampir kesemua sekolah Kerajaan yang dilawati. Hal ini berbeza dengan kebanyakan pusat kendalian NGO yang dilengkapi dengan fasiliti tersebut, yang ditaja oleh sektor swasta di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR).*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KPM secara berperingkat sedang dalam usaha bagi menaik taraf kelas terutama di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) seluruh negara melalui peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Pada tahun 2013, sebanyak 197 PPKI telah dinaik taraf dan pada tahun 2014 sebanyak 191 PPKI sedang dinaik taraf.

Berkaitan isu latihan dan kelayakan guru-guru, bagi guru yang bukan opsyen pendidikan khas yang mengajar di Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan PPKI, KPM menyediakan Kursus Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) sebagai latihan berterusan selama 12 minggu. Peruntukan latihan juga dibekalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) bagi guru untuk meningkatkan kemahiran melalui program Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP).

Kursus Pembantu Pengurusan Murid (PPM) telah dilaksanakan bermula sejak tahun 2007. Kursus ini diberikan setiap tahun dan pada tahun ini kursus PPM diteruskan lagi supaya semua PPM menerima maklumat yang diperlukan.

Kohort	Tarikh	Bilangan PPM
Kohort 1	7,8 dan 9 Mei 2014	140
Kohort 2	21,22 dan 23 Mei 2014	
Kohort 3	Ogos 2014	

Kerajaan mengambil maklum keperluan menyediakan fasiliti tertentu kepada golongan ini. Kos bagi mewujudkan kemudahan bilik multi-sensori dan fasiliti untuk terapi adalah tinggi. Bilik-bilik ini hendaklah dikendalikan oleh tenaga pakar. Buat masa sekarang KPM menyediakan perkhidmatan tersebut di beberapa 3PK, SPK dan PPKI.

(iii) Bengkel berkenaan Hak Asasi Manusia kepada Guru-guru Pendidikan Khas

Dua bengkel latihan guru Pendidikan Khas telah dianjurkan oleh Kumpulan Pendidikan dan Perhubungan Awam Suruhanjaya. Bengkel-bengkel tersebut telah diadakan di Taiping, Perak dari 26-28 Jun bagi Zon Utara; dan di Cherating, Pahang, dari 29-31 Oktober bagi Zon Timur. Dalam menjalankan penyelidikannya, Suruhanjaya amat berbesar hati menerima kerjasama dan bantuan daripada Jabatan Pendidikan Khas, KPM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Secara khususnya, mereka telah berkongsi maklumat dan data berhubung CWLD.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil maklum dan sedia bekerjasama dengan SUHAKAM serta agensi lain yang berkaitan dalam sebarang program pembangunan kanak-kanak kurang upaya dan Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran.

(b) Hak Warga Emas

(i) Konsultasi mengenai hak warga emas

Seramai 28 orang peserta, terdiri daripada wakil agensi Kerajaan dan NGO, telah mengetengahkan isu seperti berikut:

- *Ketidaksesuaian pembinaan beberapa fasiliti menjadi cabaran dan penghalang fizikal yang utama kepada warga emas*
- *Warga emas dinafikan akses kepada perkhidmatan kewangan, khususnya dalam kemudahan pinjaman. Mereka dianggap sebagai tidak berkelayakan disebabkan oleh faktor umur.*
- *Ramai warga emas tidak mempunyai dana yang mencukupi dan memerlukan bantuan untuk menempuhi tempoh persaraan mereka. Bagi warga emas yang bekerja sendiri, mereka lebih terdedah kepada kemiskinan di hari tua mereka.*
- *Warga emas sering menderita penyakit diabetes, jantung dan tekanan darah tinggi. Oleh itu, mereka memerlukan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berpatutan dan boleh diakses, termasuklah pemeriksaan kesihatan.*
- *Jarak ke hospital dan klinik boleh menyumbang kepada masalah pengangkutan. Oleh itu, perkhidmatan penjagaan kesihatan hendaklah disediakan dalam atau berhampiran kawasan yang didiami oleh warga emas.*
- *Suruhanjaya menyedari bahawa Kementerian Kesihatan menghadapi masalah dana kewangan dan sumber manusia, dan keadaan ini telah menjejaskan perkhidmatan kepada warga emas. Suruhanjaya berpendapat bahawa Kerajaan perlu mencari langkah menjalin kerjasama dengan pengusaha pusat perubatan swasta di bawah inisiatif CSR.*
- *Latihan perlu diperluaskan kepada semua pegawai perubatan, doktor, jururawat dan ahli paramedik dalam berurusan dengan warga emas, bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada kumpulan sasaran ini.*
- *Warga emas sering digambarkan sebagai golongan pamarah dan terdedah kepada masalah kesihatan, yang merupakan halangan kepada mereka yang berkeinginan untuk bekerja semula.*
- *Pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas dan undang-undang, dasar serta obligasi antarabangsa lain yang berkaitan, termasuklah CRPD yang turut terpakai kepada warga emas, harus diperketatkan untuk memastikan perlindungan hak sepenuhnya.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Secara umumnya, pihak Bank Negara Malaysia (BNM) melalui dasar kewangan yang sedia ada tidak pernah mendiskriminasikan golongan warga emas. Faktor umur bukan kriteria utama dalam pemberian pinjaman. Walau bagaimanapun, pihak institusi kewangan dikehendaki melakukan penilaian mengenai kemampuan seseorang peminjam terhadap kemudahan pembiayaan yang diambil, berdasarkan nisbah khidmat hutang berhemat (*prudent debt service ratio*) sebagai input kepada keputusan pemberian kredit mereka. Institusi kewangan perlu membuat semakan sewajarnya terhadap pendapatan bakal peminjam selepas potongan berkanun seperti cukai dan KWSP dibuat, serta mengambil kira semua tanggungan hutang semasa menilai kemampuan peminjam. Ini adalah untuk memastikan institusi kewangan mengamalkan pembiayaan yang berhemah, bertanggungjawab dan telus sebagai langkah perlindungan yang lebih baik kepada pengguna dan pasaran kredit yang mampan bagi memelihara kestabilan ekonomi dan makroekonomi.

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited memastikan warga emas mendapat perkhidmatan kesihatan yang sewajarnya di fasiliti kesihatan kerajaan walaupun menghadapi kekangan dari segi dana kewangan dan sumber manusia. Bagi membantu warga emas mendapat perkhidmatan kesihatan di kemudahan kesihatan awam, pada tahun 2012 kerajaan telah memansuhkan caj rawatan di klinik kesihatan dan klinik pesakit luar pakar untuk warga emas. Pengurangan sebanyak 50% dalam caj rawatan untuk kelas ke-3 juga telah diberikan khusus untuk warga emas. Bagi warga emas pesara kerajaan perkhidmatan kesihatan di sektor awam diberikan secara percuma sebagai manfaat persaraan.

Selain itu, KKM di dalam merancang pembangunan klinik-klinik kesihatan, sentiasa memastikan bahawa lokasinya adalah di dalam komuniti. Pada masa ini difahamkan belum ada kawasan tertentu yang penduduknya hanya didiami oleh warga emas. Oleh itu selaras dengan skop perkhidmatan kesihatan di klinik-klinik kesihatan yang merangkumi bayi, kanak-kanak, dewasa dan warga emas, maka pengujudan klinik-klinik di kawasan penduduk juga ada menyediakan perkhidmatan kesihatan bagi warga emas.

KKM turut mengambil inisiatif untuk terus memperkukuhkan kerjasama / kolaborasi dengan sektor swasta dan ini ditekankan di dalam perancangan RMK-11. Begitu juga dalam perancangan jangka panjang transformasi sistem kesihatan negara, kedudukan warga emas diambil kira bila mana jalinan kerjasama / integrasi dengan sektor swasta akan diberi lebih perhatian apabila dana pembiayaan dipertingkatkan melalui jalinan kerjasama dan sumbangan kerajaan, pihak majikan, syarikat-syarikat pekerja dan penduduk negara. Dalam proses transformasi ini, semua pihak perlu mengambil tanggungjawab terhadap keperluan kesihatan persendirian dan

penduduk amnya ke arah peningkatan tahap kesihatan negara secara keseluruhannya.

Kerajaan melalui KKM ada menawar dan menguruskan program-program latihan berkaitan dengan penjagaan kesihatan Warga Emas. Antara program latihan yang ditawarkan ialah Kursus Pengkhususan Gerontologi selama enam (6) bulan untuk jururawat dan penolong pegawai perubatan. Sejumlah 353 Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) telah dilatih dalam bidang Pengkhususan Gerontologi dari tahun 2000 hingga 2013. Kerajaan juga menawarkan biasiswa kepada Pakar Perubatan yang berminat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sub-kepakaran dalam bidang gerontologi. Selain itu, kursus-kursus jangka pendek berkaitan penjagaan warga emas juga disediakan untuk anggota kesihatan.

(ii) Lawatan ke pusat jagaan

Suruhanjaya telah melawat ke tiga jenis pusat jagaan yang masing-masing dikendalikan oleh Kerajaan, entiti swasta, dan Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia, iaitu sebuah NGO yang menerima bantuan kewangan separa daripada Kerajaan. Beberapa isu telah berjaya dikenal pasti:

- *Rumah Seri Kenangan, Cheras, Kuala Lumpur*

Inisiatif Kerajaan untuk menubuhkan pusat ini adalah dipuji dan ia terletak di lokasi yang baik. Walau bagaimanapun:

- *Terdapat beberapa bahagian bangunan yang tidak boleh diakses oleh warga emas, khususnya mereka yang berkerusi roda.*
- *Kerajaan perlu mempertimbangkan penempatan kakitangan perubatan di pusat berkenaan untuk mengendalikan isu kesihatan yang berlaku secara tiba-tiba.*
- *Kekurangan kakitangan merupakan satu masalah serius yang memberi kesan kepada kemasukan warga emas. Suruhanjaya mencadangkan agar pengambilan kakitangan dipertingkatkan supaya pusat ini dapat digunakan sepenuhnya.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KPWKM mengambil maklum perkara ini dan penambahbaikan bagi perkara ini akan dipertimbangkan untuk permohonan bagi Bajet 2015.

- *Pusat Jagaan Lecadia Primacare Centre, Jalan Pudu, Kuala Lumpur*
 - *Berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, pusat ini terpaksa mematuhi standard yang ditetapkan untuk rumah tumpangan, yang mengakibatkan kos pengendalian lebih tinggi. Suruhanjaya mencadangkan Kerajaan memberi bantuan subsidi untuk sebahagian daripada kos terbabit, antaranya bagi bil air dan elektrik. Pusat jagaan swasta juga perlu dikecualikan daripada cukai.*
 - *Oleh kerana bangunan ini didaftarkan sebagai premis komersial, tarif untuk utiliti adalah berdasarkan kepada kadar komersial. Kos tersebut kemudiannya diambil kira sebagai yuran yang dibayar oleh penghuni atau ahli keluarga mereka, yang mana menjejaskan kemampuan perkhidmatan penjagaan.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Bagi isu cadangan pengecualian cukai kepada pusat jagaan swasta oleh SUHAKAM, Pusat Jagaan *Lecadia Primacare Centre* layak mendapat pengecualian cukai pendapatan jika objektifnya menepati maksud amal/khairat dan tidak bermotifkan keuntungan. Pusat jagaan tersebut boleh memohon kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mendapat pengecualian cukai di bawah seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Berkaitan isu subsidi utiliti pula, semua Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang secara amnya tidak berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125], layak untuk memohon geran di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekiranya semua kriteria dan syarat serta garis panduan dipenuhi. Pemberian geran oleh Kerajaan adalah meliputi bantuan kewangan untuk pentadbiran, rangsum, Elaun Khas Murid Orang Kurang Upaya (OKU), elaun pekerja, pembaikan, pengurusan perkhidmatan dan juga Pusat Jagaan Harian Warga Emas.

Walau bagaimanapun, semua pusat jagaan (*nursing home*) perlu didaftarkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (*Private Healthcare Facility and Services Act*). Di bawah akta ini semua pusat jagaan

persendirian perlu mendapat lesen untuk beroperasi daripada Bahagian Amalan Perubatan KKM yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen dan menyelia pusat-pusat jagaan tersebut.

- *Pusat Jagaan Harian Warga Emas, Cheras, Kuala Lumpur*

Kerajaan boleh menyediakan lebih bantuan kepada pusat jagaan ini dalam bentuk kewangan atau sumber lain untuk menyokong aktiviti-aktiviti seperti latihan bahasa dan teknologi maklumat. Ini membolehkan warga emas memperoleh pendapatan dan meneruskan sumbangan mereka kepada masyarakat, serta memastikan masa mereka di pusat jagaan digunakan sepenuhnya secara efektif.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KPWKM menentukan bahawa Peruntukan pengoperasian yang telah ditetapkan kepada setiap Pusat Jagaan Warga Emas (PAWE) adalah sebanyak RM33,330.00 setahun. Kerajaan sedar bahawa peruntukan tersebut adalah tidak mencukupi bagi melaksanakan program dan aktiviti sepanjang tahun. Menyedari hakikat tersebut, KPWKM telah memohon kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM50,000.00 untuk setiap PAWE setahun dalam bajet tahun 2015 yang akan datang.

(iii) Seminar separuh hari

Tiga seminar yang memberi fokus terhadap perkhidmatan penjagaan kepada warga emas dan sokongan kepada penjaga, telah diadakan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Perbincangan yang dijalankan meliputi beberapa perkara:

- *Kerajaan mempunyai peranan dalam menyediakan perkhidmatan jagaan kepada warga emas dan sokongan kepada penjaga termasuklah NGO, ahli keluarga, dan pengusaha pusat jagaan swasta. Terdapat kebimbangan mengenai bilangan terhad rumah warga emas dan pusat aktiviti warga emas yang dibiayai oleh Kerajaan, serta bantuan kewangan kepada warga emas.*
- *Kerajaan dikehendaki untuk memantau pusat jagaan swasta di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 di Semenanjung dan Sabah. Standard bagi pusat jagaan swasta perlu diteliti, supaya eksploitasi tidak berlaku.*

- *Kesedaran perlu diwujudkan di kalangan masyarakat mengenai hak warga emas, supaya hak mereka dapat dilindungi dan penjagaan yang berkualiti dapat disediakan.*
- *Isu beratur panjang di hospital awam telah ditegaskan sekali lagi, selain isu kekurangan ahli gerontologi dan pengamal penjagaan kesihatan asas.*
- *Dicadangkan agar bantuan kewangan dan sokongan teknikal diberikan kepada penjaga swasta, termasuklah pengusaha pusat jagaan dan individu. Hal ini penting sekiranya, tujuan adalah untuk beralih daripada penjagaan yang berasaskan Kerajaan kepada yang disediakan oleh masyarakat dan pihak swasta.*
- *Keistimewaan khas kepada warga emas, seperti diskaun, perlu diperluaskan. Pada waktu yang sama, warga emas perlu berusaha untuk menjadi lebih proaktif dan berdikari, dalam usaha mengurangkan kebergantungan mereka kepada bantuan kerajaan.*
- *Berhubung dengan perlindungan perundangan kepada hak warga emas, terdapat perbezaan pandangan antara penguatkuasaan undang-undang sedia ada dan penggubalan undang-undang baru. Faktor sosial dan kebudayaan juga telah dinyatakan bersama-sama dengan hubungan ibu bapa dan anak, yang mana adalah bersifat peribadi secara semulajadi.*
- *Kepentingan pangkalan data yang dikemas kini ditegaskan untuk menyediakan asas dalam pembangunan dasar atau undang-undang untuk menyelesaikan isu yang berkaitan dengan hak warga emas.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KPWKM khususnya JKM menyediakan bantuan kewangan berbentuk geran tahunan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) sebagai galakan dan sokongan kepada mereka yang telah berganding bahu dengan kerajaan dalam memenuhi keperluan sosial negara dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan untuk golongan masyarakat yang memerlukan termasuk warga emas.

Dalam hal ini, antara geran yang disediakan ialah Geran Pentadbiran, Geran Rangsum dan Geran Pembaikan. Geran Pentadbiran ialah bantuan kewangan yang disediakan bagi menampung sebahagian kos pengoperasian PSK tersebut yang

turut meliputi aspek sewa premis, utiliti dan program latihan. Geran Rangsum pula ialah bantuan yang disediakan bagi menampung sebahagian kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum penghuni manakala Geran Pembaikan disediakan untuk PSK membaik pulih premis sekiranya mempunyai aspek yang menjejaskan keselamatan penghuni, pengurusan pentadbiran dan aktiviti mereka.

Kesemua inisiatif ini diambil bagi memastikan PSK dapat menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, selamat dan selesa kepada penghuni yang mendiami premis tersebut. PSK ini perlu berdaftar dengan JKM di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 sebelum layak dipertimbangkan untuk bantuan geran daripada Kementerian.

Kerajaan mengalu-alukan sebarang permohonan daripada mana-mana PSK untuk membuka pusat jagaan, sama ada berkediaman atau harian bagi warga emas. Dalam hal ini, pihak JKM bersedia memberikan sokongan dan khidmat nasihat kepada mana-mana PSK yang berminat untuk membuka jagaan warga emas berkediaman atau harian. Berhubung perkara ini juga, secara amnya, Kerajaan berpandangan bahawa adalah menjadi tanggungjawab anak-anak untuk menjaga dan seterusnya menyara ibu bapa mereka yang telah tua.

Bagi memastikan pusat jagaan warga emas diuruskan dengan baik, Kerajaan melalui JKM memantau pusat-pusat jagaan warga emas dari semasa ke semasa supaya mereka mematuhi sekurang-kurangnya standard minimum yang telah ditetapkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 iaitu:

- (a) mematuhi nisbah penjaga dengan penghuni iaitu seorang penjaga kepada 18 orang warga emas yang boleh mengurus diri sendiri atau seorang penjaga kepada 4 orang warga emas yang terlantar;
- (b) mematuhi nisbah penghuni dengan ruang lantai iaitu 3.0 meter persegi bagi seorang warga emas;
- (c) menyediakan dan mempamerkan jadual menu makanan seimbang dan jadual aktiviti yang sesuai dengan warga emas;
- (d) pusat jagaan hendaklah mempunyai kemudahan, peralatan dan perabot yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan warga emas;
- (e) menyediakan dan menyenggara rekod-rekod di pusat jagaan; dan
- (f) menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan luar premis pusat jagaan.

KKM telah menyediakan kaunter pendaftaran bagi warga emas di seluruh hospital kerajaan dan juga klinik-klinik kesihatan serta pakar. Sistem *Stagger Time Appointment* juga diperkenalkan bagi mengurangkan masa menunggu pesakit dan mengelakkan kesesakan.

Berhubung isu kekurangan pakar geriatrik (perubatan warga emas) dan psikogeriatric (kesihatan mental warga emas), Kerajaan telah mengenal pasti bahawa kedua-dua bidang ini wajar diterokai sebagai satu tumpuan khusus dalam bidang perubatan. Hingga bulan Februari 2014, Malaysia mempunyai seramai 20 orang pakar Geriatrik dan 10 orang pakar dalam bidang Psikogeriatric.

Kerajaan prihatin dengan keperluan mobiliti bagi golongan warga emas bagi membolehkan mereka menjalani penuaan aktif, sihat dan produktif. Justeru, dari segi pengangkutan, pelbagai keistimewaan diberikan kepada golongan warga emas oleh pengendali pengangkutan awam masing-masing melalui potongan harga antara 25% hingga 50% ke atas kos tambang kepada warga emas.

Perincian potongan harga yang diberikan adalah seperti berikut:

- (a) Bas ekspres ekonomi: 25%;
- (b) ERL (transit sahaja): 30%;
- (c) Bas henti-henti: 50%;
- (d) Komuter: 50%;
- (e) Keretapi: 50%;
- (f) Bas Rapid Penang: 50%;
- (g) Bas Rapid KL: 50%;
- (h) Transit Aliran Ringan (LRT) dan Monorel: 50%; dan
- (i) Penerbangan Malaysia (MAS): 50% (bagi tambang penerbangan dalam negara. Tempahan perlu dibuat 8 hari sebelum penerbangan).

Selain itu, warga emas juga memperoleh diskaun melalui pembelian barangan dan perkhidmatan di premis yang berdaftar untuk menerima penggunaan kad seperti Kad Diskaun Rakyat 1Malaysia (KDR1M), Kad Skuad Pengguna, Kad Bekas Tentera dan Kad Pesara Kerajaan.

Sesungguhnya, adalah menjadi tanggungjawab anak-anak untuk menjaga dan seterusnya menyara ibu bapa mereka yang telah tua. Kerajaan mengambil maklum beberapa negara yang telah menggubal undang-undang untuk mewajibkan anak-anak menanggung kos sara hidup atau memberikan nafkah kepada ibu bapa mereka yang telah mencapai usia warga emas, misalnya di Singapura dan India. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang diperolehi, undang-undang yang digubal masih belum menunjukkan hasil yang diharapkan.

Kerajaan berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk mengkaji supaya diwujudkan undang-undang untuk mewajibkan anak-anak menanggung kos sara hidup atau memberikan nafkah kepada ibu bapa yang telah mencapai usia warga emas atau menjaga mereka. Ia perlu diteliti dari pelbagai sudut terutamanya kemampuan kewangan seseorang anak itu. Selain itu, pewujudan undang-undang seumpama ini mungkin mengeruhkan lagi ikatan kekeluargaan antara anak dan ibu bapa. Apa yang penting di sini adalah pelaksanaan kempen-kempen kesedaran melalui program pendidikan kekeluargaan bagi memantapkan lagi hubungan kekeluargaan dalam masyarakat.

Pihak Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) kini dalam peringkat perbincangan untuk menyerahkan pengendalian pangkalan data *AgeingInfo Malaysia* kepada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pada masa ini, pangkalan data ini masih dikendalikan oleh pihak UPM. Pangkalan data *AgeingInfo Malaysia* merupakan satu pangkalan data yang merekodkan maklumat demografi warga emas di Malaysia seperti populasi, umur dan lain-lain. Berhubung perkara ini juga, Institut Gerontologi, UPM akan berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri berhubung cadangan penggunaan pangkalan data warga emas ini sebagai rujukan utama.

(c) Hak Asasi Manusia Dan Perniagaan

Di Malaysia, kesan aktiviti perniagaan kepada hak asasi manusia menjadi lebih ketara. Banyak pihak melahirkan kebimbangan terhadap sikap sembarangan pihak syarikat ketika menjalankan aktiviti mereka. Tahap pemahaman mereka terhadap hak asasi manusia dan tanggungjawab sosial serta komitmen untuk memenuhi tanggungjawab ini, masih di peringkat awal.

(i) Projek Penyelidikan SUHAKAM-RWI

Pada akhir tahun 2012, Raoul Wallenberg Institute of Human Rights and Humanitarian Law (RWI) telah memberikan geran penyelidikan kepada Suruhanjaya untuk menjalankan penyelidikan mengenai 'Peranan

SUHAKAM dalam Menangani Pencabulan Hak Asasi Manusia oleh Sektor Korporat: Kajian terhadap Syarikat Pembalakan dan Perladangan di Malaysia'. Suruhanjaya telah memilih topik berdasarkan isu yang dibangkitkan semasa Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia (National Inquiry [NI]). Suruhanjaya juga telah menganjurkan perbincangan berasingan dengan industri ini dan mangsa yang terlibat terutamanya melibatkan masyarakat Orang Asal bertujuan untuk mengumpulkan maklumat. Laporan itu telah dikemukakan kepada RWI pada 19 Disember 2013, mengetengahkan hasil dapatan seperti berikut:

- Orang Asal (OA) mendakwa syarikat perladangan dan pembalakan telah gagal untuk menghormati dan mengakui Hak Tanah Adat OA (Native Customary Rights [NCR]). Dalam kebanyakan situasi, syarikat telah mengabaikan atau gagal untuk berunding dengan masyarakat sebelum memulakan operasi, dan dengan itu melanggar prinsip keizinan berasaskan makluman awal, bebas dan telus.*
- OA percaya bahawa syarikat ini dengan mudahnya memanipulasi mereka kerana kekurangan pengetahuan pendidikan dan kefahaman hak asasi manusia. Mereka juga mendakwa bahawa syarikat telah memalsukan tandatangan mereka untuk meneruskan aktiviti perniagaan.*
- Walaupun OA telah membuat laporan dengan agensi Kerajaan yang berkaitan, mereka mendakwa bahawa tiada tindakan diambil dan hak NCR mereka tidak diiktiraf. Terdapat juga dakwaan bahawa mereka mempunyai akses yang terhad kepada remedi, terutamanya melalui mekanisme tuntutan yang tidak melibatkan perundangan.*
- Dalam perkembangan positif, kebanyakan syarikat perladangan dan pembalakan telah membentuk amalan terbaik dalam mengendalikan pencabulan hak asasi manusia yang didakwa timbul daripada operasi mereka, terutamanya berkaitan dengan pekerja migran.*
- Kebanyakan syarikat, seperti Sime Darby Plantation Sdn Bhd, United Plantation Sdn Bhd dan Genting Plantation Bhd, merupakan ahli kepada "Roundtable Discussion on Sustainable Palm Oil (RSPO)" dan disenaraikan di Bursa Malaysia. Ini bermakna mereka telah mengambil langkah-langkah untuk menerapkan CSR sebagai satu usaha sampingan bagi perjalanan perniagaan.*

- *Suruhanjaya difahamkan bahawa syarikat mematuhi undang-undang dan prosedur tempatan dengan tegas dalam hal-hal yang melibatkan tanah dan OA.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sebagai mana diperuntukan dalam Kanun Tanah Negara serta Akta Perhutanan Negara, pentadbiran dan pengurusan tanah serta hutan adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Negeri. Isu masyarakat Orang Asli (OA) adalah dalam bidang kuasa perundangan Persekutuan melalui Akta Orang Asli. Oleh itu, perladangan dan pembalakan yang dilaksanakan oleh pihak Negeri tertakluk kepada prosedur yang ditetapkan oleh PBN. Hakikatnya, tidak timbul isu perundingan dengan OA dan segala tindakan serta perundingan (tidak wajib) untuk hak NCR adalah atas inisiatif syarikat sendiri bergantung kepada situasi kawasan operasi.

Lazimnya hak NCR hanya dipertimbangkan secara perundangan sekiranya kawasan operasi melibatkan tanah OA yang telah dikenal pasti oleh JKHOA, diluluskan oleh EXCO atau telah digazetkan. Kawasan hak NCR atau kawasan “rayau” tidak diiktiraf dalam kes tuntutan tetapi ada syarikat dalam obligasi CSR melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Bagi isu pembalakan, Jabatan Perhutanan Negeri telah dipersijilkan untuk Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management* [SFM]). Persijilan *Malaysian Timber Certification Scheme* (MTCS) menggunakan *Malaysian Criteria and Indicators* (MC&I) telah mengambil kira kepentingan OA. Dalam operasi pelesenan kawasan pembalakan, beberapa syarat dan langkah yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri dipatuhi dalam menangani hak masyarakat OA seperti mana terdapat dalam syarat-syarat tambahan Lesen dan SOP untuk Pensijilan MC&I.

Syor Suruhanjaya

Melibatkan dua bahagian.

1. Peranan Suruhanjaya dalam menangani pencabulan hak asasi manusia oleh sektor korporat

- *Suruhanjaya dikehendaki menggiatkan peranannya dalam meningkatkan kesedaran mengenai kesan perniagaan terhadap hak asasi manusia dan mempromosi Prinsip-prinsip Panduan di kalangan syarikat.*

- *Suruhanjaya dikehendaki mengendalikan latihan dan menyediakan sokongan kepada pihak pengurusan dan pekerja syarikat untuk melaksanakan amalan terbaik hak asasi manusia dalam kerja harian mereka.*
- *Suruhanjaya dengan kerjasama pihak berkepentingan lain perlu membentuk mekanisme pemantauan mengenai pencabulan hak asasi manusia di sektor korporat.*
- *Suruhanjaya dikehendaki bertindak sebagai pengantara dalam menangani dakwaan pencabulan hak asasi manusia oleh syarikat.*
- *Suruhanjaya dikehendaki bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes mahkamah yang berkaitan dengan dakwaan pencabulan hak asasi manusia oleh syarikat.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Peranan Suruhanjaya dalam isu hak NCR harus dilihat secara menyeluruh dan lebih “balanced” terutama dalam usaha pemantauan, pengantara dan pemerhati. Suruhanjaya perlu memahami perundangan, tugas dan kekangan yang dihadapi agensi kerajaan serta kos dalam operasi syarikat. Keadaan “win-win” adalah terbaik tetapi dengan kekangan dan obligasi agensi kerajaan dan syarikat, adakalanya perkara tersebut tidak berlaku. Walau bagaimanapun kedua-dua pihak wajar berunding untuk mencari penyelesaian.

2. Peranan Kerajaan dan Aktor bukan Kerajaan

- *Kerajaan merupakan pihak berkewajipan utama dalam mencegah pencabulan hak asasi manusia oleh pihak ketiga termasuklah syarikat. Ia perlu mengambil langkah-langkah untuk mencegah, menyiasat, menghukum serta membetulkan penyalahgunaan itu melalui dasar, undang-undang dan peraturan yang efektif.*
- *Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang yang bertujuan, atau yang berkesan untuk menuntut syarikat perladangan dan pembalakan menghormati hak asasi manusia; ia perlu menilai keberkesanan undang-undang tersebut secara berkala dan menangani sebarang jurang.*

- *Kerajaan perlu memastikan undang-undang dan dasar lain yang mengawal penubuhan dan operasi syarikat perladangan dan pembalakan - seperti undang-undang korporat - tidak mengekang tetapi membolehkan hak asasi manusia dihormati.*
- *Kerajaan perlu mengambil langkah yang sesuai bagi memastikan – melalui kehakiman, pentadbiran, perundangan atau cara lain yang bersesuaian – bahawa mereka yang terjejas akibat pelanggaran hak asasi manusia oleh industri perladangan dan pembalakan, khususnya OA, perlu mempunyai akses kepada remedi yang efektif.*
- *Kerajaan perlu menawarkan insentif cukai, geran korporat atau bantuan kewangan lain kepada syarikat perladangan dan pembalakan yang menghormati standard hak asasi manusia, pada masa yang sama menggalakkan mereka mematuhi secara sukarela.*
- *Suruhanjaya akur bahawa syarikat perladangan dan pembalakan perlu meraih keuntungan. Walaupun begitu, pada masa yang sama ia menekankan bahawa mereka juga harus menghormati hak asasi manusia. Seterusnya, ia akan mempromosi hak ekonomi, sosial dan kebudayaan rakyat. Oleh itu:*
 - *Hak asasi manusia perlu diterapkan ke dalam strategi perniagaan dan operasi syarikat. Mengelak daripada tanggungjawab itu boleh menyebabkan hilangnya rasa yakin di kalangan pengguna yang semakin menyedari tentang kepentingan hak asasi manusia. Mereka bukan hanya berminat kepada produk berkualiti, malah turut prihatin mengenai keadaan sosial dan alam sekitar di sebalik jenama dan proses pengeluaran. Sektor korporat di Malaysia harus berani mendakap nilai hak asasi manusia bagi kepentingan kemampuannya.*
 - *Syarikat perladangan dan pembalakan perlu mewujudkan kod amalan terbaik supaya mereka boleh merancang aspek yang perlu diperbaiki. Kod ini akan mengurangkan risiko pelanggaran hak asasi pihak terjejas, termasuklah OA akibat daripada operasi mereka.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Industri perladangan dan pembalakan tertakluk kepada perundangan tertentu bagi mengawal selia aktiviti dan operasi mereka. Industri berkenaan juga perlu mematuhi sepenuhnya kehendak perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam menjalankan aktiviti pembalakan dan perladangan. Sebagai contoh, pihak industri pembalakan dan perladangan hendaklah mengadakan konsultasi bersama dengan Orang Asal sebelum dan semasa projek dilaksanakan. Kajian EIA juga dilaksanakan oleh pihak industri di samping pematuhan sepenuhnya kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memastikan hak semua pihak yang berkepentingan, termasuk Orang Asal terpelihara.

Sebagai tambahan, syarikat-syarikat perladangan sentiasa mengamalkan amalan pertanian baik [*Good Agricultural Practice (GAP)*] termasuk mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan sebelum melaksanakan kerja-kerja pembangunan (*prior and informed consent*) dan pematuhan kepada undang-undang serta peraturan negara yang sedang berkuatkuasa. Kesemua perkara tersebut mempunyai peruntukan peraturan atau operasi prosedur standard yang merangkumi pelbagai aspek, termasuk menjaga kepentingan hak asasi manusia.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengurus hal ehwal kebajikan dan keselamatan serta kemajuan Orang Asli sentiasa melindungi hak-hak Orang Asli mengikut undang-undang sedia ada.

Masyarakat Orang Asli juga, sentiasa dilibatkan dalam aspek perancangan dan pelaksanaan program oleh pihak Kerajaan. Di antara komponen unit sosial Orang Asli yang terlibat adalah tok batin / penghulu, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JKKKOA), belia dan beliawanis, wanita dan NGO Orang Asli. Tambahan pula, 5 dari 23 orang ahli di peringkat Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli merupakan Orang Asli yang berperanan untuk menasihati dan memantau perancangan dan pelaksanaan program pembangunan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, masyarakat Orang Asli yang berkeelayakan telah dilantik dalam perkhidmatan sektor awam di mana seramai 1 orang dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 107 orang dalam Pengurusan dan Profesional, 1,469 orang dalam Sokongan dengan jumlahnya 1,522 orang. Manakala dalam urus tadbir JAKOA pula, terdapat seramai 3 orang dalam Pengurusan dan Professional, 188 orang dalam sokongan, 233 orang dalam kontrak dengan jumlahnya 424 orang.

Kerajaan sentiasa melaksanakan yang terbaik untuk masyarakat di negara ini berlandaskan Gagasan 1 Malaysia. Perubahan perundangan dan amalan pengurusan terbaik dikemas kini dari masa ke semasa dalam pentadbiran dan penguatkuasaan. Pihak Berkuasa Negeri akan dinasihati mengenai isu-isu semasa dan kepentingan semua pihak supaya lebih prihatin agar dasar, insentif dan tindakan efektif dapat diambil dalam menjaga kepentingan ekonomi, sosial dan budaya serta

alam sekitar. Selain itu, Pihak NGO juga pula perlu memberi kerjasama tanpa belah-bagi kepada semua pihak.

(ii) Impak Perjanjian Perkongsian Trans-Asia Pasifik (TPPA) terhadap Hak Asasi Manusia di Malaysia

Prinsip ke-9 Prinsip-Prinsip Panduan mengkehendaki Kerajaan, di samping melindungi pelabur, mengekalkan dasar dan keupayaan peraturan untuk melindungi hak asasi manusia dalam perundingan triti pelaburan, perjanjian perdagangan bebas atau kontrak pelaburan. Suruhanjaya telah memantau perundingan mengenai TPPA bagi memastikan Kerajaan meletakkan perlindungan yang sewajarnya sebagaimana yang dihuraikan di bawah Prinsip ke-9 ini.

Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012, punca utama kepada ketidakpuasan hati di kalangan kumpulan berkepentingan adalah kurangnya konsultasi awam. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengambil langkah positif bagi mengatasi hal ini. Pada 1 Ogos, MITI telah menganjurkan hari terbuka untuk menerangkan rasional bagi Malaysia menyertai perundingan TPPA dan bagi mendapatkan maklum balas. Kebimbangan berikut diketengahkan:

- Cadangan untuk mengukuhkan perlindungan harta intelek akan memanjangkan tempoh hakcipta dan paten, dan memperkenalkan satu peruntukan mengenai data exclusivity sebagai salah satu bentuk halangan pentadbiran terhadap pemasaran ubat-ubatan generik. Langkah ini boleh melambatkan pemasaran ubat-ubatan generik dan menyebabkan harga ubat-ubatan kekal tinggi bagi suatu tempoh yang panjang.*
- Berhubung dengan kesan liberalisasi perdagangan, pengurangan tarif atau cukai import akan menimbulkan masalah kepada syarikat tempatan, khususnya Industri Kecil dan Sederhana (IKS), yang perlu bersaing dengan barangan import yang lebih murah harganya disebabkan oleh subsidi tinggi dari negara asal. Tambahan pula, pengurangan tarif boleh menyebabkan ramai individu hilang pekerjaan memandangkan IKS tidak mempunyai kapasiti kewangan sebagaimana syarikat besar lain dalam menerima perubahan ini.*

- *Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Kerajaan-Pelabur (Investor-State Dispute Settlement [ISDS]) telah diwujudkan di bawah Konvensyen Penyelesaian Pertikaian Pelaburan antara Kerajaan dan Warganegara Negara Lain. ISDS membenarkan pelabur luar untuk memulakan prosiding penyelesaian pertikaian terhadap Negara tuan rumah. Di bawah cadangan TPPA, syarikat multi-nasional secara efektif mempunyai kuasa untuk menyaman Negara yang mana undang-undangnya boleh menyusutkan nilai syarikat mereka atau mengurangkan jangkaan keuntungan mereka. Mereka juga berupaya menjejaskan kawalan domestik oleh Negara tuan rumah.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) merakamkan terima kasih kepada SUHAKAM yang sentiasa bersama-sama dalam kebanyakan sesi konsultasi TPP yang telah dianjurkan. Pada tahun 2013, sebanyak 56 sesi konsultasi / taklimat dan perbincangan telah diadakan dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk menerangkan berkaitan dengan perkembangan rundingan TPP dan isu-isu di bawah rundingan TPP. Kesemua usaha ini menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk bukan sahaja melindungi pelabur dan sektor perniagaan, tetapi juga mengutamakan hak asasi rakyat yang juga berfungsi sebagai entiti ekonomi yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, bangsa dan negara.

Bab *Intellectual Property Rights* (IPR) merupakan salah satu bab yang paling sukar dalam rundingan TPP. MITI dan pasukan perunding yang terlibat (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan KKM) sedang merundingkan untuk memastikan akses ubatan kepada rakyat tidak akan terjejas.

Di samping mengekalkan aksesibiliti ubat-ubatan generik, Kerajaan juga menyedari terdapat keperluan untuk melindungi hak inovasi ubat-ubatan baru, ini terutamanya dalam menangani pelbagai penyakit. Malaysia tidak bersendirian dalam rundingan IPR dan kerajaan akan memastikan rakyat terus menikmati akses kepada ubatan dengan harga yang berpatutan.

Mengenai kerisauan kehilangan peluang pekerjaan yang diakibatkan oleh ketidakmampuan IKS tempatan untuk bersaing dengan korporat asing, perlu dijelaskan bahawa Malaysia telah terlibat dalam FTA sejak 1993 bermula dengan *ASEAN Free Trade Area*, diikuti dengan pelbagai FTA secara serantau seperti *ASEAN-China*, *ASEAN-India*, *ASEAN Australia-New Zealand*, dan *ASEAN-Korea Selatan* dan banyak lagi FTA yang lain. Di bawah *ASEAN Trade in Good*

Agreement, Malaysia telah menghapuskan duti import ke atas 99% produk, manakala di bawah ASEAN-China, Malaysia telah menghapuskan duti import ke atas 90% produk bermula 1 Januari 2010. Persaingan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) malah syarikat-syarikat besar yang lain adalah dengan negara-negara ASEAN dan China.

Kesemua FTA tersebut sebenarnya telah membuka pasaran tempatan dan IKS Malaysia telah terbukti mampu bersaing dengan baik sejak pasaran Malaysia dibuka untuk ASEAN dan FTA serantau yang lain sehingga kini.

Tambahan pula, hampir 70% daripada jumlah barisan tariff di bawah *Most Favoured Nation* (MFN) Malaysia kini telah dihapuskan. Komitmen tariff di bawah TPP tidak memberi kesan yang besar dari segi pembanjiran barang import. Untuk barangan yang sensitif yang berkepentingan tinggi, ia masih boleh ditangani melalui mekanisme seperti tempoh peralihan yang lebih panjang, dan kawalan domestik yang boleh dikenakan ke atas barangan yang berkaitan.

Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Kerajaan-Pelabur (ISDS) bukan perkara baru bagi Malaysia. Peruntukan ISDS terdapat dalam kebanyakan *Investment Guarantee Agreement* (IGA) dan juga dalam peruntukan pelaburan dalam FTA dua hala dan serantau.

Isu ISDS dalam TPPA adalah kerana skopnya melebihi skop dalam IGA atau FTA dua hala dan serantau yang ada. Walau bagaimanapun, pasukan perunding mengambil langkah yang berhati-hati dalam mendefinisikan skop pelaburan bagi memastikan bukan sebarang bentuk 'pelaburan' boleh menggunakan mekanisme tersebut untuk menyaman kerajaan. Kerajaan juga boleh menyenaraikan pengecualian bagi memastikan Kerajaan dapat mengekalkan ruang dasar untuk memenuhi matlamat sosio-ekonomi Negara. Pada masa yang sama, ISDS di dalam pandangan Malaysia juga signifikan dalam melindungi pelaburan Malaysia yang melabur di negara TPPA yang lain.

Dalam perjanjian-perjanjian perdagangan antarabangsa yang dirundingkan, Kerajaan komited untuk memastikan supaya tiada diskriminasi yang timbul terhadap golongan wanita mahupun golongan OKU. Manakala dengan pengaliran pelaburan yang masuk di bawah perjanjian-perjanjian itu, ia dijangka menyediakan peluang pekerjaan bukan sahaja secara umum, tetapi juga peluang yang lebih banyak kepada golongan wanita dan OKU.

Di samping itu, perjanjian seperti TPPA menitikberatkan aspek pembinaan kapasiti untuk membentuk rangkaian IKS di kalangan negara TPPA. Ini seterusnya akan memberi peluang kepada IKS-IKS tempatan untuk meningkatkan kepakaran dalam pengeluaran produk-produk mereka dan meneroka peluang pasaran yang lebih

besar di pasaran-pasaran TPPA dan global. Ini akan juga secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan kepada golongan wanita dan juga OKU.

2. AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

(a) Pemantauan Pelaksanaan Negara Terhadap Triti Antarabangsa

(ii) CRC

Kerajaan telah lewat mengemukakan Laporan Negara ke-2, ke-3 dan ke-4 kepada Jawatankuasa CRC. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah menyediakan draf Laporan Bebas berdasarkan kepada pemantauan terhadap perkembangan Kerajaan dalam melaksanakan komen dan cadangan oleh Jawatankuasa CRC dalam Pemerhatian Akhir 2007. Draf Laporan Bebas tersebut mengetengahkan beberapa isu yang menjadi perhatian termasuklah saranan Suruhanjaya kepada Kerajaan untuk menarik balik baki reservasi kepada CRC, untuk mempertimbangkan penyertaan kepada Protokol Pilihan Ketiga dalam CRC berkenaan Prosedur Komunikasi; untuk meletakkan undang-undang selari dengan standard antarabangsa dalam melindungi kanak-kanak dari hukuman rotan; dan untuk melindungi hak kanak-kanak golongan rentan (termasuklah kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak Orang Asal, kanak-kanak pelarian dan pencari suaka, dan kanak-kanak yang tiada status kewarganegaraan) kepada pendidikan, kesihatan dan pemulihan keadilan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Penggubalan Peraturan-Peraturan Pendidikan berkaitan disiplin murid yang baharu telah selesai dibuat dan masih dalam peringkat penelitian oleh Pejabat Penasihat Peguam Negara.

(b) Ratifikasi/Penyertaan Kepada Triti-triti Antarabangsa

(i) Perbincangan ICCPR

Suruhanjaya telah mengadakan pertemuan bersama kumpulan masyarakat sivil pada 18 April dan agensi Kerajaan pada 22 Ogos, di

Kuala Lumpur. Beberapa pandangan telah dinyatakan mengenai beberapa peruntukan yang terdapat dalam ICCPR, iaitu:

- *Artikel 6 (Hukuman mati)*

Perancangan Kerajaan untuk mengkaji semula hukuman mati mandatori bagi pesalah dadah dipuji kerana jenayah itu tidak dianggap sebagai jenayah yang paling serius, berbanding dengan kesalahan membunuh. Adalah disyorkan bahawa Kerajaan menimbangkan moratorium ke atas hukuman mati atau menggantikannya dengan hukuman penjara seumur hidup, terutamanya bagi mereka yang telah menjalani hukuman tersebut melebihi tempoh lima tahun.

- *Artikel 9 (Tangkapan atau penahanan secara sewenang-wenangnya)*

Peserta merasakan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 boleh dieksploitasi kerana polis mempunyai kuasa untuk menahan sesiapa yang dipercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan. Sebagai contoh, seksyen 4(5) menyatakan bahawa seorang pegawai polis yang berpangkat Supritenden boleh melanjutkan tempoh tahanan untuk tempoh maksimum 28 hari bagi maksud penyiasatan.

- *Artikel 22 (Kebebasan berserikat)*

Para peserta perbincangan melahirkan kebimbangan bahawa Pendaftar Pertubuhan mempunyai kuasa untuk menolak pendaftaran sesebuah persatuan, di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966. Adalah dipersetujui bahawa pendaftaran tersebut hendaklah semata-mata bagi tujuan pentadbiran dan bukan untuk menyekat kebebasan berserikat.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Di pihak Kerajaan, tidak timbul isu eksploitasi berhubung tangkapan. Asas sesuatu tangkapan adalah seperti mana Seksyen 23(1)(a) Kanun Prosedur Jenayah (KPJ). Sekiranya ada asas tersebut dan kesalahan yang berkenaan tergolong dalam kesalahan keselamatan (Bab VI & VIA) maka tangkapan boleh dilakukan berdasarkan peruntukan undang-undang.

Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 telah memberi kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan untuk menolak mana-mana permohonan pendaftaran pertubuhan yang

pada pendapatnya menyalahi undang-undang menurut Akta ini atau mana-mana akta bertulis lain yang mungkin digunakan bagi maksud menyalahi undang-undang atau maksud memudaratkan atau yang bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, ketenteraman atau akhlak di dalam negara atau juga yang boleh mengelirukan dari segi corak dan maksud pertubuhan tersebut namun Pendaftar Pertubuhan tidak menyekat atau menghalang kebebasan atau hak mana-mana warganegara untuk berpersatuan seperti yang termaktub di dalam Perkara 10 (c) Perlembagaan Persekutuan.

(ii) Perbincangan ICESCR

Mesyuarat bersama kumpulan masyarakat sivil dan agensi Kerajaan telah diadakan pada 27 Mac dan 22 Ogos di Kuala Lumpur. Perbincangan tersebut menumpukan kepada beberapa isu:

- *Artikel 13 dan Artikel 14 (Hak kepada pendidikan)*

KPM telah memperkenalkan skim 'Literasi and Numeracy Screening' untuk menangani kadar buta huruf yang tinggi di kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah menyumbang kepada peningkatan kadar celik huruf yang perlahan di kalangan pelajar OA. Adalah dicadangkan supaya guru-guru perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan asas Bahasa Orang Asal/Asli, bagi membantu pelajar lebih memahami pelajaran yang diajar.

- *Artikel 12 (Hak kepada kesihatan)*

- *Dalam membangunkan perkhidmatan penjagaan kesihatan, Kerajaan dilihat menganggap isu ini sebagai komoditi dan bukannya satu perkhidmatan yang penting. Turut diperkatakan bahawa hak kepada kesihatan adalah saling berkait dengan hak kepada pekerjaan yang baik, pendidikan dan kemiskinan.*

- *Terdapat ketidaksamaan pengagihan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan, terutamanya di kawasan pedalaman yang didiami oleh OA. Ia seolah-olah kelihatan bahawa perkhidmatan penjagaan kesihatan secara keseluruhannya bertambah baik, seperti yang terbukti melalui peningkatan jangka hayat. Walau bagaimanapun, taburan data berdasarkan kawasan geografi, jantina dan kumpulan etnik telah menunjukkan sebaliknya.*

- *Artikel 11 (Hak kepada perumahan yang mencukupi)*

- *Peserta telah membangkitkan kebimbangan berhubung pembinaan rumah untuk OA kerana pembinaan rumah tersebut tidak mengambil kira identiti budaya dan cara hidup mereka.*

- *Hak untuk perumahan yang mencukupi termasuklah keperluan lokasi yang membolehkan akses kepada pilihan pekerjaan, perkhidmatan penjagaan kesihatan, sekolah, pusat jagaan kanak-kanak dan fasiliti sosial yang lain. Walau bagaimanapun, komuniti OA yang telah dipindahkan dari tapak Empangan Bakun di Sarawak menghadapi beberapa masalah. Mereka mendakwa bahawa rumah yang dibina adalah tidak berkualiti, selain kekurangan kemudahan asas seperti sekolah atau klinik. Penduduk kampung terpaksa bergerak ke kawasan penempatan semula Sungai Asap, yang agak jauh, untuk mengakses kemudahan tersebut.*

- *Hak untuk membentuk sebuah keluarga*

Golongan lesbian, gay, biseksual dan pasangan transgender tidak dibenarkan untuk mengambil anak angkat secara sah di Malaysia. Perkara ini melanggar hak mereka untuk membentuk sebuah keluarga. Selain itu, pekerja asing juga tidak dibenarkan untuk berkahwin semasa berada di Malaysia.

- *Hak kepada kebudayaan*

Akta Kerajaan Tempatan di Kelantan dan Terengganu melarang aktiviti kebudayaan tertentu seperti persembahan Mak Yong. Di samping itu, wanita Muslim yang berusia lebih daripada 18 tahun tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam mana-mana persembahan atau aktiviti kebudayaan.

- *Hak kepada pendidikan*

Jumlah kanak-kanak pelarian semakin meningkat di Malaysia. Undang-undang domestik tidak mengiktiraf hak mereka kepada pendidikan.

- *Hak kepada pekerjaan*

Wujud diskriminasi terhadap OA yang menerima gaji jauh lebih rendah berbanding pekerja migran.

- *Hak pekerja migran*
 - *Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia menggesa Kerajaan supaya merangka undang-undang untuk melindungi pekerja migran daripada majikan yang tidak bertanggungjawab, namun maklum balas tidak begitu memberangsangkan. Pada masa yang sama, penguatkuasaan undang-undang semasa adalah lemah. Sebagai contoh, walaupun dengan adanya Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273), masih terdapat banyak kes yang mana pekerja migran belum menerima pampasan.*
 - *Hospital dan klinik Kerajaan mengenakan caj yang tinggi kepada pekerja migran yang mendapatkan rawatan. Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan berpendapatan rendah yang turut dibebani dengan keperluan membayar levi.*
 - *Kuarters kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja migran secara amnya berada dalam keadaan teruk dan mempunyai kemudahan sanitasi yang kurang sempurna.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada Orang Asli melalui pelbagai kemudahan. Bagi masyarakat Orang Asli yang tinggal di pinggiran, mereka boleh mendapatkan perkhidmatan dari kemudahan kesihatan sedia ada sama ada di klinik kesihatan, klinik desa serta klinik bergerak. Manakala bagi masyarakat Orang Asli di pedalaman pula, Kerajaan memberi perkhidmatan kesihatan melalui Perkhidmatan Doktor Udara (PDU) dan juga Perkhidmatan Bergerak Orang Asli (PBOA). PDU dan PBOA akan membuat lawatan ke perkampungan Orang Asli di pedalaman sebulan sekali.

Buat masa ini, PDU memberi perkhidmatan kepada 63 buah kampung Orang Asli di pedalaman di kawasan Kuala Kangsar, Cameron Highlands dan Gua Musang. Manakala bagi PBOA pula, pasukan ini dibekalkan kenderaan pacuan 4 roda bagi memudahkan perjalanan ke kawasan pedalaman. Buat masa ini, 12 buah daerah mempunyai PBOA ini untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada Orang Asli di pedalaman.

Jabatan Perumahan Negara tidak terlibat dalam penyediaan rumah untuk komuniti OA Sarawak yang telah dipindahkan dari tapak Empangan Bakun. Ini adalah kerana perkara itu merupakan urusan Kerajaan Negeri Sarawak serta pihak-pihak yang berkaitan di peringkat Negeri semata-mata. Oleh yang demikian, maklum balas terperinci sekiranya diperlukan hendaklah diperolehi secara langsung dari pejabat Ketua Menteri Negeri Sarawak.

Dunia Islam dari negara-negara OIC termasuk Malaysia telah menolak untuk mengiktiraf LGBT dan SOGI semasa Majlis Hak Asasi Manusia PBB menganjurkan panel perbincangan berkenaan “Diskriminasi dan Keganasan Berdasarkan Orientasi Seksual dan Identiti Gender” pada 7 Mac 2012. Malahan penolakan untuk mengiktiraf LGBT dan SOGI ini ditegaskan lagi oleh Kerajaan semasa Sesi Penerimaan Hasil Laporan UPR ke-2 Malaysia pada 20 Mac 2014.

Deklarasi Hak Asasi Manusia Dalam Islam Kaherah (*Cairo Declaration on Human Rights in Islam* [CDHRI]) dan Perlembagaan Persekutuan menolak pengiktirafan terhadap LGBT dan SOGI dengan memperuntukkan bahawa jantina adalah terdiri daripada lelaki dan perempuan sahaja. Oleh yang demikian tiada jantina yang ketiga atau SOGI. Dalam hal ini, Kerajaan mengurus dan mengendalikan isu hak asasi manusia berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang, prinsip kesopanan dan kesusilaan serta ketetapan Hukum Syarak.

Kerajaan memberi hak sama rata dan tidak mendiskriminasikan mana-mana warganegara atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina sebagai mana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menjamin keselamatan, kehormatan dan hak asasi semua rakyat termasuk hak kanak-kanak. Berdasarkan Artikel 18 Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC), kanak-kanak memerlukan kedua-dua ibu dan bapa yang bertanggungjawab dalam membesarkan dan membimbing mereka. Jika hak penjagaan kanak-kanak diberi kepada golongan LGBT dan SOGI, maka ia akan menafikan hak kanak-kanak yang secara fitrahnya memerlukan kasih sayang dari ibu bapa.

Bagi Akta Kerajaan Tempatan Negeri Terengganu terkini, tiada larangan khusus berkenaan larangan aktiviti kebudayaan tertentu seperti Mak Yong dan juga larangan ke atas wanita Muslim yang berusia 18 tahun ke atas daripada mengambil bahagian di dalam mana-mana persembahan atau aktiviti kebudayaan.

Walau bagaimanapun, di Kelantan, aktiviti kebudayaan tertentu seperti persembahan Mak Yong adalah dilarang kerana terdapat unsur-unsur yang bertentangan dengan prinsip-prinsip dan ajaran agama Islam. Walau bagaimanapun, larangan terhadap aktiviti kebudayaan tersebut akan terhenti sekiranya Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan di bawah Kerajaan Negeri Kelantan mendapati bahawa aktiviti tersebut tidak bercanggah dengan hukum agama Islam. Manakala wanita Muslim yang berusia lebih daripada 12 tahun yang dilarang dari membuat sebarang persembahan di khalayak ramai kerana wanita yang berumur melebihi 12 tahun adalah merupakan aurat disisi ajaran Islam. Perkara ini telah menjadi dasar kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Bagi isu pendidikan kepada anak-anak pelarian, KPM adalah tertakluk kepada Arahan 23 Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Berdasarkan Perintah Gaji Minimum 2012, mana-mana pekerja (tanpa mengira status sama ada OA atau pekerja migran) yang jatuh di bawah definisi pekerja di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) hendaklah dibayar gaji minimum pada kadar:

- RM900.00 sebulan atau RM4.33 sejam bagi Semenanjung Malaysia; atau
- RM800.00 sebulan atau RM3.85 sejam bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam hal ini, tidak timbul isu diskriminasi dari segi gaji yang patut diterima di antara OA dan pekerja migran. Mana-mana pekerja boleh memfailkan aduan di Jabatan Tenaga Kerja (JTK) jika mereka dibayar gaji minimum kurang daripada kadar yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Selain itu, Konvensyen 100 Pertubuhan Buruh Antarabangsa menggariskan supaya setiap orang mendapat gaji yang sama bagi kerja yang sama.

Dari segi hak, OA, pekerja migran dan pekerja bukan pemastautin menerima faedah dan perlindungan yang sama di bawah undang-undang buruh sedia ada. Kementerian berpandangan tidak perlu mewujudkan undang-undang berasingan untuk melindungi pekerja migran kerana undang-undang yang ada pada masa ini adalah memadai. Di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 pula, majikan bertanggungjawab di bawah seksyen 13(2) untuk melaporkan kemalangan dalam tempoh 10 hari daripada tarikh kemalangan kepada JTK untuk membolehkan tindakan diambil.

Semua pekerja warganegara asing yang bekerja di Malaysia adalah diwajibkan mendapat perlindungan di bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA), kecuali pekerja asing di sektor perladangan kerana pekerja di sektor ini tertakluk di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Di bawah skim ini pekerja warganegara asing diwajibkan mengambil polisi insurans Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) dengan jumlah perlindungan sebanyak RM10,000.00 setahun dan bayaran premium insurans sebanyak RM120.00 setahun bagi setiap seorang pekerja asing yang ditanggung oleh majikan.

Bagi majikan ladang di Semenanjung Malaysia, mereka tidak diwajibkan untuk membina rumah/kuarters untuk pekerja. Walau bagaimanapun, sekiranya rumah/kuarters dibina, ia hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja Ladang 1990 (Akta 446). Bagi pekerja migran pula, dasar telah menetapkan bahawa majikan perlu menyediakan penginapan yang munasabah untuk didiami oleh pekerja migran.

Bagi Sabah dan Sarawak, Akta 446 tidak terpakai. Di bawah Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76), mana-mana majikan yang hendak memohon lesen untuk menggaji pekerja bukan pemastautin hendaklah menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi. Selain itu, di bawah Garis Panduan Pemerosesan Lesen Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin, syarat telah ditetapkan bahawa majikan hendaklah menyediakan kemudahan penginapan mencukupi untuk pekerja bukan pemastautin yang digaji oleh mereka.

(iii) Perbincangan ICERD

Perbincangan secara berasingan telah diadakan di Kuala Lumpur pada 3 April bersama dua kumpulan pihak berkepentingan. Mereka menyetengahkan isu seperti berikut:

- Keistimewaan Khas bagi Bumiputera di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan boleh menjadi isu penyertaan Malaysia kepada ICERD walaupun telah dihujah bahawa ianya boleh diselaraskan dengan peruntukan yang membenarkan langkah-langkah khas.*
- Dasar yang memberi keutamaan kepada Bumiputera boleh ditafsirkan sebagai diskriminasi. Ia berkaitan dengan perniagaan, pendidikan, pekerjaan dalam sektor awam dan pemilikan harta.*
- Sesetengah undang-undang yang mungkin dianggap diskriminasi, khususnya yang melibatkan pemilikan Tanah Rizab Orang Melayu dan sekatan ke atas pemilikan tanah di negeri-negeri tertentu sebagai contoh negeri Sarawak dan Kelantan yang mengehendkan pemilikan tanah kepada rakyat di negeri tersebut.*
- Kebanyakan orang Melayu percaya bahawa prinsip hak asasi manusia adalah bercanggah dengan ajaran Islam dan dengan itu ia adalah tidak relevan kepada Malaysia. Perbincangan ini juga mendapati bahawa Islam tidak sepatutnya dijadikan penghalang. Adalah menjadi tanggungjawab kumpulan masyarakat sivil untuk mendidik orang ramai mengenai kesesuaian prinsip hak asasi manusia dan ajaran Islam, manakala pakar dalam bidang undang-undang Syariah dan hak asasi manusia perlu mengkaji isu yang timbul.*

- *Terdapat keperluan kepada kehendak dan ketelusan politik untuk memastikan bahawa langkah-langkah khas diterima oleh kumpulan sasaran dan tidak disalahgunakan oleh golongan elit.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Orang Melayu sebagai penganut Islam menerima prinsip hak asasi manusia kerana agama Islam mengiktiraf dan melindungi prinsip-prinsip kebebasan dan hak asasi manusia selagi mana ia selaras dengan Hukum Syarak. Warganegara Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama menolak hak asasi manusia yang bercanggah dengan kedudukan Islam menurut Fasal 3(1) Perlembagaan Persekutuan dan nilai-nilai kesederhanaan di dalam budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Dalam hal ini Kerajaan mengurus dan mengendalikan isu hak asasi manusia berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang, prinsip kesopanan dan kesusilaan serta ketetapan Hukum Syarak. Untuk itu dalam mempertimbangkan isu hak asasi manusia, ciri-ciri khas negara Malaysia termasuk sejarah, budaya, sosial serta agama mestilah diambil kira. Ini penting bagi mengekalkan keharmonian rakyat di negara ini yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

Sehubungan itu, dalam usaha untuk mempromosikan hak asasi manusia, beberapa program telah dianjurkan oleh jabatan/agensi Kerajaan bagi membincangkan mengenai hak asasi dari perspektif Islam dan memperjelaskan kedudukan dan pendirian Islam dalam isu-isu hak asasi manusia. Antara program tersebut ialah:

- i. Seminar Hak Asasi Manusia dan Islam di Malaysia: Teori, Hakikat Semasa dan Hala Tuju Masa Depan
Tarikh: 27-28 November 2013
Tempat: Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
Anjuran: IKIM dengan kerjasama SUHAKAM
- ii. Forum Kebangsaan Hak Asasi Kemanusiaan Dalam Tradisi Islam
Tarikh: 24 Januari 2014
Tempat: Dewan Muktamar, Pusat Islam Kuala Lumpur
Anjuran: JAKIM, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
- iii. Seminar Islam dan Hak Asasi Manusia
Tarikh: 12 Mac 2013
Tempat: Bilik Senat, Bangunan Canselori, UKM
Anjuran: YADIM dan Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM

Di samping itu, buku bertajuk 'Hak Asasi Kemanusiaan Dalam Tradisi Islam' yang ditulis oleh Prof. Dr. Muddathir Abd Al-Rahim, Fellow Utama Akademik, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) telah dilancarkan semasa program Forum Kebangsaan Hak Asasi Kemanusiaan itu berlangsung.

Penerangan juga diberikan dalam bentuk penulisan rencana yang disiarkan dalam media termasuk media cetak dan media baharu. Program-program penjelasan disusun secara berterusan bertujuan mempromosikan hak asasi manusia dan memberi pendidikan kepada masyarakat mengenai perkara tersebut.

(d) Penyemakan Undang-Undang

Menteri dan pegawai kanan Kerajaan telah menyatakan sebelum ini bahawa Suruhanjaya dan kumpulan masyarakat sivil akan dirujuk terlebih dahulu dalam proses perancangan Kerajaan untuk menyemak semula undang-undang dan dasar. Pada hakikatnya, khususnya pada tahun yang diteliti, Suruhanjaya tidak dirujuk pada mana-mana proses berkenaan. Oleh itu, Suruhanjaya menegaskan bahawa Artikel 2 Prinsip Paris mengkehendaki Institusi Hak Asasi Manusia Nasional diberi mandat yang sesuai agar dapat menyalurkan pendapat dan syor kepada Kerajaan, Parlimen atau badan lain yang bertanggungjawab mengenai hal-hal perundangan atau pentadbiran.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Menyedari kepentingan untuk mengadakan rundingan awam sebelum sesuatu pindaan kepada undang-undang dilakukan, Kerajaan telah melaksanakan beberapa perubahan dengan mula mengadakan rundingan atau *engagement* dengan pihak-pihak berkenaan sebelum melakukan apa-apa pindaan undang-undang. Sebagai contoh, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengadakan sesi *engagement* bersama NGO berhubung Kajian Semua Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 pada 3 dan 4 April 2014 bertempat di Hotel Concord, Shah Alam yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri. Selain NGO, parti politik, kumpulan agama, ahli akademik dan pengamal undang-undang turut dijemput untuk memberikan pandangan berkenaan perkara tersebut.

Manakala di pihak kehakiman, bagi pindaan kepada Akta-Akta, Mahkamah sebagai salah satu cabang kerajaan yang tidak terikat kepada mana-mana pihak (*independent*) mempunyai kuasa untuk mentafsirkan undang-undang berasaskan prinsip-prinsip keadilan.

(i) Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013

Dengan mengulangi sokongannya terhadap usaha Kerajaan untuk menangani jenayah yang serius, Suruhanjaya telah menyatakan reservasi kepada pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959, seperti yang digambarkan di dalam Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013. Suruhanjaya berpendapat bahawa sesetengah peruntukan, khususnya yang berkaitan dengan penahanan tanpa bicara dan akses kepada peguam, adalah tidak selaras dengan prinsip asas hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Pindaan kepada seksyen 9(1) yang mengkehendaki laporan inkuiri dikemukakan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah (Lembaga) dan bukannya kepada Menteri. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya memandang serius mengenai seksyen baru 9(5) dan 9A(2) yang mana menafikan hak seseorang untuk mendapatkan akses kepada peguam sepertimana yang dijamin oleh Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 7 UDHR. Seksyen 7C memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengeluarkan perintah tahanan terhadap seseorang yang telah melakukan dua atau lebih kesalahan yang serius, sama ada dia telah disabitkan atau tidak, dan hanya semata-mata atas keterangan yang mencukupi. Suruhanjaya berpendapat bahawa perkara ini melanggar hak seseorang kepada perbicaraan yang adil dan perlindungan terhadap perbicaraan yang berulang, serta hak kepada kesaksamaan di sisi undang-undang dan dianggap sebagai tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah, sepertimana yang ditetapkan di bawah Perkara 7(2) dan 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen 15A menghalang semakan kehakiman terhadap keputusan Lembaga kecuali mengenai perkara prosedur, sekali gus menafikan hak individu yang terkilan kepada akses mahkamah dengan segala jaminan yang perlu untuk pembelaannya. Dalam usaha Kerajaan untuk memerangi jenayah, adalah penting untuk memastikan bahawa undang-undang yang digubal adalah bersifat progresif dan bukannya retrogresif. Harus diingatkan bahawa Malaysia merupakan anggota kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB; oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah mendukung standard tertinggi dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Suruhanjaya mendapati adalah penting bagi Kerajaan untuk menyemak semula pindaan dengan mengambil kira prinsip hak asasi manusia, iaitu:

- *Penahanan hendaklah tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya;*
- *Penahanan hendaklah berdasarkan asas dan prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang;*
- *Maklumat hendaklah diberikan berhubung asas penahanan; dan*
- *Hak kepada perbicaraan yang adil dan akses kepada peguam perlu didukung dan dilindungi.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Menyedari bahawa Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 ini digubal di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan penahanan subjek di luar tatacara jenayah dan undang-undang keterangan yang biasa, maka Kerajaan telah menyediakan beberapa peruntukan dalam melindungi hak asasi manusia seperti berikut:

- (i) memasukkan peruntukan supaya suatu laporan tahunan mengenai pelaksanaan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 dibentangkan kepada Parlimen;
 - (ii) memperkenalkan '*sunset clause*' di mana peruntukan mengenai perintah tahanan hendaklah dikaji semula setiap lima (5) tahun dan hendaklah terhenti berkuat kuasa melainkan selepas kajian, satu resolusi diluluskan oleh kedua-dua dewan Parlimen untuk melanjutkan tempoh operasi bagi perintah tahanan; dan
 - (iii) membenarkan subjek membuat permohonan *habeas corpus* mengenai pematuhan syarat-syarat dan prosedur di dalam Akta yang berkaitan.
- (iii) *Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013 (SOSMA)*

Antara pindaan Akta tersebut ialah berkenaan Jadual Pertama kepada SOSMA dengan memasukkan dua kesalahan keselamatan yang baru: iaitu jenayah terancang di bawah Bab VIB Kanun Keseksaan dan penyeludupan migran di bawah Bahagian IIIA Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Memandangkan rangka kerja dan objektif SOSMA adalah untuk menangani aktiviti pengganas, Suruhanjaya berpendapat bahawa ia akan menjadi lebih sesuai bagi tertuduh dalam kes jenayah terancang dan penyeludupan migran untuk disiasat, didakwa dan dihukum di bawah undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

SOSMA adalah merupakan suatu bentuk prosedur penangkapan. Walau bagaimanapun, tertuduh akan didakwa di bawah Kanun Keseksaan dan undang-undang lain yang berkaitan termasuk Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM).

(e) Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran (ATIP)

Malaysia diletakkan di Kedudukan Kedua, Senarai Pemerhati oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) dalam Laporan Pemerdagangan Orang (TIP) 2013, bagi tahun keempat berturut-turut. Hal ini adalah disebabkan oleh kegagalan Negara untuk mematuhi sepenuhnya standard minimum untuk membanteras pemerdagangan orang di bawah Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Amerika Syarikat 2000 (TVPA). Suruhanjaya telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (PMB) dengan NGO serta wakil diplomat untuk membincangkan isu berterusan berkenaan dengan pemerdagangan orang. Suruhanjaya juga telah melawat rumah perlindungan bagi mangsa pemerdagangan di Sabah.

Syor Suruhanjaya

- 1. Kerajaan perlu mengukuhkan mekanisme dalam mendakwa pesalah, melindungi mangsa dan mencegah pemerdagangan orang. Ini perlu dilakukan dengan kerjasama kumpulan masyarakat sivil dan wakil diplomat, serta pihak berkepentingan antarabangsa dan serantau.*
- 2. NGO perlu disediakan satu saluran untuk menawarkan kepakaran mereka kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), kerana kebanyakan mangsa lebih cenderung untuk mendekati anggota masyarakat sivil bagi mendapatkan bantuan.*
- 3. Semua mangsa perlu diberi pemeriksaan kesihatan segera setibanya di rumah perlindungan serta menerima lawatan berkala oleh kakitangan perubatan.*
- 4. Sebuah mahkamah khas perlu diwujudkan bagi mempercepatkan penyelesaian kes yang berkaitan dengan ATIP. Mangsa perlu dimaklumkan mengenai status kes mereka.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sekretariat Majlis Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) mengalu-alukan keprihatinan SUHAKAM dalam isu pemerdagangan orang khususnya dalam pelaksanaan inisiatif melalui program/ aktiviti yang berkaitan pada tahun 2013. Namun begitu, adalah diharapkan supaya SUHAKAM melibatkan Sekretariat MAPO dan ahli-ahli MAPO yang berkaitan dalam sebarang program/ aktiviti mengenai pemerdagangan orang di masa hadapan kelak.

Standard Operating Procedure (SOP) Penguatkuasaan dan SOP Pendakwaan bagi Kes-Kes Pemerdagangan Orang telah dilancarkan pada November 2013 sebagai panduan kepada agensi penguatkuasa dan pendakwa raya bagi meningkatkan kualiti penyiasatan dan pendakwaan kes-kes pemerdagangan orang.

Selain itu, Sekretariat MAPO telah menyalurkan sejumlah peruntukan pada bulan Mac 2014 kepada KPWKM sebagai dana permulaan bagi pelaksanaan Projek Rintis Rumah Pelindungan Mangsa Pemerdagangan Orang dengan sokongan NGO. Dalam hal ini, kepakaran NGO dalam aspek pemerdagangan orang adalah dialu-alukan bagi menyokong dan menjayakan Projek Rintis ini.

Sekretariat MAPO juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Kementerian Kesihatan bagi memastikan pemeriksaan kesihatan kepada mangsa pemerdagangan orang dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Berkenaan dengan syor di perenggan 4 untuk mewujudkan sebuah Mahkamah Khas berkaitan *Anti-Trafficking In Person* (ATIP), Sekretariat MAPO telah memulakan perbincangan dengan Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan bagi memperhalusi cadangan mewujudkan Mahkamah Khas bagi Kes-Kes Pemerdagangan Orang. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) merujuk kepada statistik pendaftaran kes-kes ATIP untuk seluruh negara dari bulan Januari hingga April 2014 yang mana adalah berjumlah 60 kes sahaja. Purata pendaftaran kes bagi setiap negeri dalam tempoh tersebut adalah di antara 1 hingga 2 kes sebulan. Merujuk kepada jumlah pendaftaran kes tersebut PKPMP berpendapat masih belum ada keperluan untuk menubuhkan Mahkamah Khas ATIP buat masa ini.

(f) Pindaan Kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999

Pada tahun 2012, Suruhanjaya telah mengesyorkan satu pindaan terhadap kuasanya untuk melawat tempat tahanan dengan membenarkan lawatan mengejut. Pada tahun 2013, Suruhanjaya sekali lagi telah mengulangi cadangan tersebut. Selanjutnya, Suruhanjaya mengesyorkan agar Kerajaan mempertimbangkan cadangannya dalam pemilihan dan tempoh pelantikan

Anggota Suruhanjaya, sama ada untuk melantik Anggota Suruhanjaya secara tetap atau separuh masa, kuasa untuk campur tangan dalam kes mahkamah, kuasa untuk bertindak sebagai pengantara, perbincangan Laporan Tahunan Suruhanjaya di Parlimen, dan untuk melibatkan Suruhanjaya dalam penggubalan dan pindaan undang-undang.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan memaklumi hasrat SUHAKAM supaya dibuat pindaan kepada Akta SUHAKAM seperti yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, perbincangan lanjut mengenainya dengan pihak-pihak terbabit perlulah dilakukan terlebih dahulu.

Dalam prosiding di Mahkamah sekarang, pihak-pihak boleh membuat permohonan untuk *amicus curae* dan tertakluk kepada budibicara Hakim yang mendengar kes tersebut.

II. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA

1. JAWATANKUASA PENYELARAS ANTARABANGSA BAGI INSTITUSI- INSTITUSI NASIONAL UNTUK PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA (ICC)

Akta penubuhan Suruhanjaya – Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Akta 597) – telah dipinda sebanyak dua kali pada tahun 2009 untuk memenuhi syor SCA yang dikemukakan dalam pengakreditasian semula Suruhanjaya lepas. Suruhanjaya bercadang untuk mengemukakan satu kertas cadangan untuk pertimbangan Kerajaan untuk:

- Mengukuhkan proses pemilihan anggota Suruhanjaya;*
- Melantik Anggota Suruhanjaya sepenuh masa dan/atau Anggota Suruhanjaya sambilan;*
- Memanjangkan penggal perkhidmatan Anggota Suruhanjaya;*
- Membolehkan Suruhanjaya menjalankan lawatan tanpa notis ke tempat tahanan;*
- Membolehkan Suruhanjaya menjalankan mediasi;*
- Melibatkan Suruhanjaya dalam penggubalan atau pindaan undang-undang menerusi satu proses konsultasi formal oleh Kerajaan;*
- Memastikan dana yang mencukupi diperuntukkan kepada Suruhanjaya setiap tahun melalui Parlimen;*

- *Membolehkan Suruhanjaya memainkan peranan sebagai amicus curiae dalam kes mahkamah terpilih yang melibatkan dakwaan pencabulan hak asasi manusia; dan*
- *Memastikan Laporan Tahunan Suruhanjaya dibahaskan di Parlimen.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil maklum bahawa peranan SUHAKAM adalah penting dalam perjuangan hak-hak asasi manusia di Malaysia dan oleh itu, kerajaan telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan SUHAKAM untuk memahami lebih mendalam mengenai cadangan pindaan terhadap Akta SUHAKAM berkenaan. Kerajaan sedang dalam proses mengumpul maklum balas dari Kementerian dan agensi yang berkenaan bagi pertimbangan dan keputusan Jemaah Menteri.

2. MAJLIS HAK ASASI MANUSIA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (HRC)

Kenyataan Suruhanjaya mengenai Orang Asal menekankan kepentingan mengiktiraf hak tanah adat orang Asal, prinsip keizinan berasaskan makluman awal, bebas dan telus, dan pemakaian pendekatan berasaskan hak asasi manusia kepada pembangunan dalam memastikan hak orang Asal dilindungi. Suruhanjaya juga menyeru Kerajaan untuk memberi pertimbangan yang serius dan segera untuk menerima pakai dan melaksanakan syor dalam Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal di Malaysia. Kedua-dua kenyataan diterima baik oleh pihak berkepentingan dan NHRI dari negara lain.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pasukan Petugas Khas mengambil maklum atas syor-syor SUHAKAM berkaitan Laporan NI tersebut. Pendekatan-pendekatan yang sesuai akan dimasukkan dalam Laporan Pasukan Petugas Khas berhubung Inkuiri Nasional.

4. FORUM KOMANWEL INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (COMMONWEALTH FORUM OF NATIONAL HUMAN RIGHTS INSTITUTIONS [CFNHRI])

CFNHRI merupakan satu platform bagi membina rangkaian di kalangan mekanisme akauntabiliti negara dan berkongsi maklumat melalui pengalaman dan amalan terbaik hak asasi manusia. Pada bulan Mei, Suruhanjaya telah menjadi Pengerusi CFNHRI selepas penggal Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia selama dua tahun berakhir. Suruhanjaya akan berkhidmat selama dua tahun sehingga Mesyuarat Dwitahunan akan datang, yang dijadualkan berlangsung pada bulan Mac atau Mei tahun 2015.

Pada bulan Mei, Suruhanjaya telah menghadiri Mesyuarat Dwitahunan CFNHRI yang diadakan di Geneva. Suruhanjaya berpeluang untuk berkongsi dengan ahli lain tentang aktiviti Suruhanjaya mengenai hak warga emas, yang melibatkan perkhidmatan jagaan kepada golongan ini dan sokongan kepada penjaga.

Suruhanjaya juga menyeru Kerajaan, dalam menyediakan input, untuk mengadakan konsultasi secara meluas dan bermakna dengan pihak berkepentingan, termasuk kumpulan masyarakat sivil, bagi memastikan pandangan mereka didengari dan diambil kira.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan mengambil makluman mengenai Mesyuarat Dwitahunan CFNHRI yang diadakan di Geneva mengenai isu-isu yang melibatkan kepentingan yang berkaitan.

6. FORUM ASIA PASIFIK INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (APF)

Suruhanjaya mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh APF, terutamanya aktiviti yang berkaitan dengan latihan dan pembinaan kapasiti. Pada bulan September, APF menganjurkan sesi High-Level Dialogue untuk Suruhanjaya dengan dua pakar terkemuka hak asasi manusia – Prof Chris Sidoti, bekas Setiausaha-Agung dan Pesuruhjaya bagi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia, dan Puan Rosslyn Noonan, bekas Pengerusi ICC dan bekas Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia New Zealand. Kedua-dua pakar tersebut memberi pandangan mereka tentang bagaimana Suruhanjaya boleh memenuhi mandatnya dengan lebih berkesan.

Memandangkan Suruhanjaya telah memperolehi banyak manfaat sebagai ahli APF, Suruhanjaya mencadangkan agar Kerajaan memberikan sumbangan kewangan tahunan sebagai tanda sokongan terhadap usaha yang dijalankan oleh badan serantau tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kementerian Kewangan Malaysia melalui ulasan yang telah diberikan pada 27 Februari 2014 ke atas Memorandum Jemaah Menteri mengenai Cadangan Pemberian Sumbangan Tahunan Kepada Asia Pacific Forum On National Human Rights Institution (APF) telah bersetuju supaya Malaysia menjadi negara penyumbang kepada *Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions* dan menyumbang sebanyak USD50,000 (RM165,000) setahun mulai tahun 2014.

9. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Sejak tahun 2010, tahap perkembangan NHRAP adalah perlahan. BHEUU telah mengadakan mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu NHRAP pada bulan Disember. Jawatankuasa tersebut dipengerusi oleh YB Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan terdiri daripada wakil dari agensi kerajaan, Suruhanjaya dan ahli akademik.

Dalam mesyuarat tersebut, Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam, melahirkan kebimbangan mengenai ketiadaan wakil daripada kumpulan masyarakat sivil dalam Jawatankuasa Pemandu, dan mencadangkan bahawa mereka turut disertakan.

Walaupun Suruhanjaya mengalu-alukan cadangan Kerajaan yang bercita-cita tinggi untuk menangani pelbagai isu hak asasi manusia, Suruhanjaya ingin menekankan kepentingan NHRAP sebagai satu pelan yang praktikal dan boleh dicapai. Suruhanjaya juga mencadangkan agar pembangunan NHRAP tertakluk kepada satu proses konsultasi yang formal dan kerap dengan tujuan mendapatkan input daripada semua pihak berkepentingan. Tambahan pula, memandangkan pentingnya NHRAP, dan meskipun Kerajaan telah mencadangkan jangka masa untuk penyiapan NHRAP, Suruhanjaya menggesa Kerajaan agar mengutamakan Pelan tersebut.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah bersetuju supaya sebuah Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) dibangunkan bagi Malaysia. Perancangan dan pembangunannya telahpun dilakukan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri. Menyedari bahawa pelan ini merupakan sesuatu yang besar dan bermakna bagi negara, maka pembangunannya dirancang dengan berhati-hati dan tidak tergesa-gesa.

Pada masa sekarang, Jawatankuasa Pemandu Pembangunan NHRAP telahpun bermesyuarat dan 5 Jawatankuasa Teknikal mengikut teras telahpun ditubuhkan. Kajian dasar juga sedang dalam proses pelaksanaan dan antara aktiviti utama di bawah kajian dasar ini adalah kerjasama, konsultasi dan perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan di sektor Kerajaan dan bukan kerajaan termasuklah masyarakat sivil.



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

BAB 4

LAPORAN PEJABAT SABAH

LAPORAN PEJABAT SABAH

MUKA SURAT

- | | |
|-----|--|
| 141 | 1. PENYELESAIAN ADUAN |
| 142 | 3. FORUM MENGENAI HAK KEPADA PENDIDIKAN BAGI
KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN |
| 143 | 4. SEMINAR MENGENAI PERKHIDMATAN JAGAAN KEPADA
WARGA EMAS DAN SOKONGAN KEPADA PENJAGA |

1. PENYELESAIAN ADUAN

Aduan telah dikemukakan melalui memorandum, surat, email, telefon dan hadir sendiri ke Pejabat Sabah. Pejabat Sabah juga merekodkan kenyataan lisan oleh pengadu ketika sesi program 'Bertemu Rakyat' yang dianjurkan oleh Biro Pengaduan Awam Negeri dan Persekutuan. Daripada 235 aduan yang diterima pada tahun ini, kebanyakannya adalah berkaitan perkara tanah. Pejabat Sabah telah menyelesaikan 51 kes, manakala 142 kes masih dalam perhatian dan 42 kes didapati tidak memerlukan sebarang tindakan lanjut.

Pejabat Sabah secara konsisten telah membawa ke perhatian Pejabat Tanah mengenai kesulitan yang dihadapi oleh Anak Negeri (OA) terutamanya berkaitan dengan perkara Hak Tanah Adat (NCR). Syor Suruhanjaya:

- 1. Mana-mana pelan pembangunan/dasar tidak harus mengatasi hak-hak undang-undang OA. Keperluan mereka terhadap tanah untuk mengekalkan kehidupan dan cara hidup mereka harus diberi keutamaan.*
- 2. Proses rundingan secara terus dan telus seharusnya diadakan dengan OA sebelum sesuatu rancangan atau dasar pembangunan dilaksanakan. OA dan Ketua Kampung perlu dimaklumkan dengan maklumat lengkap dan dirunding untuk maklum balas.*
- 3. Pindah milik tanah secara besar-besaran kepada agensi kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu dikaji semula. Adalah didapati bahawa kebanyakan daripada OA telah kehilangan tanah adat mereka kepada entiti ini tanpa notis atau pampasan.*
- 4. Pejabat Tanah / Penolong Pemungut Hasil Tanah harus memberi keutamaan kepada permohonan dari OA bagi inkuiri tanah.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa, pihak Kerajaan Negeri telah mengambil maklum semua syor/isu yang dibangkitkan di dalam 1 Penyelesaian Aduan dan Syor Suruhanjaya 1 hingga 4.

3. FORUM MENGENAI HAK KEPADA PENDIDIKAN BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN

Pejabat Sabah dengan kerjasama Kumpulan Penyelidikan & Pembangunan Dasar (RPDG) telah menganjurkan forum melibatkan 230 peserta di Kota Kinabalu pada 24 September. Para penceramah terdiri daripada wakil Jabatan Pelajaran Negeri, Jabatan Perkhidmatan Masyarakat, Jabatan Kesihatan, Sekolah Swasta Khas, dan Persatuan Ibu Bapa. Peserta yang terdiri daripada wakil kerajaan dan masyarakat sivil, pengetua sekolah, guru dan ibu bapa telah mengemukakan beberapa isu:

- *Kerajaan perlu menambahkan peruntukan untuk Sekolah Khas;*
- *Kurikulum perlu dikaji semula untuk disesuaikan dengan keperluan pelajar khas;*
- *Kerajaan perlu menyediakan guru-guru terlatih untuk Sekolah Khas; dan*
- *Kemudahan asas di Sekolah Khas perlu diberikan perhatian segera terutamanya di kawasan pedalaman.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum dengan cadangan penambahan peruntukan sedia ada yang mana ia bergantung kepada peruntukan semasa Kerajaan dan kelulusan agensi pusat.

Bahagian Pembangunan Kurikulum telah menyediakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBK). Kurikulum ini telah mula digunapakai sejak tahun 2011.

Program latihan telah dirancang dan dilaksanakan pada tahun 2014 mengikut Pelan Operasi Latihan Guru dan PPM. Latihan ini diberikan secara berterusan pada setiap tahun dengan menggunakan peruntukan daripada Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM).

Kerajaan juga melalui KPM secara berperingkat sedang dalam usaha bagi menaik taraf kelas terutama di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) seluruh negara melalui peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke10. Pada tahun 2013, sebanyak 197 PPKI telah dinaik taraf dan pada tahun 2014 sebanyak 191 PPKI lagi sedang dinaik taraf.

Selaras dengan skop dan bidang kuasa sebagai mana yang telahpun diperuntukkan di dalam peraturan-peraturan dan Undang-Undang yang sedia ada dan berkuatkuasa, Kerajaan Negeri Sabah telah mengambil maklum semua isu dan perkara yang ditimbulkan dan akan bertindak selaras dengan dan mengikut peraturan-peraturan dan Undang-Undang yang sedia ada dan berkuatkuasa.

Berkaitan dengan isu-isu dan perkara dibangkitkan yang melibatkan hak penggunaan dan pemilikan tanah oleh Anak Negeri/Orang Asal, sejauh mana yang melibatkan Sabah, beberapa tindakan konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri antaranya mengeluarkan 62 Geran Komunal (*Communal Title*) dengan keluasan 83,006.85 ekar di atas nama 8039 orang benifisiari (*Beneficiary*) Anak Negeri bermula tahun 2010 hingga 2013. Sebanyak 13 lagi Geran Komunal sedang dalam proses kelulusan melibatkan keluasan tanah 13, 433 ekar atas nama 1235 orang benifisiari Anak Negeri. Di bawah Geran Komunal ini, semua syarat-syarat dan kuat kuasa undang-undang yang berlaku ke atas mana-mana geran tanah di negara ini, juga berlaku dan berkuatkuasa ke atas Geran Komunal, kecuali untuk menjual atau mencagarkan geran berkenaan.

4. SEMINAR MENGENAI PERKHIDMATAN JAGAAN KEPADA WARGA EMAS DAN SOKONGAN KEPADA PENJAGA

Pejabat Sabah dengan kerjasama RPDG telah menganjurkan seminar setengah hari mengenai Perkhidmatan Jagaan kepada Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga, pada 24 September di Kota Kinabalu. Seramai 120 orang peserta mewakili kerajaan dan kumpulan masyarakat sivil telah hadir. Para penceramah terdiri daripada Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat dan Jabatan Perkhidmatan Sosial, Persatuan Peguam Sabah, dan Majlis Warga Emas Sabah. Tiga kertas kerja telah dibentangkan semasa perbincangan dan beberapa kebimbangan telah dibangkitkan:

- Ahli keluarga tidak harus menganggap ibu bapa sebagai pengasuh anak-anak mereka*
- Warga emas akan memerlukan bantuan kewangan kerana kebanyakannya tidak mempunyai dana persaraan.*
- Warga emas terpaksa menunggu lama dan lewat mendapatkan perkhidmatan khususnya di hospital kerajaan.*

- *Penyakit seperti kencing manis, hipertensi dan penyakit jantung merupakan penyakit biasa bagi kumpulan umur ini. Oleh itu, perkhidmatan kesihatan, termasuk pemeriksaan kesihatan, harus disediakan dan senang diakses oleh warga emas.*
- *Perkhidmatan pengangkutan awam haruslah bersifat mesra warga emas, selain turut disediakan di kawasan pedalaman.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memberikan keutamaan dari segi bantuan kebajikan masyarakat kepada warga emas yang miskin. Ini terbukti di mana KAR1SMA Warga Emas atau Bantuan Orang Tua (BOT) merupakan skim bantuan kebajikan yang terbesar daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan. Pada tahun 2013, JKJM membelanjakan sebanyak RM540 juta bagi memberi bantuan kebajikan kepada 142,124 orang warga emas di seluruh negara. Ini merupakan 35% daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan masyarakat pada tahun 2013. Sesungguhnya bantuan ini adalah satu inisiatif keprihatinan kerajaan bagi membantu warga emas menampung sebahagian kos sara hidup. Apa yang penting ialah sokongan anak dan ahli keluarga supaya ibu bapa mereka dapat hidup sihat sejahtera.

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan kaunter pendaftaran bagi warga emas di semua hospital kerajaan dan juga klinik-klinik kesihatan serta pakar. Sistem *Stagger Time Appointment* juga diperkenalkan bagi mengurangkan masa menunggu pesakit dan mengelakkan kesesakan.

Pelbagai inisiatif turut diperkenalkan oleh kerajaan melalui KKM untuk penjagaan kesihatan warga emas. Hospital dan klinik-klinik kesihatan KKM menyediakan perkhidmatan yang merangkumi pendidikan dan promosi kesihatan, pengesanan awal penyakit melalui saringan dan penilaian tahap kesihatan, pemeriksaan perubatan, kaunseling, khidmat rawatan serta rujukan juga perkhidmatan rehabilitasi iaitu fisioterapi dan terapi cara kerja (*occupational therapy*). Pada tahun 2012, kerajaan memperkenalkan pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta klinik pergigian milik kerajaan. Sebagai susulan kepada insentif tersebut jua, kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi pengecualian tambahan kepada warga emas bagi caj pendaftaran Jabatan Pesakit Luar Pakar sebanyak RM5 dan pengurangan caj pesakit kelas 3 sebanyak 50% dengan caj maksimum sebanyak RM250 bagi setiap kemasukan di hospital dan klinik kerajaan. Pengecualian ini telah berkuat kuasa mulai 1 Mei 2012.

Pada 28 Mei 2012 juga, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa KKM akan mengadakan pemeriksaan kesihatan berkala kepada penghuni di 48 pusat

jagaan warga emas yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Seterusnya, pada bulan Ogos 2012, program ini telah diperluaskan melalui *National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS 7) 1Malaysia Family Care* di mana KKM telah melaksanakan perkhidmatan saringan kesihatan serta rawatan untuk warga emas yang tinggal di institusi, terlantar di rumah serta latihan kepada penjaga warga emas yang terlantar di rumah. Selain warga emas, NBOS 7 juga difokuskan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan ibu tunggal.

Bagi tahun 2013, seramai 11,294 orang warga emas yang tinggal di institusi telah menjalani saringan kesihatan manakala seramai 13,543 orang warga emas menerima rawatan susulan. Selain itu, 4,005 orang warga emas yang terlantar di rumah telah menjalani saringan kesihatan dan seramai 12,725 orang menerima rawatan. Seramai 11,701 orang penjaga warga emas yang terlantar di rumah juga telah dilatih bagi tempoh tersebut.

Di samping itu, KPWKM menerusi JKM telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) bagi memenuhi keperluan warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik kesihatan. Semasa peringkat awal pewujudan perkhidmatan UPWE pada tahun 2008, hanya terdapat seramai 239 orang warga emas yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Bilangan tersebut telah meningkat kepada 2,042 orang warga emas pada akhir tahun 2013.

Selain itu, selaras dengan halatuju baru Kerajaan, KKM dengan kerjasama agensi Kerajaan dan NGO juga akan melaksanakan perkhidmatan perjagaan domisilari di peringkat kesihatan primer bagi membawa perkhidmatan kesihatan lebih dekat kepada pesakit melalui lawatan pasukan kesihatan yang terdiri daripada pelbagai disiplin kepakaran.

Di peringkat negeri Sabah sendiri, mereka yang memerlukan bantuan kewangan sentiasa diberikan bantuan oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah. Mereka perlu datang memohon ke pejabat Perkhidmatan Kebajikan Am di daerah-daerah yang terdekat dengan tempat tinggal mereka. Setakat Mei 2014, seramai 29,383 orang diseluruh negeri Sabah mendapat bantuan Orang Tua daripada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah. Pada tahun 2013, seramai 32,857 orang tua di Sabah diberikan Bantuan Orang Tua dengan perbelanjaan sebanyak RM140,000,400.00.

Berkaitan dengan pusat pengasuhan di Sabah, setakat Mei 2014 bagi seluruh Sabah terdapat sebanyak Taska Institusi (Swasta): 165 buah, Taska Di Rumah (13 buah berdaftar sejak tahun 2012), Taska Di Tempat Kerja (11 buah), Taska 1 Malaysia (2 buah), Taska OKU (1 buah).

Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah juga telah memberikan bantuan subsidi kepada ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke Taska seperti:

1. Subsidi Taska Di Tempat Kerja sebanyak RM180.00 bagi ibubapa yang berpendapatan RM5000 ke bawah (bagi kakitangan Federal sahaja)
2. Subsidi Yuran Pengasuhan khas kepada ibubapa yang menghantar anak mereka ke Taska Institusi yang berdaftar sahaja mengikut kadar pendapatan perkapita RM900 ke bawah sahaja yang layak memohon.
3. Yuran Bantuan Khas TASKA juga diberikan kepada semua kanak-kanak berumur 4 tahun dan ke bawah dan masuk ke semua kategori taska yang berdaftar sahaja.



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

BAB 4

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

MUKA SURAT

149	1. PENYELESAIAN ADUAN
149	(a) Hal-Hal Tanah
152	2. FORUM MENGENAI HAK KEPADA PENDIDIKAN BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN
153	3. SEMINAR MENGENAI PERKHIDMATAN JAGAAN DAN SOKONGAN KEPADA WARGA EMAS DAN SOKONGAN KEPADA PENJAGA
156	4. MEMANTAU FASILITI
156	(a) Sekolah Khas
159	(c) Lokap Polis Sg Maong
160	(d) Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Miri
163	6. CERAMAH MENGENAI HAK ASASI MANUSIA
163	(a) Rumah Kanak-kanak, Serian, Kuching
163	(c) Orang Kurang Upaya, Miri

1. PENYELESAIAN ADUAN

(a) Hal-Hal Tanah

Pada 5 Februari, Pejabat Sarawak telah menerima memorandum daripada wakil perkampungan Iban dari Bahagian Mukah yang membuat aduan mengenai pencerobohan tanah mereka. Mereka mendakwa bahawa tanah tersebut telah dipajak sejak dari zaman kolonial dan telah ditanam dengan pokok sagu serta getah. Mereka mengadu tentang tindakan syarikat pembalakan yang telah menceroboh tanah dan merosakkan pokok tanpa pengetahuan mereka. Dalam kes Empangan Murum di Belaga, penduduk daripada lapan buah rumah panjang di kawasan tersebut telah menyatakan bahawa mereka tidak menentang projek tersebut, tetapi bimbang kerana terpaksa berpindah dari tanah dan hutan yang telah mereka bergantung untuk sara hidup dan mata pencarian. Pada 21 November, Suruhanjaya telah menerima memorandum daripada kaum Penan yang menuntut:

- Pelaksanaan prinsip keizinan berasaskan makluman awal, bebas & telus*
- Pelaksanaan proses penempatan semula*
- Menghormati tanah NCR mereka*
- Pemberian sempadan hutan simpan kegunaan komunal*
- Bayaran pampasan*
- Pembayaran royalti hasil keuntungan yang dijana daripada Empangan Murum*
- Penubuhan tabung pembangunan masyarakat serta tabung pendidikan*
- Penyediaan peluang pekerjaan*

Dalam aduan berlainan yang berkaitan tanah, mereka menyatakan bahawa nilai pampasan yang diterima tidak setara dengan nilai semasa hartanah atau tidak menerima sebarang pampasan. Tambahan pula, formula pengiraan pampasan tersebut tidak diperjelaskan kepada pemilik tanah. Suruhanjaya akan terus membuat susulan berkenaan isu ini. Dakwaan yang sama juga dibangkitkan semasa prosiding Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (NI) di Malaysia. Laporan NI tersebut telah diumumkan pada 5 Ogos, yang mengandungi syor daripada pihak Suruhanjaya bagi menangani permasalahan yang timbul.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Menangani Isu Ketidakseimbangan Pembangunan Tanah

Kerajaan Negeri menerima pakai *Human Rights-Based Approach* (HRBA) Bagi Pembangunan Dan Undang-Undang Izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMABT).

Sejajar piawaian antarabangsa, kerajaan menerima pakai Pendekatan Hak Asasi Manusia (PHAM/HRBA) bagi pembangunan dan mekanisma izin berasaskan makluman awal, bebas & telus (IMBAT/FPIC)

Tiada peruntukan dalam undang-undang yang memerlukan kerajaan mendapatkan *free, prior and informed consent* dalam melaksanakan projek pembangunan. Kerajaan negeri amat prihatin dan sentiasa mengambil berat berhubung dengan soal hak tanah adat bumiputera. Pelbagai program telah dirancang oleh kerajaan untuk memastikan hak tanah adat terpelihara dan dibangunkan secara maksimum.

Dalam kes *Bato Bagi & Ors v. Kerajaan Negeri Sarawak & Another Appeal [2011] 8 CLJ 766*, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara (pada masa itu), Tun Zaki Tun Azmi dalam kes ini jelas menyatakan bahawa:

“Although it was good practice to provide for pre-acquisition hearings, it was not for the court to make such an order. It was left for the authorities to do so, particularly in relation to NCRs lands. The court should not disturb the principles set out in S. Kulasingam & Anor v. Commissioner of lands, Federal Territory & Ors which established that if the law did not provide for pre-acquisition hearing, the claimant could not seek for such right.”

Presiden Mahkamah Rayuan, Yang Arif Arif Tan Sri Raus Shariff dalam kes yang sama turut menyatakan :

“The code provided no provision for a pre-extinguishment hearing. It only provided provision for hearing in respect of quantum of compensation payable. Since the code imposed no obligation to inform the natives that their lands would be extinguished or to invite them to make representations to the government, the government could not be said to have acted in contravention to of art. 13(2) FC (Kulasingam; refd). Prior consultation with the natives before extinguishment of their NCRs, although a right thing to do by the government, was not legal requirement. The failure of the government to do so did not make the act of extinguishment of the NCRs unconstitutional.”

Kerajaan juga sentiasa mengambil pandangan daripada semua pihak sebelum melaksanakan sesuatu projek pembangunan terutamanya yang berskala besar. Kerajaan turut membuat kajian yang teliti sebelum sesuatu projek pembangunan tersebut dilaksanakan.

Oleh itu, peranan dan tanggungjawab pelbagai lapisan masyarakat termasuk Temenggung, Pemanca, Penghulu dan Ketua Kaum amat signifikan supaya hasrat murni kerajaan dalam membangunkan sesuatu projek pembangunan dapat difahami dan diterima baik oleh setiap lapisan masyarakat. Selain itu, peranan pegawai Kerajaan di peringkat daerah dan bahagian juga amat penting dalam memastikan penyampaian maklumat yang tepat sama ada di peringkat daerah mahupun daerah kecil.

Kerajaan sedar bahawa walaupun bukan menjadi keperluan undang-undang, Kerajaan tetap prihatin untuk melaksanakan amalan terbaik bagi memastikan pihak-pihak yang berkepentingan mempunyai maklumat yang mencukupi tentang perkara ini. Dialog bersama penduduk setempat yang telah dan sedang dijalankan selama ini merupakan contoh terbaik yang menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat bersama Kerajaan dilaksanakan.

Remidi Bagi Tanah Yang Hilang: Kaji semula Pampasan

Peruntukan sedia ada di dalam Kanun Tanah Negeri Sarawak (KTNS) adalah memadai bagi menangani isu-isu pengambilan tanah seperti pembayaran pampasan. Pampasan yang ditawarkan kepada penuntut HAB tulen adalah munasabah dan ditentukan mengikut prosedur pengambilan balik tanah berdasarkan nilai pasaran semasa tanah tersebut.

Pampasan bagi pengambilan balik tanah merangkumi komponen seperti tanah, Bangunan/rumah, tanaman, elaun gangguan (*disturbance*), elaun perpindahan dan lain-lain pembangunan yang dibenarkan. Kaedah yang lazim dalam penentuan nilai pasaran semasa adalah menggunakan kaedah perbandingan (*comparable methods of valuation*) kaedah ini merupakan kaedah utama dalam penilaian tanah dan ianya digunapakai di negeri-negeri lain di Malaysia dan juga secara global.

KTNS mempunyai peruntukan yang membolehkan pampasan dibuat dalam bentuk tanah gantian. Kaedah ini diguna pakai jika terdapat keperluan terutamanya apabila melibatkan jumlah penduduk/ pemilik tanah yang ramai. Sebagai contohnya kaedah ini telah digunakan dalam pengambilan balik tanah untuk projek HEP Bakun, Empangan Bengoh, pembinaan Jambatan Tun Salahuddin dan sebagainya.

2. FORUM MENGENAI HAK KEPADA PENDIDIKAN BAGI KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN

Pejabat Sarawak telah membantu Kumpulan Pembangunan dan Penyelidikan Dasar (RPDG) menganjurkan forum di Kuching pada 25 September. Antara yang hadir telah mengenal pasti tiga perkara utama yang memerlukan campur tangan Kerajaan:

- *Peruntukan lebih besar untuk Sekolah Khas;*
- *Kajian semula kurikulum untuk disesuaikan dengan keperluan pelajar kurang upaya; dan*
- *Penyediaan guru terlatih bagi Sekolah Khas.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah menyediakan Peruntukan lebih besar untuk Sekolah Khas. Manakala Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (BPKhas, KPM) menyalurkan peruntukan mengikut keperluan dan kadar yang ditetapkan mengikut garis panduan serta prosedur yang berkaitan.

Terdapat 4 buah Sekolah Khas di Sarawak iaitu:

- | | | |
|---------------------------------|---|---------------------|
| 1. SK Pendidikan Khas Kuching | - | Masalah Penglihatan |
| 2. SK Pendidikan Khas Samarahan | - | Masalah Pendengaran |
| 3. SK Pendidikan Khas Sibu | - | Masalah Pendengaran |
| 4. SK Pendidikan Khas (P) Miri | - | Masalah Pendengaran |

3. SEMINAR MENGENAI PERKHIDMATAN JAGAAN DAN SOKONGAN KEPADA WARGA EMAS DAN SOKONGAN KEPADA PENJAGA

Pejabat Sarawak telah memberikan sokongan kepada RPDG dalam penganjuran seminar setengah hari yang diadakan di Kuching pada 26 September. Para peserta telah mengutarakan isu berkaitan dalam perbincangan mereka antaranya:

- Warga emas mengalami pelbagai cabaran dan halangan fizikal disebabkan keadaan persekitaran bangunan di sesetengah fasiliti.*
- Kebanyakan warga emas memerlukan bantuan kewangan memandangkan mereka tidak memiliki wang persaraan.*
- Warga emas terpaksa berhadapan dengan waktu menunggu yang lama dan panjang ketika mendapatkan perkhidmatan, terutamanya di hospital kerajaan.*
- Warga emas sepatutnya diberikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berpatutan termasuk pemeriksaan kesihatan yang berpatutan memandangkan kebanyakan mereka menghidapi penyakit seperti diabetes, hipertensi dan sakit jantung.*
- Penjaga warga emas kekurangan sumber manusia yang mencukupi, termasuk perkhidmatan sukarela, dalam menyediakan penjagaan institusi.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa prihatin kepada kesihatan dan kebajikan warga emas, perkhidmatan kesihatan untuk warga emas telah pun disediakan di seluruh negara. Hospital dan klinik-klinik kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan yang merangkumi pendidikan dan promosi kesihatan, pengesanan awal penyakit melalui saringan dan penilaian tahap kesihatan, pemeriksaan perubatan, kaunseling, khidmat rawatan serta rujukan juga perkhidmatan rehabilitasi iaitu fisioterapi dan terapi cara kerja (*occupational therapy*). Kementerian Kesihatan telah menyediakan kaunter pendaftaran bagi warga emas di seluruh hospital kerajaan dan juga klinik-klinik kesihatan serta pakar. Sistem *Stagger Time Appointment* juga diperkenalkan bagi mengurangkan masa menunggu pesakit dan mengelakkan kesesakan.

Perkhidmatan penjagaan kesihatan juga telah diperluaskan untuk golongan warga emas di institusi-institusi jagaan. Dalam *National Blue-Ocean Strategy 7 (NBOS 7): 1Malaysia Family Care*, KKM telah melaksanakan perkhidmatan saringan kesihatan, rawatan serta rujukan untuk warga emas di institusi dan yang terlantar di rumah.

Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui KKM untuk penjagaan kesihatan warga emas. Pada tahun 2012, kerajaan memperkenalkan pengecualian caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta klinik pergigian milik kerajaan.

Sebagai susulan kepada insentif tersebut, Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi pengecualian tambahan kepada warga emas bagi caj pendaftaran Jabatan Pesakit Luar Pakar sebanyak RM5 dan pengurangan caj pesakit kelas 3 sebanyak 50% dengan caj maksimum sebanyak RM250 bagi setiap kemasukan di hospital dan klinik kerajaan. Pengecualian ini telah berkuat kuasa mulai 1 Mei 2012.

Pada 28 Mei 2012 juga, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa KKM akan mengadakan pemeriksaan kesihatan berkala kepada penghuni di 48 pusat jagaan warga emas yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Seterusnya, pada bulan Ogos 2012, program ini telah diperluaskan melalui *National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS 7) 1Malaysia Family Care* di mana KKM telah melaksanakan perkhidmatan saringan kesihatan serta rawatan untuk warga emas yang tinggal di institusi, terlantar di rumah serta latihan kepada penjaga warga emas yang terlantar di rumah. Selain warga emas, NBOS 7 juga difokuskan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan ibu tunggal.

Bagi tahun 2013, seramai 11,294 orang warga emas yang tinggal di institusi telah menjalani saringan kesihatan manakala seramai 13,543 orang warga emas menerima rawatan susulan. Selain itu, 4,005 orang warga emas yang terlantar di rumah telah menjalani saringan kesihatan dan seramai 12,725 orang menerima rawatan. Seramai 11,701 orang penjaga warga emas yang terlantar di rumah juga telah dilatih bagi tempoh tersebut.

Selaras dengan hala tuju baru, KKM dengan kerjasama agensi Kerajaan dan NGO juga akan melaksanakan perkhidmatan penjagaan domisilari di peringkat kesihatan primer bagi membawa perkhidmatan kesihatan lebih dekat kepada pesakit melalui lawatan pasukan kesihatan yang terdiri daripada pelbagai disiplin kepakaran.

Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil inisiatif berikut berhubung isu aksesibiliti warga emas iaitu:

- (a) membuat pemantauan terhadap pelaksanaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS 1984) melalui pihak berkuasa tempatan (PBT). KPKT juga meneruskan pengagihan peruntukan tahunan kepada PBT secara berperingkat bagi tujuan pelaksanaan penyediaan / pengubahsuaian kemudahan sedia ada supaya mesra OKU dan warga emas; dan
- (b) mengadakan satu draf Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas telah disediakan dan kini sedang dikemas kini sebelum dimuktamad serta dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri.

Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memberikan keutamaan dari segi bantuan kebajikan masyarakat kepada warga emas yang miskin. Ini terbukti di mana KARISMA Warga Emas atau Bantuan Orang Tua (BOT) merupakan skim bantuan kebajikan yang terbesar daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan. Pada tahun 2013, JKM membelanjakan sebanyak RM540 juta bagi memberi bantuan kebajikan kepada 142,124 orang warga emas di seluruh negara. Ini merupakan 35% daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan masyarakat pada tahun 2013. Sesungguhnya bantuan ini adalah satu inisiatif keprihatinan kerajaan bagi membantu warga emas menampung sebahagian kos sara hidup. Apa yang penting ialah sokongan anak dan ahli keluarga supaya ibu bapa mereka dapat hidup sihat sejahtera.

Di samping itu, Kerajaan menerusi JKM telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) bagi memenuhi keperluan warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik kesihatan. Semasa peringkat awal pewujudan perkhidmatan UPWE pada tahun 2008, hanya terdapat seramai 239 orang warga emas yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Bilangan tersebut telah meningkat kepada 2,042 orang warga emas pada akhir tahun 2013.

Kerajaan melalui JKM juga telah mengambil inisiatif melaksanakan Perkhidmatan Bantu di Rumah atau *Home Help Services* yang bercorak *reaching out* kepada warga emas dan OKU sejak tahun 2005. Perkhidmatan ini dikendalikan melalui kerjasama strategik dengan sukarelawan daripada NGO iaitu Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM), Persatuan Kebajikan Usiamas Malaysia, Persatuan Gerontologi dan Majlis Kebajikan Sosial Sarawak. Sukarelawan ini membantu atau menemani warga emas dan OKU menjalani kehidupan seharian mereka seperti:

- mengemas dan membersihkan tempat tinggal;
- menemani warga emas dan OKU membeli-belah barangan dapur;
- membayar bil utiliti;
- membawa mereka ke hospital;

- menatariaskan warga emas dan OKU seperti membersihkan diri, menyikat atau mendandan rambut dan memotong kuku; dan
- menjadi sahabat kepada warga emas dan OKU tersebut.

Sehingga bulan Februari 2014, seramai 1,716 orang sukarelawan terlibat dalam memberikan perkhidmatan *Home Help* yang mana seramai 4,379 orang warga emas dan OKU mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini.

Di peringkat negeri Sarawak secara khusus, untuk mengatasi masalah kewangan warga emas, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Sarawak (JKMNS) telah menyediakan bantuan orang tua dengan kadar RM300.00 sebulan untuk mereka warga emas yang layak menurut syarat skim bantuan.

Dasar Warga Emas telah pun diterima pakai oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 lagi. Pelaksanaan dasar ini secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada Negeri Sarawak khasnya dalam konteks kesejahteraan warga emas. Pemakaian Dasar Warga Emas Negara selaras dengan pendekatan berasaskan *community based*, iaitu lebih banyak program dan aktiviti sosial seperti sukan, kebudayaan, belia dan wanita/keluarga dilaksanakan kerajaan bersama-sama, dengan NGOs, sektor swasta, komuniti dan orang perseorangan. Pada masa ini Kerajaan telah mengambil beberapa strategi bagi menjamin warga emas hidup selamat dan dilindungi, memudahkan akses pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga emas, keluarga dan masyarakat serta meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat pelbagai umur.

JKMNS juga telah mewujudkan Program “home-help services” sejak tahun 2013. Ia bagi memberi bantuan kepada warga emas yang memerlukan perkhidmatan di rumah. Program ini melibatkan penyertaan dari sukarelawan yang berminat.

Selain itu, JKMNNS juga menyediakan dua buah rumah khas untuk warga emas yang dikenali sebagai Rumah Sri Kenanga (RSK) di Sibu dan Kuching dengan kapasiti maksimum seramai 100 orang untuk setiap RSK. Bagi warga emas di institusi, orang ramai dan sektor korporat digalakkan memberi sumbangan dan khidmat sukarelawan mengikut kepakaran masing-masing.

4. MEMANTAU FASILITI

(a) Sekolah Khas

Pejabat Sarawak dan Sekretariat Suruhanjaya telah mengadakan lawatan bagi mengumpul maklumat ke atas dua buah Sekolah Khas di Kuching serta pusat jagaan kanak-kanak bermasalah pembelajaran mereka.

(i) *SK Serian, 23 Julai*

Seramai 52 orang pelajar sekolah yang berdaftar tahun ini berumur dari 7-14 tahun. Walaupun terdapat lapan buah kelas, tidak terdapat kelas khas bagi pengajaran Pendidikan Islam. Selain itu, tandas juga tidak bersesuaian bagi pelajar kurang upaya; kelas terletak di kawasan rendah dan terdedah kepada banjir pada setiap tahun; pintu masuk kelas tidak sesuai bagi mereka yang menggunakan kerusi roda.

(ii) *SK Laksamana, 25 Julai*

Sekolah tersebut memiliki tujuh buah kelas dan cukup untuk menampung pengambilan seramai 69 orang pelajar berumur dari 7-13 tahun bagi tahun ini. Penghadang turut dipasang bagi mengelakkan para pelajar autistik daripada meninggalkan kelas mereka tanpa disedari. Sekolah tersebut mempunyai seramai 16 orang guru. Mereka turut meminta peralatan mengajar tambahan untuk pelajar yang menghidapi disleksia.

Syor Suruhanjaya

- 1. Kerajaan harus menyediakan dana yang mencukupi untuk Sekolah Khas.*
- 2. Kelas dan tandas yang bersesuaian di sekolah.*
- 3. Premis yang mesra pelajar kurang upaya perlu disediakan terutamanya bagi mereka yang menggunakan kerusi roda.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Projek gantian penuh SKPK Kuching sedang dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada bulan Oktober 2014. Perpindahan ke sekolah baru kelak akan dapat menyediakan kemudahan yang selamat dan kondusif.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan inisiatif bagi membina kemudahan mesra OKU melibatkan aspek pembinaan tandas OKU, susur landai, susur tangan dan parkir. Buktinya, pada tahun 2012, sebanyak 146 projek telah dijalankan, manakala pada tahun 2013, sebanyak 4 projek dan pada tahun 2014 pula sebanyak 15 projek.

Kerajaan negeri sentiasa mengambil maklum akan keperluan peruntukan bagi sekolah-sekolah untuk membuat kerja naik taraf atau bina baru kelas PPKI. Namun, hal ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang diturunkan oleh pihak KPM.

Sebagai maklumat tambahan, SK Pendidikan Miri juga telah diluluskan projek di bawah peruntukan KPM bagi pembinaan baru sekolah.

Bagi sekolah-sekolah yang menawarkan kelas PPKI pula, beberapa peruntukan khusus yang melibatkan jumlah yang besar telah disalurkan. Antara peruntukan yang telah dibelanjakan ialah melibatkan pembinaan kemudahan Mesra OKU di 11 buah sekolah di Sarawak pada tahun 2012 (RM80 000/sebuah sekolah), projek naik taraf di 16 buah sekolah pada tahun 2013 yang melibatkan peruntukan sejumlah RM1,006,025.47 dan pada tahun ini peruntukan berjumlah RM3,150,000.00 disalurkan untuk 15 buah sekolah di Sarawak.

i. Kajian semula kurikulum untuk disesuaikan dengan keperluan pelajar kurang upaya

Kurikulum Pendidikan Khas Kebangsaan adalah kurikulum yang diubah suai mengikut keperluan murid-murid pendidikan khas. Langkah-langkah Pengajaran & Pembelajaran bagi setiap kemahiran diperincikan oleh guru mengikut tahap pemahaman murid supaya objektif pembelajaran dan pengajaran tercapai.

ii. Penyediaan guru terlatih bagi Sekolah Khas

Guru yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) adalah terdiri daripada guru yang majoritinya adalah berlatar belakang Pendidikan Khas. Manakala, guru-guru yang bukan berlatar belakang Pendidikan Khas berpeluang mengikuti kursus jangka pendek bagi meningkatkan kemahiran masing-masing. Antara langkah kerajaan dalam memberikan latihan kemahiran profesionalisme seumpama ini ialah memperkenalkan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO).

Merujuk kepada dapatan pihak SUHAKAM di SK Serian, dimaklumkan bahawa sememangnya tiada ketetapan bahawa setiap sekolah yang menawarkan kelas PPKI perlu menyediakan kelas khas bagi pengajaran Pendidikan Islam. Namun, jika sekiranya sekolah mempunyai bilik darjah kosong yang boleh diubah suai menjadi kelas Pendidikan Islam, perkara ini amatlah dialu-alukan. Penyediaan kelas-kelas khas seumpama ini adalah tertaluk kepada ruang dan fasiliti infrastruktur kelas di setiap sekolah. Sebagai alternatifnya, guru-guru boleh menggunakan bilik sembahyang atau surau yang ada di sekolah bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Islam.

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak juga telah menyenaraikan SK Serian untuk menerima peruntukan naik taraf di bawah RMK10 namun masih belum ada keputusan dari pihak yang berkenaan.

Di peringkat sekolah, peruntukan tetap setiap tahun yang diterima adalah Bantuan Per Kapita (PCG) Murid. Justeru, bahan bantu mengajar akan dibeli menggunakan peruntukan tersebut. Jabatan ini akan menyalurkan peruntukan tambahan dari semasa ke semasa tertakluk kepada peruntukan yang diterima daripada pihak KKM.

Dimaklum juga bahawa KKM kini dalam usaha melengkapkan kemudahan mesra OKU sekurang-kurangnya sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah di setiap daerah sejajar dengan inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan.

Sebagai tambahan, istilah Sekolah Khas adalah merujuk kepada Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK). Sekolah ini adalah khas untuk murid berkeperluan khas (MBK) masalah pendengaran dan masalah penglihatan. Merujuk kepada sekolah-sekolah yang telah dilawati oleh pihak SUHAKAM, sekolah tersebut adalah Sekolah Harian Biasa yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Justeru, istilah yang seharusnya digunapakai ialah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan bukannya Sekolah Khas kerana kedua-dua istilah ini membawa maksud yang berbeza.

Di peringkat Persekutuan, kelulusan peruntukan adalah bergantung kepada bajet yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia.

(c) Lokap Polis Sg Maong

Pesuruhjaya telah mengetuai lawatan ke balai polis pada 1 Ogos dan disambut oleh pegawai yang bertugas iaitu, Inspektor Standly Mawat anak Ranggau. Lokap yang memiliki dua sel tersebut boleh memuatkan sehingga lima orang tahanan. Daripada pemerhatiannya, Suruhanjaya telah mengesyorkan supaya kebersihan tandas perlu dijaga; lampu yang mencukupi dalam sel; dan selimut disediakan untuk tahanan.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Mengikut Warta Lokap Sarawak LN (F) 15 bertarikh 28 Februari 1989 terdapat dua (2) Sel Dewasa, iaitu Sel 1 – dua (2) orang tahanan dan Sel 2 – tiga (3) orang tahanan.

Ketua Polis Balai (KPB) Sg. Maong mengesahkan bahawa isu yang dibangkitkan adalah berkaitan mangkuk tandas yang lusuh (tandas cangkung). Tahap kebersihan telah dipertingkatkan dan mangkuk tandas telah diganti. Walau bagaimanapun, secara umumnya di Sarawak kebersihan tandas di lokap-lokap dijaga sepenuhnya.

Setiap sel dibekalkan dengan satu (1) lampu dan tindakan telah diambil dengan menukar mentol lampu yang lebih terang berbanding dengan mentol yang malap sebelumnya.

Selimut sememangnya tidak dibekalkan kepada tahanan dalam lokap kerana tiada peruntukkan selimut diberikan atas alasan keselamatan. Ini merujuk kepada hukuman tetap Ketua Polis Negara Bahagian A 118, perkara 39 yang melarang setiap pakaian tahanan yang boleh digunakan sebagai alat untuk mendatangkan kecederaan kepada diri mereka sendiri ataupun tahanan lain adalah dibawa masuk ke dalam lokap. Walau bagaimanapun baju dan seluar Orang Kena Tuduh (OKT) dibekalkan kepada orang tahanan dalam lokap.

(d) Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Miri

Pada 3 Disember, Pejabat Sarawak serta Sekretariat Suruhanjaya telah melakukan lawatan ke pusat tersebut bagi menilai perkhidmatan yang disediakan melalui PDK untuk kanak-kanak kurang upaya. Konsep PDK ini menekankan kepada peningkatan kualiti hidup bagi orang yang kurang upaya termasuklah ahli keluarga mereka; memenuhi keperluan asas mereka; dan membolehkan kemasukan dan penyertaan dalam bermasyarakat. Ia telah berkembang menjadi strategi berkonsepkan serampang dua mata dalam memperkasakan OKU bagi membolehkan mereka memanfaatkan perkhidmatan pendidikan, pekerjaan, penjagaan kesihatan dan sosial.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan supaya PDK diintegrasikan melalui usaha sama dengan OKU, ahli keluarga mereka, komuniti, agensi kerajaan serta NGO. Ini memerlukan kerjasama yang erat antara OKU dan keluarga mereka bagi mengatasi halangan fizikal serta sosiologikal dalam masyarakat.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Pada ketika ini, terdapat 38 buah pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di seluruh Sarawak. Antara tujuan program ini adalah sebagai satu strategi dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU dengan penglibatan aktif OKU, keluarga dan masyarakat setempat dan disokong oleh perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber tempatan.

Pendekatan yang diamalkan adalah melalui kerjasama bersepadu pelbagai sektor dalam perancangan dan penyediaan perkhidmatan serta kemudahan yang diperlukan. Ia juga merupakan satu alternatif kepada pemulihan dalam institusi.

Pada tahun 2014, sebanyak 5 buah lagi PDK telah diluluskan untuk pengoperasian iaitu PDK Sri Sebuyau, Sebuyau Ai, Lubok Antu, PDK Tatau, Tatau dan PDK Morsjaya, Miri.

Pada awal penubuhannya, program PDK Miri ini dikenali sebagai PIBAKIS. Pusat ini telah didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 oleh sekumpulan ibu bapa serta penjaga yang memiliki anak kurang upaya pada tahun 1991. Bagi tahun 2013, jumlah kemasukan murid adalah seramai 185 dengan 24 tenaga pengajar. Pusat ini beroperasi setiap hari dari 8.00 pagi – 1.00 tengahari dan dari 1.30 petang – 5.00 petang bagi menyediakan perkhidmatan berikut:

- (i) Sokongan intervensi awal dan penyertaan kanak-kanak kurang upaya
Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk menyertai sepenuhnya dalam komuniti dan hendaklah mempunyai pilihan, peluang dan pengalaman hidup yang sama seperti kanak-kanak lain. Sokongan tambahan yang disediakan untuk kanak-kanak kurang upaya dan ahli keluarga mereka boleh membantu mereka untuk menyertai dalam masyarakat, dengan itu memenuhi potensi mereka. Penyediaan sokongan awal dengan hasil yang lebih baik terutamanya jika disediakan dalam persekitaran semula jadi kanak-kanak.*
- (ii) Lawatan ke rumah
Lawatan ini dilakukan oleh empat orang tenaga pengajar yang melawat sebanyak 30 buah rumah pada setiap hari bagi mengawasi perkembangan kanak-kanak.*
- (iii) Aktiviti luar
Kanak-kanak kurang upaya diberi pendedahan kepada kelas agama, kelas menjahit dan kelas memasak serta aktiviti riadah supaya mereka dapat mempelajari kemahiran hidup berdikari dan berinteraksi antara satu sama lain.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Program PDK telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1984. Ia merupakan satu program pemulihan dan pembangunan untuk OKU termasuk kanak-kanak OKU yang dijalankan di dalam komuniti supaya mereka dapat mengecapi peluang sama rata serta diintegrasikan dalam masyarakat.

Seperti pusat PDK yang lain, Pusat PDK MIRI dilaksanakan oleh Jawatankuasa PDK melalui kerjasama multi-sektoral dan penglibatan aktif ibu bapa, keluarga,

masyarakat setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pelbagai agensi berkaitan misalnya Jabatan Kesihatan, Jabatan Pelajaran dan Jabatan Tenaga Kerja. Pengoperasian pusat PDK adalah berdasarkan Garis Panduan Pengurusan PDK yang dikeluarkan oleh JKM.

Di samping itu, bagi memudahkan pelbagai pelaksanaan program bagi pembangunan dan manfaat OKU di pusat PDK Miri, ibu bapa dan penjaga kanak-kanak yang mengikuti program PDK ini telah membuat pendaftaran di Pertubuhan Sukarela.

Antara aktiviti/latihan pemulihan yang disediakan di pusat PDK termasuk di pusat PDK Miri ialah:

- (i) aktiviti kehidupan harian (*daily living activities*) seperti mengemas diri, makan, menyikat rambut, penggunaan tandas, pengurusan diri dan lain-lain;
- (ii) kemahiran motor kasar yang melibatkan pergerakan anggota badan seperti berjalan, berlari, merangkak, melompat dan sebagainya;
- (iii) kemahiran motor halus yang melibatkan pemikiran, penglibatan serta pergerakan jari seperti membuat bentuk kuih dari tanah liat, menggunting kertas, melekat gambar, menyusun dan mewarna; dan
- (iv) aktiviti pra-akademik seperti kemahiran membaca, mengira dan menulis abjad yang mudah.

Pada masa ini, sebanyak 488 pusat PDK seumpamanya telah ditubuhkan di seluruh negara yang memberi perkhidmatan kepada 21,318 OKU.

Bagi mereka yang tidak dapat menghadiri diri ke program PDK di pusat PDK atas faktor ketidakupayaan yang serius, kanak-kanak kurang upaya boleh mengikuti program PDK di rumah melalui program lawatan ke rumah yang dilaksanakan oleh petugas PDK.

Program PDK dilihat sebagai alternatif pendidikan khas selaras dengan keperluan pendidikan wajib sekolah rendah seperti yang termaktub di bawah seksyen 29A Akta Pendidikan 1996 dan seksyen 3 (2) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 bagi kanak-kanak OKU *moderate* dan *severe* ketidakupayaannya. Ini kerana program pendidikan khas hanya menawarkan tempat kepada kanak-kanak OKU yang boleh mengurus diri. Bagi kanak-kanak OKU yang telah menunjukkan peningkatan dalam pengurusan diri, mereka akan dipertimbangkan untuk ditempatkan semula di sekolah pendidikan khas KPM.

Di peringkat negeri Sarawak, program PDK ditumpukan kepada OKU yang memerlukan pemulihan dan latihan asas dari segi pergerakan, pertuturan, pendidikan khas dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan harian. Ia terbuka kepada semua jenis ketidakupayaan dan semua peringkat umur dan bukan hanya kanak-kanak sahaja. Selain dari kemahiran aktiviti-aktiviti kehidupan harian ADL Aktiviti/program kemahiran diri telah diperkenalkan bagi penambahbaikan program/aktiviti yang sedia ada dan antaranya ialah latihan vokasional, penempatan pekerjaan dan “Economic Empowerment Programme (EEP)”. Selain dari itu, melalui JKMNS, setiap PDK telah diarah untuk mengeluarkan produk masing-masing selaras dengan slogan “1 PDK 1 Produk.”

6. CERAMAH MENGENAI HAK ASASI MANUSIA

(a) Rumah Kanak-kanak, Serian, Kuching

Rumah ini memberikan perlindungan kepada 79 orang kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun. Lawatan pada 19 September ke rumah ini, membolehkan para peserta mengutarakan persoalan berikut:

- *Sama ada kanak-kanak boleh memilih agama sekiranya tidak terdapat sebarang maklumat tentang latar belakang keluarga mereka.*

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan masih mengekalkan reservasi kepada Artikel 2, 7, 14, 28(1)(a) dan 37 CRC kerana artikel-artikel tersebut bercanggah dengan peruntukan sedia ada di bawah Perlembagaan Persekutuan, undang-undang sedia ada serta polisi negara. Selaras dengan reservasi ke atas Artikel (14) CRC dan Perlembagaan Persekutuan, kanak-kanak tidak boleh memiliki kebebasan beragama.

(c) Orang Kurang Upaya, Miri

Bersempena dengan Hari OKU pada 3 Disember, satu sesi ceramah telah diadakan dan telah menarik lebih daripada 76 orang peserta daripada agensi kerajaan, NGO serta individu yang berminat.

Pesuruhjaya telah memberikan taklimat kepada peserta tentang hak OKU seperti yang termaktub di dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008. Para peserta turut menunjukkan minat tentang fungsi orang ramai dalam membantu kerajaan mendaftarkan OKU. Mereka mencadangkan supaya

agensi kerajaan mengambil lebih ramai kakitangan daripada kalangan OKU; dan meminta supaya Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan untuk OKU dalam setiap pelan perancangan bangunan mereka.

MAKLUM BALAS KERAJAAN

Kerajaan telah mengambil inisiatif tertentu bagi menggalakkan penyertaan OKU di sektor awam seperti memperkenalkan Dasar 1% Peluang Pekerjaan di Sektor Awam Kepada OKU melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010. Dasar ini merupakan inisiatif pihak Kerajaan untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor awam kepada golongan OKU yang berkelayakan. Berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Awam, secara keseluruhannya seramai 2,418 orang penjawat awam OKU sedang berkhidmat di pelbagai kementerian/agensi kerajaan pada tahun 2013. Bagi pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak sahaja, seramai 48 orang penjawat awam OKU telah diambil berkhidmat bagi tempoh yang sama. Di samping itu, kerajaan juga telah berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang bebas halangan bagi memudahkan aksesibiliti, mobiliti dan akses oleh OKU kepada bangunan dan kemudahan awam.

Dari segi perundangan, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 telah dipinda pada tahun 1990 dengan memasukkan Undang-undang Kecil 34A yang mensyaratkan bangunan-bangunan awam (yang mana orang awam mempunyai akses) disediakan kemudahan untuk OKU seperti ramp, tempat letak kereta khas OKU, tandas OKU dan sebagainya. Undang-undang ini telah diwartakan dan dikuatkuasakan oleh semua PBT mengikut negeri.

Selain itu, beberapa piawaian Standard Malaysia (*Malaysian Standard*) telah disediakan oleh pihak *Standards and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM) bagi memastikan keperluan OKU diambil kira oleh semua pihak yang berwajib. Antara piawaian Standard Malaysia tersebut ialah MS 1184 : 2002 - *Code of Practice on Access for Disabled Persons to Public Buildings*; MS 1183 : 1990 - *Code of Practice for Means of Escape for Disabled Persons*; MS 1331 : 2003 - *Code of Practice for Access for Disabled Persons Outside Buildings*; dan MS 2015 : Part 1 – 4 : 2006 – *Public Toilets*.

KPKT telah mengeluarkan *Guidelines on Buildings Requirements for Disabled Persons* pada tahun 1999. Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pembinaan dan penyelenggaraan sesebuah bangunan seperti pereka bentuk (arkitek, jurutera dan perancang bandar), pemaju (pemaju, kontraktor dan penyelia tapak), PBT dan pihak-pihak lain yang berkaitan, umpamanya pembuat dasar, pengurus hartanah, pengilang barangan dan penyelidik.

Selain itu, KPKT juga telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) Tahun 2010 yang merupakan hasil semakan semula ke atas Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kemudahan OKU Tahun 2000. Garis Panduan ini menggariskan keperluan merancang kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang bercirikan reka bentuk sejagat yang boleh diakses oleh semua golongan masyarakat secara inklusif untuk semua peringkat umur dan keupayaan fizikal, termasuk OKU.

Pada tahun 2011 kerajaan juga telah bersetuju dengan cadangan supaya wakil OKU dilantik dalam jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas perancangan dan pembangunan di setiap PBT; dan penubuhan Unit Audit Akses di setiap PBT.

Keanggotaan OKU dalam jawatankuasa tersebut adalah signifikan bagi memastikan setiap projek perancangan dan pembangunan mengambil kira keperluan golongan OKU khususnya dari aspek aksesibiliti kepada bangunan dan kemudahan awam. Sebagai pengguna akhir (*end-user*), hanya golongan OKU yang lebih memahami dan mengetahui mengenai tahap aksesibiliti sesuatu kemudahan dan persekitaran awam yang disediakan oleh PBT atau pihak penyedia perkhidmatan sama ada dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka apabila disediakan kelak.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada persetujuan di peringkat negeri memandangkan PBT adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan bukan persekutuan.

Langkah mewujudkan persekitaran bebas halangan adalah penting bagi menggalakkan integrasi serta penyertaan penuh dan efektif OKU dalam masyarakat, seterusnya bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

APA	Akta Perhimpunan Aman 2012
APF	Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (<i>Asia Pacific Forum Of National Human Rights Institutions</i>)
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (<i>Association of Southeast Asian Nations</i>)
ATHAM	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia
ATIP	Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran
ATIPSOM	Akta Antipemerdangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007
BALB	Bekalan Air Luar Bandar
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
BNM	Bank Negara Malaysia
BOT	Bantuan Orang Tua
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPKhas	Bahagian Pendidikan Khas
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
BTPN	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri
CAT	Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (<i>Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment</i>)
CCTV	Kamera Litar Tertutup (<i>Closed Circuit Television</i>)
CDHRI	Deklarasi Hak Asasi Manusia Dalam Islam Kaherah (<i>Cairo Declaration on Human Rights in Islam</i>)
CEDAW	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (<i>Convention on the Elimination of all Forms of Discrimination against Women</i>)
CFNHRI	Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (<i>Commonwealth Forum Of National Human Rights Institutions</i>)

CRC	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (<i>Convention on the Rights of the Child</i>)
CRPD	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (<i>Convention on the Rights of Persons with Disabilities</i>)
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat (<i>Corporate Social Responsibility</i>)
CUZ	Community Use Zone
CWLD	Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran (<i>Children With Learning Disabilities</i>)
DGTU	Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (<i>Director General of Trade Unions</i>)
DMO	<i>Delivery Management Office</i>
EAIC	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (<i>Enforcement Agency Integrity Commission</i>)
EIA	Penilaian Impak Alam Sekitar (<i>Environmental Impact Assessment</i>)
EO	Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969 (<i>Emergency [Public Order and Preventive of Crime] Ordinance 1969</i>)
FC	Perlembagaan Persekutuan (<i>Federal Constitution</i>)
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (<i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>)
FMU	Unit Pengurusan Hutan (<i>Forest Management Unit</i>)
FTA	Perjanjian Perdagangan Bebas (<i>Free Trade Area</i>)
GAP	Amalan Pertanian Baik (<i>Good Agricultural Practise</i>)
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan (<i>Government Linked Company</i>)
GPS	Gred Purata Sekolah
HAB	Hak Adat Bumiputera
HEP	<i>Hydro Electrical Project</i>

HRBA	Pendekatan Hak Asasi Manusia (<i>Human Rights-Based Approach</i>)
HRC	Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (<i>Human Rights Council</i>)
IAB	Institut Aminuddin Baki
ICC	Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa bagi Institusi-Institusi Nasional untuk Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (<i>International Coordinating Committee of National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights</i>)
ICCPR	Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (<i>International Covenant on Civil and Political Rights</i>)
ICERD	Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (<i>International Convention on the Elimination of all Forms of Racial Discrimination</i>)
ICESCR	Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial, dan Kebudayaan (<i>International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights</i>)
IGA	Perjanjian Jaminan Pelaburan (<i>Investment Guarantee Agreement</i>)
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa (<i>International Labour Organization</i>)
IMABT	Makluman Awal, Bebas dan Telus (<i>Free, Prior and Informed Consent</i>)
IPCMC	Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (<i>Independent Police Complaints and Misconduct Commission</i>)
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPR	Hak Harta Intelekt (<i>Intellectual Property Rights</i>)
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960
ISDS	Penyelesaian Pertikaian Kerajaan Pelabur (<i>Investor-State Dispute Settlement</i>)

ISTAC	Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (<i>International Institute of Islamic Thought and Civilization</i>)
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JASA	Jabatan Hal Ehwal Khas
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKKKOA	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPAN	Jabatan Pengaduan Awam Negeri
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPPM	Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
JTSS	Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
JTUS	Jabatan Tanah dan Ukur Sabah
KAR1SMA	Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KDR1M	Kad Diskaun Rakyat 1Malaysia
KEDAP	Kelas Dewasa Bagi Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi
KIK	Konvesyen Inovatif dan Kreatif
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
KPJ	Kanun Prosedur Jenayah
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPN	Ketua Polis Negara
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSRPK	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas
KTN	Kanun Tanah Negara
KTNS	Kanun Tanah Negeri Sarawak
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
LCDA	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (<i>Land Custody and Development Authority</i>)
LGBT	<i>Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender</i>
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LUC	Jawatankuasa Penggunaan Tanah (<i>Land Utilisation Committee</i>)
MAIAMPk	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak
MAPO	Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran
MAS	<i>Malaysia Airlines System</i>
MAYNEU	Kesatuan Pekerja-Pekerja Bukan Eksekutif Maybank (<i>Maybank Non-Executive Employees Union</i>)
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MC&I	<i>Malaysian Criteria and Indicators</i>
MFN	<i>Most Favoured Nation</i>
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MPKSM	Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar
MTCS	Skim Pensijilan Kayu Malaysia (<i>Malaysian Timber Certification Scheme</i>)
MTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (<i>Malaysian Trades Union Congress</i>)

NBOS	<i>National Blue Ocean Strategy</i>
NCR	Hak Tanah Adat
NGO	Badan Bukan Kerajaan (<i>Non-Governmental Organisations</i>)
NHRAP	Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (<i>National Human Rights Action Plan</i>)
NHRI	Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (<i>National Human Rights Institutions</i>)
NI	<i>National Inquiry</i>
NT	<i>Native Title</i>
NUBE	Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (<i>National Union of Bank Employees</i>)
NUFAM	Kesatuan Kebangsaan Anak Kapal Kabin Penerbangan Malaysia (<i>National Union of Flight Attendants Malaysia</i>)
OA	Orang Asal/Anak Negeri
OKU	Orang Kurang Upaya
OTS	Ordinan Tanah Sabah
PANTAS	Unit Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah
PAWE	Pusat Jagaan Warga Emas
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBOA	Perkhidmatan Bergerak Orang Asli
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PCA	Akta Pencegahan Jenayah 1959 (<i>Prevention of Crime Act 1959</i>)
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PDU	Perkhidmatan Doktor Udara
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan

PITO	Program Intervensi Tambah Opsyen
PKPMP	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
PMB	Perbincangan Meja Bulat
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPM	Pembantu Pengurusan Murid
PRU	Pilihan Raya Umum
PTPOA	Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli
RGC	Pusat Pertumbuhan Desa
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>)
RMT	Rancangan Makanan Tambahan
RPDG	Kumpulan Penyelidikan & Pembangunan Dasar (<i>Research and Policy Development Group</i>)
RPS	Rancangan Penempatan Semula
RSPO	<i>Roundtable on Sustainable Palm Oil</i>
RTM	Radio Televisyen Malaysia
RWI	<i>Raoul Wallenberg Institute</i>
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SALCRA	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (<i>Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>)
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SBGP	Skim Bantuan Galakan Pendidikan
SCA	Jawatankuasa Kecil Akreditasi (<i>Sub-Committee on Accreditation</i>)
SFM	Pengurusan Hutan Mampan (<i>Sustainable Forest Management</i>)
SFMLA	Lesen Perjanjian Pengurusan Hutan Mampan (<i>Sustainable Forest Management License Agreement</i>)
SKHPPA	Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SLDB	Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (<i>Sabah Land Development Board</i>)


SMPK	Sekolah Menengah Pendidikan Khas
SMPKV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
SOGI	<i>Sexual Orientation and Gender Identity</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SOSMA	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (<i>Security Offences [Special Measures] Act 2012</i>)
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
SPBS	Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
SPIKPA	Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing
SPK	Sekolah Pendidikan Khas
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SSC	Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen
TIP	Pemerdagangan Orang (<i>Trafficking In Persons</i>)
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TPPA	Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (<i>Trans-Pacific Partnership Agreement</i>)
TVPA	Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Amerika Syarikat 2000 (<i>Trafficking Victims Protection Act</i>)
UDHR	Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (<i>Universal Declaration of Human Rights</i>)
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKBS	Undang-undang Kecil Bangunan Seragam
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMS	Universiti Malaysia Sabah

UNHCR	Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (<i>United Nations High Commissioner for Refugees</i>)
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPR	Penilaian Penggalan Sejagat (<i>Universal Periodic Review</i>)
UPSI	Universiti Perguruan Sultan Idris
UPWE	Unit Penyayang Warga Emas
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia (<i>World Health Organisation</i>)
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia



Diselaraskan Oleh:
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62692 PUTRAJAYA
Tel : 03-8885 1000
Faks : 03-8885 1048 / 03-8885 1051
Web : www.bheuu.gov.my

ISSN 2289-6562



9 772289 656001